



**ESEI-ESEI
BUDAYA
DAN
SEJARAH**

MELAKA



***ESEI-ESEI
BUDAYA
DAN
SEJARAH***

MELAKA

Ketua Penyunting
DR. OMAR FAROUK BAJUNID



SIRI MINGGU KESENIAN ASRAMA ZA'BA

Semua pertanyaan mengenai penerbitan buku ini bolehlah
dialamatkan kepada

**Asrama Za'ba
Universiti Malaya
Lembah Pantai
59100 Kuala Lumpur
Malaysia**

Cetakan Pertama 1989

© **Hakcipta Asrama Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur**

Hakcipta terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan apa cara pun samada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengetua Asrama Za'ba, Universiti Malaya. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti dan honorarium.

ISBN 983 - 99631 - 0 - 4

Diaturhuruf oleh: City Reprographic Services

Muka taip teks : IBM Theme

Saiz taip teks : 11 poin

Dicetak oleh

City Reprographic Services
No. 2, Jalan Vivekananda, Brickfields,
50470 Kuala Lumpur, Tel: 2742276.

534524

PRAKATA

Pada 25 hingga 29 November 1986, hampir tiga ratus orang para artis dari negeri Melaka yang mewakili pelbagai jenis seni tradisional telah berkunjung ke Asrama Za'ba, Universiti Malaya untuk mempersembahkan warisan kesenian Melaka di dalam majlis yang dinamakan Minggu Kesenian Melaka. Projek Minggu Kesenian Melaka adalah susulan dari Projek Minggu Kesenian Kelantan yang telah dijalankan pada tahun sebelumnya. Selain dari persembahan para artis di dalam kira-kira tiga puluh acara yang meliputi bidang sukan rakyat, seni pementasan, muzik, masakan dan juga adat istiadat masyarakat majmuk Melaka, bersempena dengan pertunjukan ini, telah juga diadakan ceramah, bengkel, kelas pakar dan kuliah awam mengenai pelbagai aspek budaya dan masyarakat Melaka. Seluruh Projek Minggu Kesenian Melaka ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada pihak Universiti Malaya memainkan peranan yang lebih aktif dan positif sebagai pemelihara warisan budaya negara selaras dengan keputusan Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang telah diadakan pada tahun 1972 mengenai-nya.

Selain dari memperkenalkan khazanah kesenian negara yang amat kaya kepada masyarakat umum, projek ini juga menjalankan usaha pendokumentasian yang merangkumi bahan seni dan isu-isu yang menyentuh kedudukan Melaka sebagai sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia. Buku Esei-esei Budaya dan Sejarah Melaka ini adalah hasil sebahagian daripada usaha pendokumentasian ini. Kesemua makalah yang termuat di dalam buku ini adalah diambil dari bahan kuliah awam yang telah dikendalikan bersempena dengan Minggu Kesenian Melaka.

Banyak pihak telah membantu menjayakan Projek Minggu Kesenian Melaka. Dengan cara yang tidak langsung, hal ini telah memungkinkannya penerbitan buku ini. Oleh itu, kami ingin merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada YAB Encik Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang telah melakukan upacara perasmian Projek Minggu Kesenian Melaka. Kami juga amat menyanjung tinggi akan penglibatan YAB Datuk Seri Rahim Tamby Chik, Ketua Menteri Melaka sebagai Penaung Projek Minggu Kesenian Melaka ini dan menghargai sokongan Kerajaan Negeri Melaka yang membiayai sebahagian daripada projek minggu kesenian ini. Sokongan Kement-

terian Kebudayaan Belia dan Sukan, khususnya Ketua Pengarah Kebudayaan, Encik Aziz Deraman di dalam berbagai cara adalah dihargai.

Pihak Universiti Malaya sendiri telah banyak membantu projek ini di dalam banyak cara. Profesor Diraja Ungku Aziz, Naib Canselor pada masa itu dan Profesor Madya Datuk Mohd. Yunus Mohd Nor, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar, khususnya telah melibatkan diri secara langsung di dalam mendukung projek ini.

Terima kasih diucapkan juga kepada semua pihak yang lain yang telah memainkan peranan di dalam apa cara jua bagi menjayakan Projek Minggu Kesenian Melaka. Kami fikir adalah juga wajar dinyatakan bahawa projek ini tidak mungkin terlaksana tanpa daya usaha, tenaga dan titik peluh para pelajar Asrama Za'ba dibawah kepimpinan Pengarah Projek, Sdr. Abd. Wahid Nasir. Syabas sekali lagi.

Khusus untuk buku ini ramai pihak telah memainkan peranan di dalam proses penerbitannya. Kami amat menghargai sumbangan penulis-penulis makalah yang telah membenarkan pihak Asrama Za'ba menggunakan bahan yang telah dibentang oleh mereka dalam kuliah awam untuk tujuan penerbitan buku ini. Ahli-ahli Jawatankuasa Projek Pendokumentasian Kesenian telah bertungkus-lumus menyiapkan deraf-deraf awal untuk tujuan penerbitan ini. Peranan yang pokok telah dimainkan oleh Sdr. Pazilah Jusoh, selaku Pengarah Projek. Di antara mereka yang telah menjalankan kerja-kerja menaip, penyuntingan dan penyusunan termasuk Sdr. Roslan Ali, Sdr. Sharudin Ahmad Nawawi, Sdr. Syed Nor Azam Syed Mohamed dan Sdr. Badar Basir. Sdri. Harvinder Kaur telah membantu menterjemahkan karya Encik Tooru Nomura yang asalnya dalam bahasa Inggeris.


Kami amat berterimakasih kepada Profesor Dr. Syed Hussein Al-Attas, Naib Canselor, Universiti Malaya dan Profesor Madya Abdul Rashid Hj. Ahmad, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, diatas sokongan yang diberi terhadap usaha-usaha kami menjalankan kegiatan pendokumentasian ini.

Kami juga ingin merakamkan penghargaan yang ikhlas kepada YB Dato' Sabbaruddin Chik, Menteri Kebudayaan dan Pelancongan kerana minat yang telah ditunjukkan kepada projek ini dan bantuan kewangan yang telah dihulurkan.

Akhir sekali kami ingin menjelaskan bahawa pada dasarnya semua makalah yang terkandung di dalam buku ini cuba di pelihara dalam bentuk asalnya. Namun demikian, untuk tujuan penyelarasan beberapa pengubahsuaian kecil telah dilakukan terutama dari segi stail dan gaya bahasa. Sekiranya terdapat sebarang kecacatan di dalam makalah yang dimuatkan di dalam buku ini atau sebarang kekurangan yang lain, tanggungjawabnya adalah di atas bahu kami sendiri.

Adalah diharapkan agar buku yang tidak seperti ini akan dapat membantu memperbanyakkan lagi bahan bacaan dalam bahasa Malaysia untuk masyarakat umum di samping mencetuskan perbahasan baru mengenai keperluan menilai semula warisan sejarah dan budaya negara.

DR. OMAR FAROUK BAJUNID,
Asrama Za'ba,
Universiti Malaya.



PENGENALAN

Pernah dikatakan bahawa sejarah itu tidak mungkin tertulis secara muktamad atau mutlak. Ciri yang terpenting di dalam penulisan sejarah adalah wujudnya kemungkinan berlaku tafsiran semula ke atas bahan yang telah diolah dan dibentang ekoran daripada penemuan fakta-fakta dan bukti-bukti baru berhubung dengan sesuatu peristiwa sejarah. Usaha mencari data-data dan sumber-sumber baru yang belum pernah diterokai atau ditonjolkan mencari suatu aspek terpenting pengajian sejarah. Malah, kadangkala, penilaian semula dilakukan ke atas fakta-fakta yang sedia ada demi untuk memperkenalkan perspektif baru dalam usaha mencari kefahaman yang tulen mengenai sesuatu fenomena sejarah itu.

Sebenarnya banyak yang telah ditulis mengenai Melaka sama ada oleh pemerhati semasa pada tahap-tahap tertentu perkembangan sejarahnya mahupun oleh para sarjana masakini yang terus terpukau dengan peranan pokok Melaka di dalam sejarah bangsa, negara dan dunia antarabangsa untuk berabad-abad. Karya utama yang dihasilkan baru-baru ini adalah karya rasaksa dua jilid yang diberi judul *Melaka, The Transformation of a Malay Capital, c. 1400-1980*, yang disunting oleh Kernal Singh Sandhu dan Paul Wheatley dan diterbitkan oleh Institute of Southeast Asian Studies dan Oxford University Press, dalam tahun 1983. Karya ini menghidangkan 46 artikel yang telah diusahakan hasil penggembelangan tenaga 51 orang para sarjana. Artikel-artikel ini merangkumi pelbagai jenis tajuk yang menjangkau jangkamasa hampir lima abad. Selepas usaha ini barangkali ada orang yang berpendapat sudah pasti tidak ada lagi benda yang masih boleh diperbahaskan mengenai Melaka. Barang sudah tentu golongan ini bergembira sekali bahawa jangkaan mereka itu tidak tepat.

Buku *Esei-esei Sejarah dan Budaya Melaka* ini merupakan suatu usaha kecil untuk meneruskan perdebatan mengenai Melaka yang mempunyai latarbelakang yang begitu berwarna-warni. Buku ini mengandungi lima makalah yang ditulis oleh lima orang sarjana berwibawa lagi ternama dalam bidang masing-masing. Empat daripada lima makalah yang dimuatkan di dalam buku ini membicarakan kedudukan Melaka dari sudut sejarah, sementara makalah terakhir mengambil pendekatan sosiologi.

Memang benar buku ini kecil sahaja. Matlamatnya juga tidak besar. Buku ini bertujuan menarik perhatian para pembaca kepada hakikat betapa perlu disedari bahawa warisan sejarah dan budaya negara masih belum difahami sepenuhnya, apatah lagi menghargainya. Buku ini juga menunjukkan bahawa di sebalik publisiti yang begitu meluas mengenainya, sejarah Melaka masih lagi belum kemas dan lengkap rekonstruksi sepenuhnya. Masih banyak lagi yang kita tidak ketahui mengenai Melaka dan masih banyak lagi yang kita perlu ketahui. Beberapa makalah yang dimuatkan di dalam buku ini cuba memenuhi keperluan ini.

Karya Profesor Khoo Kay Kim yang berjudul "Melaka: Persepsi Tentang Sejarah Dan Masyarakatnya" membuka tirai perbincangan tentang kecacatan yang masih terdapat mengenai penulisan dan pemahaman sejarah Melaka, justeru itu sejarah tanahair. Dengan petikan-petikan yang kena pada tempatnya dari karya-karya yang relevan Profesor Khoo telah melakukan penilaian ke atas persepsi sejarah dan masyarakat Melaka oleh ramai penulis. Beliau telah menunjukkan bahawa terdapat andaian-andaian yang salah mengenai beberapa aspek sejarah tanahair. Pendedahannya yang pasti memaksa penulisan semula suatu aspek penting sejarah pendidikan negara ialah mengenai salah tanggapan umum bahawa *Penang Free School* itu sekolah yang pertama di Semenanjung Tanah Melayu kerana sebenarnya menurut sumber-sumber yang sahih, Melaka mendahului Pulau Pinang di dalam sejarah persekolahan di tanahair. Menurut Profesor Khoo, *Penang Free School* dimulakan pada tahun 1816 tetapi di Melaka, pada tahun 1813 lagi sudah terdapat dua buah sekolah.

Sumbangan Profesor Khoo yang mungkin lebih besar lagi di dalam makalahnya ialah apabila beliau telah berjaya dengan cara yang cukup perseptif menunjukkan bagaimana, walaupun banyak sekali minat yang telah ditunjukkan terhadap Melaka sebagai sebuah negeri yang bersejarah di mana dikatakan segala-galanya berpunca dari Melaka, pemahaman sebenar mengenai sejarah Melaka masih belum jelas. Memang, banyak yang ditulis mengenai Melaka cuba memperikan keunikan sejarah purba Melaka secara romantik dan kadangkala dengan penuh nostalgia tetapi di dalam keghairahan ramai penulis ini meneropong dan merekonstruksi sejarah Melaka, mereka sering mengabaikan perspektif Melaka sebagai sebuah *polity* yang berperanan terus meskipun di dalam konteks yang berubah-ubah. Di sini mungkin terletaknya kecacatan pokok karya-karya utama mengenai Melaka seperti *Melaka, The Transformation of a Malay Capital c. 1400-1980*, kerana seperti mana kata Profesor Khoo dalam makalahnya, buku itu lebih memberi tumpuan kepada *the mechanics of development* tanpa mengambil kira perhitungan unsur kesinambungan sejarah. "Jiwa" Melaka telah tidak dapat dihidupkan semula di dalam karya yang *monumental* itu. Mung-

kerana itu kita semua dapat rasakan keperluan untuk penulisan yang akan cuba mengenali Melaka dari zaman purbanya hingga ke masa ini bersama "jiwanya" sekali.

Makalah-makalah lain yang terkandung dalam buku ini cuba memenuhi hasrat untuk menilai semula sejarah Melaka berdasarkan sumber-sumber tertentu. Profesor Singaravelu, seorang sarjana Pengajian India yang terulung di tanahair telah mengupas dengan cara yang terperinci dan teliti tema hubungan antara kaum India dengan Melaka berdasarkan sumber-sumber India pada terasnya dan juga sumber-sumber lain. Apa yang jelas di dalam penulisan beliau ialah keakraban perhubungan yang terbentuk di antara kaum India dengan Melaka dalam sejarah silamnya. Begitu juga, kesan daripada perhubungan ini amat besar sekali di dalam pelbagai bidang hinggalah nama Melaka itu sendiri, menurut Profesor Singaravelu, berasal dari perkataan *Amalaka* dalam bahasa Sanskrit. Banyak lagi contoh-contoh lain yang menarik mengenai pengaruh India ke atas Melaka telah diketengahkan oleh Profesor Singaravelu untuk renungan kita. Makalah ini menyimpulkan bahawa peranan orang-orang keturunan India di dalam perkembangan dan pembangunan negeri Melaka besar sekali.

Karya Encik Yahaya Abu Bakar menumpukan perhatian terhadap permasalahan politik, pentadbiran dan perbalahan kuasa di Selat Melaka menurut sumber-sumber Portugis T.M. 1511-1641. Karya ini amat bernilai sekali kerana ini merupakan satu-satunya usaha perintis sebegini yang pernah dilakukan oleh seorang sarjana tempatan yang menguasai Bahasa Portugis untuk menggunakan bahan-bahan Portugis dalam usahanya merekonstruksi sejarah silam Melaka. Sumber Portugis penting sekali di dalam sebarang usaha untuk menulis sejarah awal tanahair kerana orang Portugis merupakan kuasa Eropah yang pertama yang bertapak di Melaka. Karya ini juga istimewa kerana di samping usaha untuk memerhatikan perkembangan sejarah Melaka berdasarkan sumber-sumber Portugis, penulis juga cuba memberi sedikit sebanyak maklumat dan penilaian mengenai sumber-sumber itu sendiri. Hal ini sudah tentu dapat membantu golongan yang ingin menyelidiki sendiri sejarah Melaka selanjutnya. Namun demikian perkara yang mungkin lebih penting ialah bahawa dengan menggunakan sumber-sumber Portugis Encik Yahaya Abu Bakar telah dapat melukis portret sejarah Melaka yang "hidup" dalam Abad ke-16 dan 17.

Encik Tooru Nomura pula cuba menggunakan sumber-sumber China sebagai sumber utama dengan dirujuk juga kepada sumber-sumber lain untuk tujuan perbandingan dalam tulisannya. Negara China cukup teliti dari segi pencatatan dan penyimpanan rekod, khususnya berhubung dengan hal ehwal rasmi negara dan urusan istana walaupun terdapat juga catatan peribadi yang dilakukan oleh pengembara dan

sebagainya. Dengan demikian Rekod China amat penting di dalam usaha kita untuk memahami perjalanan sejarah awal Melaka. Dari apa yang dikemukakan oleh Encik Tooru Nomura mengenai sejarah Melaka mungkin sudahpun banyak diketahui ramai melalui penulisan sejarawan lain, tetapi keistimewaan karya Encik Tooru Nomura terletak di atas keterperincian maklumat yang dikemukakan. Juga tidak kurang menarik adalah pendedahan beliau bahawa tidak terdapat catatan China yang sahih tentang perkahwinan puteri Hang Li Po (atau Hang Liu) dengan Sultan Mansur Shah yang dipercayai umum telah berlaku. Encik Tooru Nomura mencadangkan hipotesis bahawa episod perkahwinan ini mungkin merupakan suatu legenda yang diada-adakan untuk menunjukkan betapa akrabnya perhubungan di antara Melaka dengan China. Apa yang kita tidak dapat sangsikan adalah wujudnya perhubungan yang penting di antara Melaka dengan negara China pada tahap-tahap kritikal perkembangan Melaka sebagai sebuah negara di Selat Melaka.


Makalah terakhir dalam buku ini berbeda dengan makalah-makalah yang lain kerana tumpuannya yang lebih kontemporari dan ruang-lingkupnya yang lebih luas. Dalam karya yang berjudul "Melaka: Model Evolusi Budaya Malaysia", Dr. Zainal Kling cuba membahaskan persoalan kebudayaan kebangsaan. Hal ini pasti menarik minat ramai pihak malah ianya mungkin mencetuskan suatu kontroversi ilmiah yang sihat di kalangan golongan sarjana dan masyarakat awam. Tambahan pula Dr. Zainal Kling telah membuat dakwaan yang kuat tentang pengene-pian usaha-usaha melaksanakan dasar kebudayaan kebangsaan oleh pihak-pihak tertentu. Kerajaan sendiri dikatakan "keliru" tentang perkara ini.

Ini bukan kali pertama soal budaya negara dibincangkan. Pada masa-masa lalu perbincangan mengenai kebudayaan kebangsaan lazimnya dikendalikan oleh golongan politik dan isu ini sering tidak bebas daripada mempunyai konotasi politik. Apabila diperbahaskan soal kebudayaan kebangsaan menjadi isu yang hangat. Kali ini perbincangan mengenai ini berbeda sedikit kerana ianya didasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan ilmiah, dan apa yang mungkin lebih penting dari itu, ianya merupakan suatu usaha berani untuk mencari iktibar daripada pengalaman sejarah Melaka yang sudah teruji dek zaman. Hal ini menjadi lebih penting kerana perbincangan dalam karya ini bertujuan mengemukakan suatu penyelesaian yang praktikal dalam menangani persoalan kebudayaan kebangsaan demi untuk memupuk identiti dan perpaduan kebangsaan yang jitu. Makalah ini menarik kerana Dr. Zainal Kling cuba memanfaatkan pengalaman sejarah yang telah ada pada negara untuk penyelesaian masalah masakini. Sudah tentu bukan semua orang yang sependapat dengan Dr. Zainal Kling tentang cara-cara

menyatasi masalah pembentukan budaya Malaysia. Kita mengharapkan yang tidak, karya ini akan mencetus suatu perdebatan baru mengenai tema yang cukup penting bagi negara ini menurut landas-landas ilmiah berdasarkan sikap yang jujur. Sekiranya ini berlaku maka matlamat buku ini sudah pasti akan tercapai.

Secara keseluruhannya kelima-lima makalah yang terkandung di dalam buku ini bertujuan membangkitkan minat para pembaca untuk melihat semula dan meneliti tema-tema dan persoalan pokok yang menyentuh warisan sejarah dan budaya bangsa serta negara demi untuk meningkatkan kefahaman kita mengenainya. Malah harus juga disedari, Malaysia amat kaya dengan warisan sejarah dan budayanya. Apa yang mungkin di perlukan adalah usaha-usaha yang lebih gigih bukan saja untuk membongkar khazanah negara yang masih terpendam, tetapi juga untuk memberi pengertian dan penilaian baru kepadanya. Diharapkan agar buku kecil ini akan dapat mengilhamkan banyak lagi karya-karya yang akan meningkatkan pengetahuan kita mengenai sejarah negara dan warisannya yang menjadi teras tamadun bangsa.

DR. OMAR FAROUK BAJUNID,
Ketua Editor.



KANDUNGAN

Prakata	v – vii
Pengenalan	vix – xiii
1 Melaka: Persepsi Tentang Sejarah Dan Masyarakatnya – Dato' Khoo Kay Kim -- Dato Khoo Kay Kim	1 – 21
2 Hubungan Antara Kaum India Dengan Negeri Melaka – Suatu Tinjauan Berdasarkan Sumber- sumber India dan Sumber-sumber Lain – S. Singaravelu	23 – 38
3 Sejarah Melaka Dilihat dari Sumber-sumber Cina – Tooru Nomura	39 – 64
4 Sumber Portugis Mengenai Melaka T.M. 1511– 1641: Suatu Tinjauan Mengenai Politik, Pentadbir- an dan Perbalahan Kuasa Di Selat Melaka – Yahaya Abu Bakar	65 – 105
5 Melaka: Model Evolusi Budaya Malaysia – Zainal Kling	107 – 122
Latarbelakang Penulis	123





MELAKA: PERSEPSI TENTANG SEJARAH DAN MASYARAKATNYA

DATO' KHOO KAY KIM

W. Robert Foran, seorang wartawan, selepas pengembaraannya, telah menulis sebuah buku yang dipanggil *Malayan Symphony* "Being the impressions gathered during a six months' journey through the Straits Settlements, Federated Malay States, Siam, Sumatra, Java and Bali."¹ Dalam buku itu terdapat dua bab mengenai Melaka; yang pertama diberi judul: *Malacca — The Mother of Malaya*. Beliau jelaskan:

"Having read deeply about the past stirring history of Malacca, I went there quite prepared to like the place and its environments. I was not disappointed. That is equally true of everywhere I travelled in Malaysia.

The old-world town and ancient port of Malacca grips the imagination almost from the first moment you set eyes upon it. The history of Malacca is that of Malaysia. Its renown was great long before Penang or Singapore were more than insignificant fishing villages. That is why I like to think of it as the "Mother of Malaya", for almost everything in Malaysia can trace its beginning to this Settlement.

You must know something of its glorious past record if you wish to really understand the great part it played in the dead centuries and all it represents to-day. It is quite impossible to divorce history from Malacca. There the nations of the East and West strove for possession of the key to the gateway of China. Malacca's laterite soil is symbolical of the red blood which has been shed there. Malays, . . . , Siamese, Portuguese, Dutch, then the British have fought to secure control of the Straits of Malacca and a port of entry into a land which, under a wise and able administration during the past hundred years, has prospered even beyond the most optimistic dreams of those who first had faith in its future."²

Kenyataan Robert Foran bahawa "almost everything in Malaysia can trace its beginning to this Settlement" tidaklah keterlaluan. Kerajaan Melaka Tua merupakan permulaan suatu tradisi yang menjadi dasar kepada pembentukan budaya politik Melayu. Kesultanan-kesultanan yang wujud di Malaysia sekarang mengakui adanya hubungan secara langsung atau tidak langsung dengan kerajaan tua itu yang diasaskan oleh keturunan Raja Iskandar Zulkarnain. Melalui Melaka Tua maka terdapat suatu paduan dalam sejarah Malaysia yang agak unik.

Oleh sebab itu dalam penulisan sejarah Malaysia, Melaka biasa diberi tempat yang utama. Juga, menurut catatan-catatan orang Eropah sendiri, Melaka, pada zaman dahulu, adalah pelabuhan yang sangat terkemuka. Di Melaka, Barat dengan Timur bertemu; dan di Melaka saudagar-saudagar bisa mendapat barang-barang yang diekspot oleh negeri-negeri di Asia Tenggara.

Tambahan pula, bagi kebanyakan orang Barat, Melaka bukan hanya sebuah entrepot yang sangat penting, ia juga merupakan sebuah kota yang sangat indah. Berikut ialah cara Arnold Wright memperkenalkan sejarah Melaka dalam buku yang dieditnya (bersama H.A. Cartwright), *Twentieth Century Impressions of British Malaya*:³

"Malacca, slumberous, dreamy, and picturesque, epitomises what there is of romance in the Straits Settlements. Singapore, by right of seniority, has pride of place in the history of Malaya. But, as we have seen, little or nothing remains of her ancient glories but traditions, none too authentic. Malacca, on the other hand, has still to show considerable monuments of the successive conquerors who have exercised sway within her limits. On a hill overlooking the settlement are the remains of an ancient Portuguese church, whose stately towers, with graceful finials outlined against the intense blue of a tropical sky, tell of that strenuous period in Straits history when the priest and the soldier went hand in hand in the building up of Lusitanian power in the East. Hard by is the old Dutch Stadt House, solid and grim-looking recalling the era when the Netherlanders held sway, and lorded it in their peculiar fashion over the inhabitants of the ancient Malay port. In the outskirts of the town are not a few old-world gardens, charmingly suggestive of an age in which the steamboat was unknown, and life rippled on in an even, if monotonous, current. Further away, hemming in the houses in a sea of tropical vegetation, are plantations and orchards, with, as a background, a vista of blue-coloured hills. It is a suggestion of that commercial stagnation that has left Malacca in a state of suspended animation, while its upstart neighbour to the south has been progressing at a feverish rate".⁴

Bukan hanya pedagang, pelawat dan pegawai yang tertarik dengan kesibukan Melaka dan keindahannya bahkan para sejarawan juga. Dalam buku T.J. Newbold terdapat satu bab mengenai Melaka,⁵ sebagaimana juga buku R.J. Wilkinson yang berpendapat bahawa:

"Alone among Malayan townships Malacca is invested with romance. Her buildings are historic. Her centuries are few but full of achievement, and there is little local glory in which she does not share."⁶

Frank Swettenham, dalam bukunya⁷ yang sebenarnya bertujuan membuktikan sejauh mana pentadbiran British telah memajukan Tanah Melayu, menulis dengan agak panjang mengenai sejarah awal Melaka. Beliau merujuk kepada *Sejarah Melayu* untuk menerangkan tradisi berhubung dengan pengasasan Melaka. Selanjutnya Swettenham memetik daripada sumber-sumber lain dalam proses menggalurkan sejarah Melaka yang meliputi zaman Portugis dan Belanda.

Satu sumber yang sangat bernilai ialah Duarte Barbosa yang telah diterjemahkan oleh E.J. Stanley. Pada dasarnya Duarte Barbosa menulis tentang Melaka selepas kedatangan Portugis. Satu bahagian daripada buku Duarte Barbosa yang dipetik oleh Swettenham mensifatkan Melaka sebagai ". . . the richest trading port and possesses the most valuable merchandise, and most numerous shipping and extensive traffic that is known in all the world."⁸

Swettenham juga merujuk kepada tulisan Manuel Godinho de Eredia, seorang Portugis yang dilahirkan di Melaka pada tahun 1563. Tetapi bahagian sejarah awal Melaka yang terkandung di dalam manuskrip Eredia tidaklah begitu tepat kerana beliau sebenarnya seorang ahli sejarah. Tetapi suatu perkara tentang Melaka yang disebut oleh Eredia menarik perhatian Swettenham iaitu:

"This land is the freshest and most agreeable in the world. Its air is healthy and vivifying, good for human life and health, at once warm and moist. But neither the heat nor the moisture is excessive, for the heat is tempered by the moist vapours arising from the waters, at the same time that it counteracts the dampness of the excessive rains of all seasons, especially during the changes of the moon."⁹

Swettenham tidak melupakan Dr. Francois Valentijn juga. Beliau seorang Belanda yang pernah tinggal di Hindia Timur. Tulisannya mengenai sejarah Melaka dari zaman kesultanan sehingga zaman Belanda sebenarnya telah diterjemahkan oleh D.F.A. Hervey dan diterbitkan

pada 1880-an dalam *Journal of the Royal Asiatic Society, Straits Branch*.¹⁰ Valentijn juga memuji Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan:

This is a city remarkably well situated for trade, the straits having been long frequented by shipping, especially from Bengal, Coromandel, Surat, Persia, Ceylon, Java, Sumatra, Siam, Tonkin, Tsjina (China), and many other parts so that the gross revenue in the year 1669, consisting of import duty at per cent, export duty at 3 per cent, with certain local taxes, amounted to 74,950 florins."¹¹

Orang yang mungkin paling banyak menulis tentang sejarah Malaysia ialah R.O. Winstedt. Walaupun Winstedt dalam tulisannya tidak mengabaikan campurtangan British di negeri-negeri Melayu, beliau banyak memberi perhatian kepada sejarah awal masyarakat Melayu. Dalam salah sebuah bukunya mengenai Tanah Melayu atau Malaya,¹² beliau menulis tiga bab mengenai Melaka: "Malacca's century of Malay Rule," "A Famosa," dan "The Dutch at Malacca." Dalam bab mengenai kerajaan tua Melaka, Winstedt cuba memberikan gambaran tentang luasnya empayar Melaka; kata beliau:

"Malacca . . . emulated not only the commerce but the imperialism of Sri Vijaya and Majapahit. The reigns of Muzaffar and his son Mansur saw the conquest of the whole peninsula south of Kedah dan Patani, and across the straits the subjugation of Rokan, Kampar, Indragiri and Siak on the opposite coast of Sumatra. Mahmud, Malacca's last Sultan, conquered Kedah and Patani too, and he ceased to send tribute to Siam and elephants to Java, acknowledging only the suzerainty of China."¹³

Beliau juga menyebut tentang pentingnya perdagangan Melaka:

"More important than tribute were the imports that came to Malacca from the countries she subjected, imports that attracted wholesale merchants from Gujerat and Coromandel and Java and China to open warehouses in the port, and brought with the south-west monsoon trading ships from India and with the north-east junks from China. Duarte Babosa, like all his countrymen, grows almost lyrical over the commerce at Malacca. He tells how there came to the mediaeval port very fine four masted junks with cargoes of sugar, great store of fine raw silk, porcelain, damasks, brocades and satins, musk and rhubarb, silver and pearls, gilded

coffers, fans and other baubles. In exchange for those cargoes the Chinese took away pepper, incense, saffron, coral shaped and unshaped, vermilion, quicksilver, opium and drugs. Four-masted ships with rattan cables and shrouds also came from Java, ships like no European type, built of very thick timber, so that when the hulls were no longer seaworthy, new planking could be fitted to the old. The Javanese brought for sale finely wrought daggers and spears, gold and the foodstuffs of which, throughout her history, Malacca has always stood in need."¹⁴

Ternyata bahan-bahan tentang sejarah Melaka sangat kaya terutamanya tentang zaman selepas Melaka ditakluki oleh kuasa Portugis. Hanya terdapat perbezaan yang penting di antara zaman Portugis dengan zaman Belanda di Melaka. Pada zaman Portugis, Melaka masih merupakan pusat perdagangan yang maju walaupun pihak Portugis tidak mengamalkan dasar yang begitu liberal seperti kesultanan Melaka. Dan seperti Portugis, pihak Belanda juga cuba mengawal lalu-lintas di Selat Melaka; kapal-kapal dipaksa singgah di Melaka dan menawarkan barang-barang yang dibawa untuk dijual atau dikehendaki membayar sebelum dibenarkan belayar terus. Pihak Belanda juga cuba menguatkuasakan hak monopoli ke atas tekstil yang diimpot serta bijih timah dan eksport-eksport lain dari negeri-negeri Melayu. Lama kelamaan pihak Belanda mendapati bahawa mereka tidak mempunyai keupayaan mengawasi seluruh Selat Melaka. Pelabuhan Melaka juga merosot kerana kuasa Belanda menganggap Batavia sebagai pelabuhan Belanda yang utama di kawasan Timur.¹⁵

Penuntut sejarah tidak akan menghadapi masalah mencari bahan tentang sejarah Melaka dari masa ia diasaskan sehingga lewat abad ke-18. Yang menjadi masalah sebenarnya ialah sebahagian besar bahan-bahan dalam bahasa Portugis dan Belanda masih belum dikaji walaupun ramai orang telah berusaha menterjemahkan bahan-bahan itu dalam bahasa Inggeris.

Selain daripada beberapa orang yang pernah menulis tentang Melaka pada abad ke-19, di antaranya Munsyi Abdullah, kebanyakan sejarawan yang menulis sejarah Malaysia tidak membincangkan Melaka pada zaman abad ke-19 dan ke-20 seolah-olah segala-gala di Melaka tidak bergerak selepas abad ke-18.

Bukan ahli sejarah sahaja, sesungguhnya, yang melihat Melaka secara negatif. Pada pertengahan abad ke-19, Gabenor Negeri-negeri Selat, E.A. Blundell, menggambarkan Melaka sebagai sebuah pelabuhan yang kian merosot kata beliau:

"Fallen indeed is Malacca from her high estate, when she not only attracted but commanded the whole trade, such as then

existed of these Eastern Seas

About the middle and latter end of the last century, Malacca was still a place of great commercial importance, being the only European settlement in the Straits, and the sole depot for the produce of the Malayan states, and islands, but towards the close of the century the establishment of Pinang drew off the trade to the northern end of the Straits, and thirty years afterwards the more favourable position of Singapore completed her commercial downfall."¹⁶

Lebih kurang dua puluh tahun kemudian, Lieutenant-Governor Melaka (Cairns) juga memberi pendapat yang sama:

"Had Singapore not passed out of Native hands it might have fared better with this fine old city, still selected as it is by the Straits Chinese as an agreeable retreat from business when once they have accumulated wealth at Singapore, but not as a money-making place, or in the morning of their shrewd and stirring life."¹⁷

Dan Isabella Bird, pengembara wanita Inggeris yang terkenal, waktu berada di Melaka pada lewat 1870-an menulis:

". . . I am compelled to say that the feature of Malacca is that it is featureless! It is a land where it is "always afternoon" — hot, still, dreamy. Existence stagnates. Trade pursues its operations invisibly. Commerce hovers far off on the shallow sea. The British and French mail steamers give the port a wide offing. It has no politics, little crime, rarely gets even two lines in an English newspaper, and does nothing towards making contemporary history."¹⁸

Tiga puluh tahun kemudian, ulasan tentang Melaka masih tidak berubah, kata Arnold Wright dan Thomas H. Reid:

"Once the great centre of commercial life in the Middle East, Malacca today reposes in peaceful isolation away from the modern currents of trade."¹⁹

Bukan orang luar sahaja yang mempunyai perspektif itu; pada tahun 1932 seorang pelajar Raffles College telah menulis sebuah sajak tentang Melaka yang membayangkan suasana muram yang menyelubungi bandar Melaka:

The mute ruins lie in grey silence, sleeping.
 They are indifferent to time, to the weary monsoon
 Clouds that throw over them
 The Shadow of a past.
 I tell you I could batter at these ruins,
 Beating with clenched fists, crying:
 Why? Who? When? Where? How? No answer —
 Only the fluttering of the sparrows, the proud remnants of dead
 culture.
 The tombs of forgotten shouts and cries.
 Finally, drunk by the opiate past.²⁰

Tetapi gambaran yang disampaikan oleh penulis-penulis pada hakikatnya kurang tepat. Yang tidak berubah hanyalah keadaan fizikal bandar Melaka. Abad ke-19 sesungguhnya bukan zaman perubahan untuk negeri-negeri Melayu sahaja; pengalaman Melaka tidak berbeza. Pembukaan lombong bijih timah di Kesang, Johor misalnya, memberi kesan juga kepada Melaka. Orang Cina mulai tiba beramai-ramai. Walaupun mereka bekerja di Kesang, bandar Melaka dijadikan markas mereka. Manifestasi perubahan itu ialah munculnya kongsi gelap Hai San sebagai pertubuhan yang paling berpengaruh di Melaka. Di Melaka kongsi gelap itu dianggotai pada peringkat awal oleh golongan Hakka, kebanyakannya puak Fui Chiu. Dari Melaka, mereka berhijrah ke Sungai Ujong, Lukut dan Kuala Lumpur.²¹

Perlombongan di Kesang tidak lama berjalan tetapi dalam pada itu satu perkembangan lain memberi kesan yang lebih penting kepada Melaka. Sejak 1820-an lagi pertanian niaga telah dimulakan oleh orang Cina. Lada hitam ditanamkan waktu itu. Pada pertengahan abad ke-19, gambir dihasilkan untuk eksport bersama-sama lada hitam. Tetapi puncak kejayaan kedua-dua barang dagangan itu hanya berlaku pada 1870-an. Sementara itu orang Cina di Melaka lebih memberi perhatian kepada tanaman ubi kayu. Pada tahun 1860, lebih kurang 1,000 ekar tanah di tanam ubi kayu dan jumlah pengeluarannya di sekitar 2,000 pikul. Pada penghujung 1960-an, seluas 10,000 ekar ditanam ubi kayu yang banyak mendatangkan keuntungan sehingga awal 1880-an.

Tanaman lain yang pernah dicuba di Melaka termasuk tebu dan kopi. Perihal tebu, Province Wellesley dan kemudian Perak mendahului Melaka; kopi pula diusahakan di Melaka waktu harga ubi kayu sedang merosot. Dan seperti Perak, Selangor dan Johor, bila harga kopi jatuh, peladang-peladang mulai memberi perhatian kepada getah. Peladang pertama menanam getah di Melaka ialah Tan Chay Yan yang mempunyai ladang ubi kayu yang luas. Beliau mula-mula sekali membuat eksperimen pada tahun 1896 di Bukit Linang. Kejayaan di situ meng-

galakkan beliau menanam di kawasan yang jauh lebih luas iaitu di Bukit Asahan Estate (3,000 ekar). Ladang ini kemudian dijual kepada sindiket di London dan ditubuhkan sebagai Malacca Rubber Plantations Ltd. Pada awal abad ke-20, selain daripada Bukit Asahan Estate, Malacca Rubber Plantations juga memiliki Kesang Rim Estate. Luasnya kedua-dua ladang getah itu berjumlah 13,000 ekar dan separuh daripada itu ditanam dengan getah. Sebuah lagi ladang yang agak besar di Melaka pada waktu yang sama ialah Diamond Jubilee Estate, kepunyaan Asiatic Rubber and Produce Co. Ltd.; tetapi kawasan ladang ini agak kecil, hanya 3,706.²²

Selain daripada Tan Chay Yan dan syarikat Barat, ada beberapa orang Cina lagi yang mulai menanam getah bila harga gambir dan ubi kayu merosot. Di antara yang terawal ialah Chan Kang Swi, Tan Jiak Lim dan E. Kong Guan.²³ Selepas, mereka ini barulah muncul dan Tan Soo Hock. Mereka berdua, pada tahun 1919, menubuhkan kompeni dengan nama Chenglock Soohock & Co. Ltd. dengan modal *nominal* \$1,000,000 untuk menjalankan perniagaan sebagai "general import dan export merchants, commission agents, and managers of rubber estates and household property in Singapore and Malacca." Tidak berapa lama kemudian, kompeni itu telah membuka cawangan di Amerika, United Kingdom dan China.²⁴

Pada awal abad ke 20, Melaka memang lebih baik daripada *The Straits Times* (11 Nov. 1909) yang berpendapat bahawa:

"Signs are not wanting that Malacca is waking up and becoming more prosperous. The overcrowding at the rest Houses is steadily becoming worse, and one man was so beset recently that he seriously proposed taking Tanjong Kling Bungalow, 7 miles out, for one night only, if the authorities would agree. It looks time that somebody began to move in the matter.

At present there are seven gentlemen waiting for election in the Malacca Club, a record, the usual being less than one new member every two months; while the Golf Club is also benefiting, a glance at the list of members showing nine new members, excluding ladies. Activity can be seen all the way along the coast to Tanjong Kling, new houses cropping up and old houses formerly little used being renovated, gardens laid out and evidently preparations made for continuous tenancy."²⁵

Bukan hanya penduduk Eropah yang bertambah ramai. Pada tahun 1901, hampir 75% penduduk Melaka terdiri daripada orang Melayu. Sepuluh tahun kemudian, 40% daripada jumlah penduduk Melaka terdiri daripada orang Cina dan India — pertambahan bagi

orang Melayu hanya 9.6%; bagi orang Cina pula, 29.1% dan bagi orang India, 151.1%. Pertambahan yang begitu besar untuk orang India membuktikan bahawa perusahaan getah semakin maju.²⁶ Pada tahun 1912, Arnold Wright dan Thomas H. Reid mengatakan bahawa:

"Rubber has to small extent galvanized [Melaka's] antiquated fame into activity, and it may do more in the future to restore its lost prestige."²⁷

Dan dalam Times of Malaya and Planters and Miners' Gazette (10 Oktober 1919), seorang penulis berkata bahawa:

"The Malacca of today is quite different from Malacca of yesterday, the Malacca of tomorrow will be quite different from that of today. Perhaps the oldest Settlement in the East, it is coming into its own after decades of slumbering. It is being revitalised by enterprising . . . Planters, and it will not be very long before it will advance its claims to be recognised and not left in the lurch as it seems to be at the moment."²⁸

Pada abad ke-19, Melaka mengalami transformasi yang penting dari dua segi. Pertama, pelabuhan yang termasyhur di selama beberapa abad telah muncul sebagai sebuah negeri pertanian yang maju; kedua, Melaka mendahului negeri-negeri lain di Semenanjung sebagai pusat pelajaran. Setakat ini umum mempercayai bahawa sekolah pertama di negara ini ialah Penang Free School yang dimulakan pada tahun 1816. Tetapi William Milne, daripada London Missionary Society, yang berada di Melaka pada tahun 1813, menjadi saksi bahawa di Melaka pada masa itu terdapat dua buah sekolah, satu di bandar dan satu lagi di Tranquerah. Jumlah murid-murid di dua buah sekolah itu lebih kurang 170. Sekolah-sekolah itu diuruskan secara sistematik. Hanya kanak-kanak yang berumur sekurang-kurangnya tujuh tahun dapat memasuki sekolah dan tempoh pelajaran adalah tujuh tahun. Waktu sekolah terbahagi kepada tiga sesi: 6.00 hingga 10.00 pagi; 11.30 pagi hingga 2.00 petang dan 3.00 hingga 5.00 petang. Yuran sekolah adalah empat pice (matawang India) seminggu dan yuran dikutip pada hari Khamis; oleh sebab itu ia dikenali sebagai duit Khamis. Murid-murid mempelajari Quran; di samping itu mereka diajar mengarang.²⁹

Kedatangan mubaligh daripada London Missionary merupakan suatu perkembangan penting dalam sejarah pendidikan di Melaka. Bermula daripada tahun 1815 sehingga 20 tahun seterusnya mereka banyak memberi sumbangan kepada kemajuan pelajaran di bandar itu. Mereka sebenarnya bertujuan menjalankan tugas sebagai pendidik dan pen-

dakyah agama Kristian di negeri China. Tetapi pada masa itu kerajaan China menyekat kemasukan orang asing. Oleh sebab itu, sementara menunggu pintu dibuka di negeri China, mereka mencurahkan tenaga dan kepakaran mereka untuk memajukan pelajaran di Melaka. Pada tahun 1818, Anglo-Chinese College diasaskan; matlamatnya: "To cultivate Chinese literature, general history, sacred criticism, Christian theology, etc." di samping mengajar bahasa Inggeris dan kesusasteraan Eropah kepada murid-murid tempatan.³⁰

Tetapi Anglo-Chinese College hanya sebahagian daripada kegiatan pendidikan London Missionary Society; mereka juga bertujuan membuka sekolah percuma untuk kanak-kanak Cina. Tetapi juga membuka sekolah Melayu dan sekolah Malabari. Pada tahun 1822, isteri seorang mubaligh telah membuka sebuah sekolah kanak-kanak perempuan Melayu.³¹

Melaka telah diserahkan kepada kuasa Inggeris pada tahun 1824. Pada tahun 1826 sebuah sekolah Belanda yang telah ditutup dibuka semula sebagai Malacca Free School; bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar. Sekolah inilah kemudian dikenali sebagai Malacca High School. Sebelum Central School Taiping dibuka pada 1880-an, Malacca High School dianggap sekolah yang paling sesuai untuk ditempatkan anak raja-raja yang pada pendapat pihak British sepatutnya diberi latihan untuk memainkan peranan sebagai Raja atau pentadbir. Dua orang anak raja yang paling awal ditempatkan di sana ialah Raja Mansur dan Raja Chulan, putera Sultan Abdullah yang telah dibuang ke Pulau Seychelles.³² Maktab Melayu Kuala Kangsar hampir tidak dibuka kerana bagi setengah-setengah pegawai tinggi British, termasuk Frank Swettenham, Malacca High School mampu memainkan peranan sebagai sekolah untuk memberi latihan kepada bakal Raja dan pentadbir.³³

Menjelang abad ke-20, kerajaan mengambil keputusan menubuhkan sebuah maktab perguruan guna melatih guru-guru Melayu yang sangat dikehendaki untuk mengembangkan sekolah-sekolah Melayu yang telah bertambah banyaknya. Tempat yang dipilih untuk menubuhkan maktab itu ialah Melaka. Pada tahun 1900, Maktab Melayu Melaka telah dibuka dengan R.J. Wilkinson sebagai pengetua pertama.³⁴ Maktab ini hanya ditutup bila sebuah maktab yang lebih besar dibuka di Tanjong Malim pada tahun 1922.

Tentang masyarakat Melaka, Tome Pires pernah memberi suatu gambaran yang agak jelas:

"Malays always formed the bulk of the population but Arabs, Persians, Gujaratis, Malabarais, [Kalingal], Chinese, Chams Siamese, Arakanese, Javanese and men from the eastern archipelago could be seen in the bazaars of Melaka on any day. Tome Pires averred

that no less than eighty-four languages could be heard in the city in the early years of the sixteenth century at about 4,000, of which 1,000 were Gujaratis."³⁵

Kedaaan memang banyak berubah beberapa abad kemudian terutamanya kerana pelabuhan Melaka di bawah Portugis, lebih-lebih lagi Belanda, tidak lagi merupakan sebuah entrepot yang begitu bebas. Lebih kurang dua tahun selepas lawatan Isabella Bird ke Melaka, jumlah penduduk ditaksirkan lebih sedikit daripada 93,000 hampir 68,000 adalah penduduk Melayu dan 20,000 orang Cina; yang lainnya terdiri daripada orang India, Arab, Jawa, Boyan, Bugis, Aceh, Siam dan sebagainya.³⁶ Isabella Bird, seperti Tome Pires, cuba memberikan suatu gambaran yang lebih nyata tentang komposisi masyarakat Melaka; kata beliau:

"... Malacca is to most intents and purposes a Chinese city. The Dutch . . . have scarcely left a trace. The Portuguese . . . for most part poor, and lowered by native marriages, are without influence, a most truly stagnant population, hardly to be taken into account. Their poor-looking houses resemble those of Lisbon. The English, except in so far as related to the administration of government are nowhere, . . ."³⁷

Orang Cina di Melaka, menurut Isabella Bird, menguasai "the coasting trade of the Straits of Malacca" dan beliau berkata selanjutnya:

"And it is not, as elsewhere, that they come, make money, and return to settle in China, but they come here with their wives and families, buy or build these handsome houses, as well as large bungalows in the neighbouring coco-groves, own most of the plantations up the country, and have obtained the finest site on the hill behind the town for their stately tombs. Every afternoon their carriages roll out into the country, conveying them to their substantial bungalows to smoke an gamble. They have fabulous riches in diamonds, pearls, sapphires rubies and emeralds. They love Malacca, and take pride in beautifying it. They have fashioned their dwellings upon the model of those in Canton, but whereas cogent reasons compel the rich "Chinese" at home to conceal the evidence of his wealth, he glories in displaying it under the security of British rule."³⁸

Orang Melayu pula lebih suka tinggal di luar bandar, menurut Isabella Bird:

"The great coco-groves are by no means solitary, for they contain the *kampongs* or small raised villages of Malays. Though the Malays build his . . . little mosques on the outskirts of Malacca, he shuns the town, and prefers a life of freedom in his native jungles, or on the mysterious rivers which lose themselves among the mangrove swamps. So in the neighbourhood of Malacca these *kampongs* are scattered through the perpetual twilight of the forest. They do not build the houses very close together, and whether of rich or poor the architecture is the same. Each dwellings is of planed wood or plaited palm-leaves, the roof is high and steep, the eaves are deep, and the whole rests on a gridiron platform, supported on posts, from five to ten feet high, and approaches by a ladder in the poorer houses and a flight of steps in the richer."³⁹

Bagi Isabella Bird, orang Melayu di Melaka "lead strange and uneventful lives." Dan tambah beliau, "The men are not inclined to much effort except in fishing or hunting, and, where they possess rice land, in ploughing for rice."⁴⁰ Tetapi Munsyi Ibrahim, anak Munsyi Abdullah, yang telah melawat Melaka beberapa tahun lebih awal memberi satu gambaran yang jauh berbeza tentang orang Melayu di Melaka; kata munsyi itu:

" . . . seperkara lagi yang menjadi terlalu suka hatiku melihat orang-orang Melayu yang duduk di Ulu Melaka itu semuanya rajin belaka, bukannya seperti Melayu-Melayu yang di tempat lain-lain dengan malasnya dan pemalu serta besar hati. Maka sekalian Melayu dalam Melaka itu hidup dengan makan usaha tangannya dan bersawah dan bertanam segala jenis ubi keladi, sayur-sayur dan sirih dan tebu pisang dan sebagainya. Maka setiap harilah masing-masing ini berulang ke pasar Melaka membawa segala tanam-tanamannya itu, dijual; dan membeli pula apa-apa yang patut bagi rumah tangganya, dipikulnya bawa balik ke rumahnya. Adapun tempat masing-masing itu bukanlah pula dekat, melainkan sepuluh, lima belas mil jauhnya dari Melaka; ada juga dua puluh mil."⁴¹

Masyarakat Melaka yang kosmopolitan itu sudah dikenali ramai. Selain daripada kaum Melayu terdapat juga orang Cina Baba, kaum Ceti (harus dibezakan dengan kaum Cettiar) dan Serani (keturunan Portugis), masing-masing dengan keperibadiannya. Masyarakat yang seperti ini memang menarik dari segi kebudayaan. Pada suatu masa dahulu terdapat perayaan-perayaan di Melaka, di antaranya Mandi Safar yang

begitu popular di kalangan orang Melayu. Di kalangan orang Cina pula, dari masa ke semasa diadakan Perarakan Wangkang. Tetapi ini bukan suatu pesta. Biasanya perarakan itu diadakan bila berlaku wabak dan ia merupakan suatu cara untuk bersembahyang kepada roh yang telah membawa wabak. Perarakan kali terakhir diadakan pada awal 1930-an. Ada orang meninggal dunia selepasnya; oleh sebab itu orang Cina Melaka takut mengadakan perarakan itu selanjutnya. Pada masa sekarang hanya kaum Cettiar yang masih mengadakan perayaannya setiap tahun yang dikenali sebagai *Masimagam*. Perayaan ini diadakan di sebuah kuil di Cheng, beberapa kilometer dari bandar Melaka. Keturunan Portugis juga mempunyai pesta agamanya, di antaranya Pesta De San Pedro dan Pesta Introdo.

Tetapi hanya ekonomi yang agak maju dan kebudayaan yang berwarna-warni tidak mengubah pemandangan bandar Melaka. Pada tahun 1919, dalam akhbar *Times of Malaya* (10 Oktober) terdapat satu pemerian bandar Melaka yang lebih berterus-terang:

"Unlike Singapore and Penang, the port and town of Malacca is old and does not easily lend itself to artistic expansion. The roads are narrow and it is a wonder to one who is accustomed to such broad and clean roads as we find in Ipoh to see motor cars dashing through these alleys without causing destruction. Almost all the houses are remnants of a by-gone civilization and even today their historic foundation are visible. Here and there the eye is pleased by the appearance by mortar and brick productions of modern architecture, but these are few and far and between . . .

There is a very convenient canal running through the town but from it emanate the most offensive smells that one can possibly imagine. Private houses, shops and markets about on it and it is no wonder that instead of the cleanliness which one wishes to see there is nothing but dirt and evil smells."⁴¹

Jalan yang sempit, sungai yang kotor dan bangunan yang tua kesemuanya dapat dikatakan "emblematic of the story of Malacca, which has passed through a youth and a middle age of fierce activity, of sieges, assaults and massacres, to a quiet and restful age", tetapi mungkin apa yang lebih tepat mencirikan kepurbaan Melaka ialah kereta lembu. Ternyata kereta lembu merupakan jenis pengangkutan yang sangat popular di Semenanjung Tanah Melayu bukan hanya di Melaka. Namun demikian Melakalah yang lebih terkenal dengan kereta lembunya kerana tiada negeri Melayu yang lain mempunyai bilangan kereta lembu yang begitu besar dan kereta lembu digunakan di Melaka sehingga tahun-tahun 1950-an.

Istimewanya kereta lembu Melaka telah juga jelas kepada J.S.M. Rennie, seorang penduduk Singapura. Pada November 1924 beliau menulis sebuah rencana mengenai kereta lembu yang diberi judul, "A Malacca Soliloquy."

Kata Rennie:

"Ambulating the "passages" of Malacca (Jonkeer Street and Heeren Street) and passing between the town and Klebang the highway to Rembia, Ujong Padang, etc., one is led to suggest that if and when Malacca aspire to the dignity of a town crest or trademark the City Fathers could unlikely do better than to commission the local Santry . . . to depict "a Bullock Cart dormant,"

42

Kereta lembu pada masa dahulu bukan hanya suatu jenis pengangkutan, ia boleh dianggap sebagai satu institusi. Menurut satu tulisan tahun 1913:

"Like Tennyson's "Brooke" the bullock cart has been going steadily on, fighting its weary way all down the Malay Peninsula, through endless obstacles for years without number. The first sight that greets the traveller when he lands is this vehicle, with its half sleepy bullocks, lazily twisting their tails to and fro, whisking away troublesome flies. At what period the period the bullock cart was introduced as a mode of conveyance for passengers and goods is not known, but it is said to have existed long before the heel of the white man left an impression in Malayan soil, and before even modern civilization or British rule was dreamt of by the Malays. Its companion in those early times was the Malay rowing or polling boat. They both worked conjointly for the transport of merchandise, etc. from place to place. While one jolted through jungle paths with ruts innumerable, the other journeyed along crocodile-infested rivers . . . As modern methods became necessary in Malaya, improvements were made to cope with the demands of growing trade, but in spite of all, both bullock cart and polling boat are still indispensable. For where the motor bus, hack gharry and the railway dare not venture these two conveyances go quite easily and without the slightest fear."⁴³

Pemandu kereta lembu pula adalah orang Melayu, Cina, Tamil atau Punjabi. Dikatakan bahawa:

"All these men seem to be musically inclined, and are probably chosen according to their vocal abilities. As the Malay driver

goes along he relieves the monotony by singing Malay "love songs" and "pantuns." This always pleases the occupants of the cart, who either accompany him on an accordion or clap their hands. The [Punjabi] and Tamil drivers chant plaintive dirges, allowing their voices to rise higher and higher according to their ecstasies. The [Chinese] does not always sing but when he does, he keeps to his "one note" and indulges in variations. All this goes on to the accompaniment of the creaks and groans of the ungreased cart wheels. One often hears them in the stillness of the night . . . ¹⁴⁴

Dan menurut Rennie:

"Resting on the verandah here at Klebang in the early morning after an arduous night's in the bungalow it is music to the ears to listen-in to the approaching rumble-rumble of the bullock-cart, and pleasing to the eyes to watch the convoy . . . slowly and with a dignity that the motor car never did and never shall possess . . . proceed to the goal of its night long journey . . . ¹⁴⁵

Kalau perlu diberikan bukti bahawa ekonomi Melaka tidak statik tetapi telah mengalami pemodenan maka penderitaan Melaka pada zaman kemelesetan dunia, tahun 1930, adalah kenyataannya. Menurut *The Malacca Guardian* (4 April 1932):

"The tightness of the money market is revealed by the reduction of motor-car drives in the evenings and the increase in the number of stay-homes. The latter profitably spend their leisure hours in reading books and in solving the problem of providing for the morrow, but the spirit of cheerfulness is in the faces of all of them. The places of revelry are deserted, and the Government will find it a difficult matter to raise revenue from the increased tax on alcohol, which is sparingly consumed. Persons, who have been smoking costly brands of cigarettes, have now taken to Java grass and tobacco and Chinese tobacco and paper, and that is a sign of the practice of economy in these days when every cent counts."

Bukan kaum saudagar atau peladang sahaja yang harus menyesuaikan diri dengan keadaan meleset itu. Dalam *The Malacca Guardian* (20 Feb 1933) terdapat maklumat bahawa:

"The slump which has made every business to be at a standstill has imbued the local coffee-shop with the idea of the innova-

tion of employing girl waitresses in their shops with a view to attracting more business."

Strategi itu memang berkesan kerana, menurut maklumat yang diberikan: "Since the introduction of these girls one sees every coffee-shop in town, chiefly, Bunga Raya, is well-patronised by customers." Tetapi ramai pelanggan adalah murid sekolah. Kata orang yang memberi maklumat itu:

"They gain nothing so far as I can see . . . Just imagine the enjoyments one gets over a tea-cup. The girl waitresses will come swinging in a most charming manner and sit at the table of every group, chit-chatting, joking, laughing, teasing, and the youngsters and school-boys being ignorant of the wiles of women forget their school lessons and the danger they are courting."

Tetapi emansipasi wanita di Melaka pada tempoh itu tidak selamanya negatif. Pada bulan Ogos 1932, tiga orang ahli Malacca Indian Club, merayu kepada wanita India di Melaka supaya menubuhkan sebuah persatuan. Mereka ialah K.L. Chitty, K.T. Joseph dan George Anthony. Kata mereka:

"It would be a truism to say that no community can rise to the full height or its possibilities unless its womenfolk share in a spirit of healthy emulation and comradeship with their brothers in every department of intellectual, social and physical growth. Of late this truth has been recognised by our Indian sisters of Singapore who have founded the Lotus Club, by our Eurasian sisters of Malacca who have founded the Girls' Sports Club and by our Chinese sisters who have founded the Chinese Ladies' Badminton Club."⁴⁶

Dalam perjumpaan di Malacca Indian Club, Mrs. K.T. Joseph (yang baru berkahwin pada tahun itu) berucap tentang "Our Women." Menurut laporan *The Malacca Guardian*:

"[She] said having come out very lately from a country where the emancipation of women movement was fast progressing she was surprised that her sisters here were not contributing anything to the welfare of their community. She said an organisation was absolutely necessary and among other things they must on an equal footing with their brothers grapple with some of the social problems that are staring the community in the face and referred to the marvellous work the Lotus Club and the Y.W.C.A. are doing

in Singapore. Urging her sisters to unite together as one body and definitely to do their wee bit to the community. She said that their gathering was the very foundation of greater things to come and that the coming generation would look back with pride on them who had gathered to form a club whose objects be to work for the physical, intellectual and social advancement of their sifers.¹⁴⁷

Pada 1930-an, Melaka sebenarnya terperangkap dalam suatu dilema. Melaka merasa bangga kerana kepurbaannya. Pelawat-pelawat dibawa ke sekeliling bandar untuk menyaksikan tinggalan-tinggalan zaman yang silam. Sejak zaman sebelum Perang Dunia II lagi telah ada pelancung dari seluruh dunia singgah di Melaka. Sebaliknya Melaka tidak mahu ketinggalan berbanding dengan bandar-bandar lain di Tanah Melayu. Melaka waktu itu sudah mulai terkenal sebagai "Sleepy Hollow." *The Malacca Guardian* (22 Ogos 1932) membantah.

"The fair name of Malacca is being tarnished by unthinking people who will want only give it the appellation of "Sleepy Hollow." There is no earthy reason why that sobriquet should be applied to Malacca unless it be that those people take pleasure in calling it so. Malacca doesn't deserve the name and the sooner "sleepy Hollow" came into disuse the better. Sultans of Malacca ruled Perak, Selangor, Negeri Sembilan and Pahang in days of yore and at the present time the new Rest House, the new Post Office, the new Hospital, the new Capital Theatre and a number of other buildings that are springing up bear testimony to the fact Malacca is far from being "sleepy."

Tetapi bukan semua orang bersetuju bahawa pemodenan semestinya lebih baik terutamanya mereka yang telah banyak terdedah kepada pemodenan. Salah seorang daripadanya ialah J.S.M. Rennie. Kata beliau:

"Malacca is a full of history as Singapore is of mammon and conceit, and 'tween the two were it not for the resistless all pervading rushing stream of so called progress, higher endeavour, beggar my neighbour, vote catching or money grubbing, which carries us one and all onto to God knows what, one can perhaps prefer Malacca and all that it stands for . . .

As a blessed spot worthy in which to live and die, we could wish that Malacca shall remain as it is, a child of nature, after all the world has gone as mad as London, New York, Singapore, Moscow and New China with their modern "Democracy" or rule

of mob. Why not leave it to the "Directors", and when they fail to pay a dividend or they do the dirty, stick a kris in their back, or poison them as in the good old days."⁴⁸

Melaka memang terkenal tetapi tidak ramai yang memahami sejarahnya. Para pengkaji sekarang jelas lebih memberi perhatian kepada aspek ekonomi: perdagangan, pertanian dan pembangunan. Bagaimana pula tentang "the soul of Melaka?" Dua abad dahulu, Edward Gibbon menulis *The History Of The Rise And Fall Of The Roman Empire. Melaka: The Transformation Of A Malay Capital c. 1400-1980*⁴⁹ yang diedit oleh Kernial Singh Sandhu dan Paul Wheatley, bukan dalam tradisi yang sama. Dalam *Melaka: The Transformation Of A Malay Capital* tidak begitu nampak kesinambungan sejarah; kesinambungan itu diandaikan, bukan diperlihatkan dengan menggalurkan secara teliti gerakannya Melaka dari zaman ke zaman dan walaupun unsur kemanusiaan tidak sama sekali diabaikan, ternyata *Melaka: The Transformation Of A Malay Capital* lebih memberikan tumpuan kepada "the mechanics of development."


Nota

1. Diterbitkan oleh Hutchinson & Co (Publishers) Ltd., London, 1935.
2. *Ibid.*, hlm. 55-56.
3. Diterbitkan oleh Loyd's Greater Britain's Publishing Company, Ltd., London 1908.
4. *Ibid.*, hlm. 65.
5. *Political and Statistical Accounts of the British Settlements in the Straits of Malacca*, London, 1839, Vol. 1, hlm. 108-189.
6. Lihat "A History of the Peninsular Malays, with chapters on Perak and Selangor" (Singapore, 1923) dlm. R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects*, Selected and Introduced by P.L. Burns, London, 1971, hlm. 35.
7. *British Malaya: An account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya*, London, 1948 (mula-mula diterbitkan pada tahun 1906).
8. *Ibid.*, hlm. 17.
9. *Ibid.*, hlm. 25.

- Lihat Vol. 15 (1885), 16 (1885) dan 22 (1890).
- Sir Frank Swettenham, *op. cit.*, hlm. 29.
- Malaya and It's History*, London, 1957.
- Ibid.*, hlm. 34.
- Ibid.*, hlm. 35–36.
- Lihat Brian Harrison, *Holding The Fort: Melaka Under Two Flags, 1795–1845*, MBRAS Monograph No. 14, 1985, hlm. 7.
- E.A. Blundell, "Notices of the History and Present Condition of Malacca" dim. *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, Vol. II, hlm. 749–50.
17. Colonial Office Records, Siri 273/35, Lt. Gov. Shaw kepada C.O., 2 Oktober 1869, lampiran: Lt. Gov. Cairns kepada Sir Frederic Rogers, 31 Okt. 1868.
18. *The Golden Chersonese And The Way Thither*, London, 1883, hlm. 129–130.
19. *The Malay Peninsula: A Record of British Progress in the Middle East*, London 1912, hlm. 254.
20. *The Raffles College Magazine*; sajak dicetak kembali dalam *The Malacca Guardian*, 15 Februari 1932, hlm. 7.
21. Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850–1873*. Kuala Lumpur, 1972, hlm. 114–115.
22. James C. Jackson, *Planters and Speculators, Chinese and European Agricultural Enterprise in Malaya, 1786–1921*, Kuala Lumpur, 1968, hlm. 31–34, 55–61 & 76–79.
23. *Ibid.*, hlm. 137–138, 183 & 264–266. Lihat juga Song Ong Siang, *One Hundred Years History of the Chinese in Singapore*, 1967, hlm. 293–294; Arnold Wright & H.A. Cartwright (eds.), *op. cit.*, hlm. 483–487.
24. *The Malay Tribune*, 15 Okt. 1919.
25. *The Straits Times* pada waktu itu dari semasa ke semasa menyiarkan berita mengenai Melaka di bawah ruangan "Malacca Notes".
26. J.E. Nathan, *The Census of British Malaya 1921*, London, 1922, hlm. 148.

27. *The Malay Peninsula & Co., op. cit.*, hlm. 254.
28. *The Times of Malay* adalah akhbar Ipoh.
29. Lihat Brian Harrison, *Waiting for China*, Hong Kong, 1979, bab 16.
30. Brian Harrison, "The Anglo-Chinese College at Malacca, 1818-1843" dlm. C.D. Cowan & O.W. Wolters (eds.), *Southeast Asian History and Historiography: Essays Presented to D.G.E. Hall*, Ithaca & London, 1976, hlm. 251.
31. Brian Harrison, *Waiting for China*, hlm. 136. Ini memang sekolah perempuan yang pertama di Malaysia.
32. Rex Stevenson, *Cultivators and Administrators*, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 146.
33. *Ibid.*, hlm. 177-178.
34. Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya, Zaman British*, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 39-47.
35. Paul Wheatley, *Impressions of the Malay Peninsular in Ancient Times*, Singapore, 1964, hlm. 162-163.
36. *The Golden Chersonese & Co., op. cit.*, hlm. 134n.
37. *Ibid.*, hlm. 132-133.
38. *Ibid.*, hlm. 133.
39. *Ibid.*, hlm. 37.
40. *Ibid.*, hlm. 138.
41. *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi*, Dengan Pengenalan dan Anotasi oleh Mohd. Fadzil Othman, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 39.
42. J.S.M. Rennie, *Musings of J.S.M.R. Mostly Malayan*, Singapore, 1933, hlm. 45.
43. *Malay Mail*, 16 Ogos.
44. *Ibid.*
45. J.S.M. Rennie, *op. cit.*, hlm. 46.

46. *The Malacca Guardian*, 29.8.1932.
47. *Ibid.*, Akibatnya Sarada Club ditubuhkan.
48. Musings of J.S.M. R & c., hlm. 48—49.
49. Diterbitkan oleh Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1983.



2

HUBUNGAN ANTARA KAUM INDIA DENGAN NEGERI MELAKA – SUATU TINJAUAN BERDASARKAN SUMBER-SUMBER INDIA DAN SUMBER-SUMBER LAIN

S. SINGARAVELU

Pengenalan

Hubungan antara Malaysia dengan India pada zaman purba adalah ternyata daripada bukti kesusasteraan India purba ditambah pula dengan bukti ilmu kajipurba. Nampaknya, hubungan awal antara kedua-dua wilayah tersebut telah diadakan mula-mulanya dalam bidang perdagangan secara dua hala oleh para pelaut dan peniaga. Ini diikuti pula dengan kedatangan para sami (pedanda) dan pendita yang beragama Buddha dan Hindu dari berbagai-bagai kawasan India terutamanya kawasan Selatan India ke beberapa buah negeri di Kepulauan dan Semenanjung Tanah Melayu. Seterusnya terdapat juga lawatan para pelajar, penganut agama di negeri-negeri India. (Evans 1928 dan 1932: Coedes 1968: 19–27; Van Leur 1955: 23 dan 99; Bosch 1961: 12–14)

Adalah didapati bahawa di antara faktor-faktor utama yang menyebabkan dan seterusnya menggalakkan tercetusnya perhubungan antara kedua-dua wilayah tersebut ialah perdagangan antarabangsa. Hal ini disahkan di dalam karya kesusasteraan India dan karya Geografi/pelayaran Yunani-Romawi dan Arab bersama dengan karya persejarah-an Tionghua (Wheatley 1961: 177–184). Kegiatan perdagangan yang terus maju antara kedua-dua wilayah tersebut adalah ternyata daripada bukti inskripsi (batu bersurat) dalam bahasa Tamil yang telah dijumpai di tempat-tempat seperti Takuapa di Semenanjung Tanah Melayu dan di Labu Tua di Sumatera. Kedua-dua inskripsi tersebut menyebut tentang kegiatan golongan pedagang Tamil di Semenanjung dan Kepulauan Melayu dalam abad-abad yang ke-9 dan ke-11 Masehi. (Nilakanta Sastri 1932 dan 1949).

Sebenarnya perdagangan antarabangsa itulah yang merupakan salah satu faktor kejayaan utama negeri-negeri seperti Srivijaya di Kepulauan Melayu. Adalah di ketahui juga bahawa negeri Srivijaya memperluaskan pengaruh politiknya kepada beberapa kawasan di Semenanjung Tanah Melayu, seperti Kedah, untuk menguasai perdagangan antarabangsa yang lumayan itu. Dengan tujuan yang sama raja-raja empayar Srivijaya memajukan hubungan kedutaan dengan negeri-negeri yang kuat di India (iaitu, negeri Cola di Selatan India) dan negeri China (Coedes 1968: 132-132, Wolters 1967, 1970; 37-38).

Hubungan Antarabangsa

Pada amnya hubungan antarabangsa yang meliputi negeri-negeri di India dan di Kepulauan dan di Semenanjung Tanah Melayu bolehlah disifatkan sebagai berdasarkan semangat persahabatan dan pembalasan atau *reciprocity* dengan tujuan hendak memelihara pertalian rapat dan mesra dalam bidang politik, perdagangan dan kerohanian. Misalnya, adalah diketahui daripada inskripsi Tamil bahawa atas permintaan seorang raja negeri Srivijaya yang bernama Culamanivarmadeva di Kedah (atau Kadaram dalam bahasa Tamil), sebuah candi beragama Hindu dikenali sebagai Culamanivarmaviharaber sempena dengan pusat pelabuhan dan perniagaan di Selatan India pada tahun 1005 Masehi, dan pemerintah negeri Cola iaitu Raja-raja I (985-1016 Masehi) telah memperkenankan dermakekal yang berupa hasil tanah sebuah kampung besar bernama Anaimangalam di negerinya untuk memelihara candi itu demi kepentingan para pelawat dari empayar Srivijaya (Subrahmanya Aiyer 1936a; Nilakanta Sastri 1949a: 75-76 dan 128-131).

Hubungan persahabatan antara Srivijaya dengan Cola, nampaknya, terjejas sedikit dalam tahun 1025 Masehi apabila Raja Cola bernama Rajendra I (1014-1044 Masehi) mengetuai suatu pasukan tentera laut terhadap beberapa bahagian empayar Srivijaya (Hultsch 1981; Nilakanta Sastri 1949a: 80-82 dan 131). Menurut pendapat ahli-ahli sejarah yang meninjau tentang perkara tersebut, perselisihan itu mungkin disebabkan oleh perasaan marah pihak Cola terhadap dasar monopoli perdagangan yang mula dilaksanakan oleh pihak pemerintah Srivijaya. Bagaimanapun, lawatan pasukan tentera laut Cola itu tidak mengakibatkan pemerintahan Raja Cola di empayar Srivijaya. Sebaliknya apa yang berlaku ialah bahawa seorang Raja Srivijaya baru telah menggantikan bekas Raja Sangramavijayottungavarman, dan per-

Hubungan-perhubungan perdagangan dan kedutaan antara kedua-dua negeri itu telah dihidup kembali seterusnya. Ini adalah ternyata bukan sahaja daripada inskripsi Tamil dari Labu Tua di Sumatera yang menyebut tentang kegiatan gabungan perdagangan Tamil (Tisai-ayirat-tuainnurrugar) pada tahun 1088 Masehi, tetapi juga daripada sebuah inskripsi Tamil dari Cola yang menyebut tentang dua orang duta (Rajavidyadhara dan Abhimanottunga) dari negeri Kedah yang mengunjungi negeri Cola pada zaman pemerintahan Raja Cola bernama Kulottunga I (1070—1122 Masehi) untuk menyelaraskan hal-hal yang berkaitan dengan candi agama Buddha di Nagapattinam. (Subrahmanya Aiyer 1936b: Nilakanta Sastri 1955: 318).

Kesan Hubungan Kebudayaan

Terdapat pelbagai jenis kesan hubungan kebudayaan antara India dengan Kepulauan dan Semenanjung Tanah Melayu pada zaman pra moden yang besar peri pentingnya.

- (a) Pertama, oleh kerana hubungan kebudayaan (termasuk kegiatan perdagangan antarabangsa dan kerohanian disertai dengan hubungan kedutaan) antara negeri-negeri lain di India, negeri Cola, Pandiya dan Vijayanagar di Selatan India dengan negeri-negeri Melayu di Kepulauan dan Semenanjung Tanah Melayu telahpun diwujudkan dan dipelihara oleh kedua-dua pihak pada suatu tempoh masa yang panjang tanpa putusanya, kesannya adalah besar dalam karya persejarahan Melayu, seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Misalannya, menurut *Sejarah Melayu*, Raja Shulan dari Nagapattinam di Selatan India ialah seorang nenek moyang agung kepada Raja Chulan, dan seorang putera kepada Raja Chulan, iaitu Sang Utama, berkahwin dengan puteri kepada Demang Lebar Daun dan menjadi pemerintah Palembang dan kemudian menjadi pula pengasas negeri Singapura dengan diberi gelaran Sri Tri Buana, dan Raja Muda (putera kepada Raja Sri Tri Buana) dikatakan berkahwin dengan Talaipucudi, iaitu, puteri kepada Jambunga Raja Mudaliyar (yang menggantikan ayahandanya Adirama Raja Mudaliyar sebagai Raja Bija Negara iaitu Vijayanagara) dan anak cucu kepada Raja Muda itulah pengasas negeri Melaka.¹

Suatu tafsiran para sarjana mengenai maklumat berkenaan dengan salasilah Raja-raja Melayu purba seperti yang terkandung dalam *Sejarah Melayu* ialah bahawa pengarang karya itu mengkaitkan

keturunan Raja-raja Melayu purba dengan tokoh-tokoh pemerintah yang agung dari wilayah di luar daripada Kepulauan dan Semenanjung Tanah Melayu mungkin dengan tujuan hendak memperlihatkan keistimewaan, kebesaran, kedaulatan dan kekuatan ghaib Raja-raja Melayu purba.²

- (b) Selain daripada kemungkinan itu, memandang kepada maklumat yang terdapat dalam inskripsi Tamil mengenai hubungan kedutaan antara Raja-raja Cola dengan raja-raja empayar Srivijaya yang juga ada kaitan dengan hal-hal kerohanian, berserta dengan maklumat mengenai perkahwinan antara putera-putera dengan puteri-puteri raja dan keturunannya yang menjadi pemerintah pengasas negeri-negeri Melayu purba, ada kemungkinan bahawa pengarang *Sejarah Melayu* nampaknya benar-benar merakamkan sesuatu kenangan mengenai pertalian persaudaraan rapat yang telah terwujud antara dinasti Raja-raja Melayu purba dengan dinasti Raja-raja Cola, Pandiya dan Vijayanagar. Walaupun tiada bukti sejarah yang jelas untuk mengesahkan kemungkinan itu, tetapi bentuk-bentuk nama seperti *Shulan*, *Culan*, *Utama*, *Tri Buana*, *Cendaniwasis*, *Talaipucudi*, *Adiraja Rama Mudaliyar*, *Bija Negara* dan *Jambunga Raja Mudaliyar* adalah menunjukkan kemungkinan itu, kerana nama-nama itu adalah merupakan bentuk-bentuk nama Tamil dan juga berkaitan dengan tradisi sejarah raja-raja dari dinasti Cola, Pandiya dan Vijayanagar. (Nama-nama seperti *Shulan*, *Utama* dan *Tri Buana* dan *Cendan* adalah kerap disebutkan dalam inskripsi Raja-raja Dinasti Cola.³ Nama *Talaipucudi* merupakan satu gelaran Tamil untuk menyifatkan gaya perhiasan rambut (puteri) dengan bunga. Nama *Adiraja Rama Mudaliyar* merupakan nama terbitan dari nama seorang raja keturunan Dinasti Pandiyar, iaitu *Adivirarama Pandiyar* (1564–1603 M) dengan adanya gelaran *Mudaliyar* (Yang Utama) menggantikan gelaran Dinasti Pandiyar. Nama *Jambunga Raja Mudaliyar* juga merupakan terbitan daripada nama *Jambubarayar* atau *Campubarayar* yang merupakan gelaran untuk panglima tentera atau raja-raja kecil (atau ketua sesuatu puak) pada zaman pemerintahan Raja-raja Cola dalam abad-abad yang ke-11 dan yang ke-12 M.⁴ Selain daripada faktor persaudaraan kerabat diraja, ada juga kemungkinan bahawa pengarang *Sejarah Melayu* menyebutkan nama-nama itu dengan tujuan hendak menyediakan suatu tradisi keturunan diraja yang agung kepada raja-raja negeri Melaka. Suatu ciri penting diraja itu ialah bahawa semua Raja-raja Melayu adalah bersaudara antara satu sama lain. Dalam

hubungan ini, kita tertarik juga dengan kenyataan dalam *Sejarah Melayu* bahawa Raja Muda (cucu kepada Raja Sri Buana) berkahwin dengan puteri Talaipucudi (puteri kepada Jambunga Raja Mudaliyar, pengganti kepada Adiraja Rama iaitu raja negeri Bija Negara, iaitu Mudaliyar Vijayanagara). Walaupun kenyataan itu merupakan suatu anakronisme atau sesuatu yang ketinggalan zaman kerana Dinasti Cola telah tamat pada zaman Dinasti Vijayanagara, tetapi dari segi tujuan pengarang *Sejarah Melayu*, kenyataan itu nampaknya bertujuan mengesahkan bahawa semua Raja-raja Melayu purba adalah bersaudara antara satu sama lain dari segi keturunannya yang agung. Begitu juga dengan gambaran raja-raja dari Dinasti-dinasti *Cola*, *Pandiya* dan *Vijayanagar*, yang dikatakan bersaudara bukan sahaja di antara satu sama lain, malah dengan Raja-raja Melayu purba (walaupun dinasti itu berlainan dari segi zaman pemerintahannya). Dengan lain perkataan, persaudaraan adalah berdasarkan kepada nenek moyang dan keturunan diraja yang mulia dan agung. Menurut *Hikayat Hang Tuah* pula, apabila pahlawan Hang Tuah mengunjungi negeri Bijaya Nagaram (Vijayanagar) sebagai duta daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Mansur Shah, Sultan Melaka adalah dinyatakan bahawa Raja Bijaya Nagaram adalah bersaudara dengan Raja-raja Melayu.⁵ Kenyataan seperti ini menunjukkan hakikat hubungan antara negeri-negeri di India Selatan dengan negeri-negeri Melayu purba yang telah dipelihara secara terus-menerus. Beberapa contoh tambahan mengenai hubungan kebudayaan antara India dengan Malaysia purba boleh dilihat dalam tradisi yang berkaitan dengan nama negeri (seperti nama Melaka) dan gelaran rasmi (seperti Laksamana) yang terdapat dalam karya-karya persejarahan, seperti karya *Sejarah Melayu* dan karya *Hikayat Hang Tuah*.

Nama Melaka

Menurut *Sejarah Melayu*,⁶ pengasas negeri Melaka, iaitu, Raja Iskandar Shah (Sri Parameswara) bertitah bahawa Melakalah nama negerinya kerana baginda menyaksikan peristiwa anjing perburuan diterajang oleh pelanduk putih ke dalam air apabila baginda bersandar pada pohon melaka. Nampaknya, tradisi ini adalah berkaitan dengan tradisi metos India mengenai pohon dan buah Amalaka. Menurut karya *Skanda Purana* (bahagian berjudul *Vaishnava khanda*, XII 9–23) pohon *Amalaka* (iaitu melaka atau *Emblic Myrobalan*) ialah pohon pertama yang telah tumbuh di alam semesta. Pohon itu juga dianggap sebagai tempat tinggal untuk ketiga-tiga aspek ketuhanan menurut ajaran agama

Hindu, iaitu penciptaan (Brahma), pemeliharaan (Vishnu), dan penghancuran dan penjanaan semula (Shiva). Buah melaka dalam tradisi India pernah dianggap mempunyai kuasa ajaib yang berkaitan dengan kekayaan, kesihatan dan kekuatan jasmani dan rohani. Oleh itu, bentuk buah melaka itu menjadi suatu bahagian kemuncak menara kuil agama Hindu, dan terdapat pula arca perwira atau raja yang kelihatan seolah-olah baginda mendaki menara itu ke arah buah melaka di kemuncaknya.⁷ Oleh yang demikian, ada kemungkinan bahawa tradisi mengenai Raja Iskandar Shah memilih nama pohon Amalaka yang menjadi sandaran baginda apabila menyaksi peristiwa ajaib berkaitan dengan tradisi India mengenai pohon dan buah Amalaka dari segi pertalian rohani dengan kuasa ketuhanan dan bahawa perkataan Melaka dalam Bahasa Malaysia berasal dari perkataan Amalaka dalam bahasa Sanskrit.

Gelaran Laksamana

Menurut *Sejarah Melayu*,⁸ pahlawan Hang Tuah yang terlebih gagah dan berani daripada lain, akan menyinsing tangan bajunya dan menangkis sambil berkata "Ceh, Laksamana lawanku." Adalah dirakam juga dalam karya yang sama bahawa Duli Yang Mulia Sultan Mansur Shah (1459—1477 M) telah berkenan mengurniakan gelaran Laksamana kepada pahlawan Hang Tuah. Ada kemungkinan bahawa pengurniaan gelaran Laksamana kepada pahlawan Hang Tuah, yang juga menjadi Panglima angkatan tentera atau hulubalang negeri beraja Melaka, berkaitan dengan tradisi India mengenai Sri Rama sebagai seorang raja yang 'ideal' (atau seorang raja yang dicita-citakan oleh rakyat) melantik adiknyanya (Laksamana) sebagai hulubalangnya selepas baginda menaiki rakhta di ibukota *Ayodhya*. Maksud perkataan Laksamana dalam Bahasa Malaysia untuk menandakan gelaran Panglima Angkatan Laut adalah berkaitan dengan peranan Laksamana Hang Tuah sebagai panglima tertinggi di negeri perairan ('maritime') Melaka.

Pelayaran Laksamana Hang Tuah ke Bijaya Nagaram

Menurut *Hikayat Hang Tuah*,⁹ Raja negeri Melaka telah memperkenankan permintaan Bendahara supaya Laksamana Hang Tuah meawat negeri Bijaya Nagaram (Vijayanagaram) di selatan India sebagai duta baginda kerana Laksamana Hang Tuah mengetahui bahasa negeri itu. Laksamana Hang Tuah dan rombongannya berlayar selama sebelas hari dan sebelas malam dengan menggunakan sejumlah dua belas kapal sebelum sampai di bandar pelabuhan yang dikenali sebagai Nagapatti-

nam. Ketibaannya disambut dengan paluan bedil dan bunyi-bunyian. Setelah diperjamu oleh Shahbandar dan seorang saudagar bernama Nala Sang Guna, Laksamana Hang Tuah dan rombongannya berangkat ke bandar Bijaya Nagaram untuk menyampaikan surat tauliah kepada Raja Kisna Rayan (iaitu Raja Krishnadevaraya dari dinasti Tuluva yang memerintah negeri Vijaya Nagaram mulai dari tahun 1509 hingga 1529). Setibanya di kota Vijaya Nagaram Laksamana Hang Tuah melihat pintu-pintu gerbang yang terhias dengan arca-arca yang menggambarkan cerita-cerita *Ramayana* dan *Mahabharata*. Apabila menghadap Raja Kisna Rayan, Laksamana Hang Tuah berucap dalam bahasa negeri Bijaya Nagaram dengan fasihnya. Laksamana Hang Tuah menerangkan pula bahawa beliau telah mempelajari bahasa tersebut daripada seorang lebai sebagai gurunya di negeri Majapahit. Selepas Raja Kisna Deva Rayan bertanya kepada Laksamana Hang Tuah mengenai khabar raja-raja di Bukit Seguntang, di Sumatera dan di Melaka, Laksamana Hang Tuah telah dianugerahi persalinan oleh Raja Kisna Rayan. Semasa di Bijaya Nagaram Laksamana menunjukkan pula keahliannya sebagai seorang pendekar. Selepas minggu di Bijaya Nagaram, rombongan Laksamana Hang Tuah melawat beberapa tempat penting di dalam negeri itu termasuk sebuah bandar bernama Cidambaram. Laksamana Hang Tuah amat tertarik hati dengan kecantikan arca-arca di dalam kuil atau tempat berhala di bandar itu. Dalam hubungan ini, pengarang *Hikayat Hang Tuah*¹⁰ menyatakan bahawa perkataan *Cidambaran* sendiri bererti 'tempat berhala' atau kuil dan pengertian tersebut adalah sama dengan pengertian perkataan *Cidambaran* dalam tradisi Tamil, iaitu, perkataan *Koyil* (atau kuil dalam Bahasa Malaysia) sepatutnya menandakan secara istimewanya kuil Dewa Nataraja di Cidambaram di Selatan India.

Pesta Mandi Safar

Salah satu cara untuk mengesan hubungan kebudayaan antara penduduk negeri-negeri Melayu purba, seperti Melaka dengan masyarakat berketurunan Tamil dari selatan India adalah melalui perayaan *Mandi Safar*.¹¹ Perayaan ini pernah dilakukan oleh masyarakat Melayu setiap tahun pada hari Rabu yang terakhir dalam bulan Safar. Untuk perayaan tersebut, beribu-ribu orang termasuk sebilangan besar kaum muda mudi di bawah penjagaan kaum wanita tua mengadakan perjalanan secara berkumpulan dengan menggunakan kereta lembu ke tepi laut atau sungai pada sebelah petang hari Selasa, iaitu sehari sebelum perayaan tersebut dijalankan. Sesampai saja di tepi laut, rombongan tersebut itu berkhemah di sana dan sepanjang masa anggota rombongan menghiburkan diri dengan berpantun serta menari tarian

seperti joget atau ronggeng, disertai alat-alat muzik biola dan gendang. Pada hari tersebut, para peserta akan mandi di dalam sungai atau laut secara adat istiadat, sementara orang-orang tua akan membenamkan sekeping kertas yang bertulis dengan doa khas ke dalam air sebelum mandi dan kebiasaannya mereka akan meminum sedikit air yang mereka anggap suci itu. Adalah dipercayai juga bahawa orang-orang yang tidak dapat turut sama dalam perayaan itu hendaklah sekurang-kurangnya meminum sedikit air suci tersebut. Ini adalah bertujuan untuk membersihkan rohani serta memberikan perlindungan dari sebarang nasib malang yang akan menimpa pada masa hadapan.

Walaupun pesta Mandi Safar itu pernah dirayakan di beberapa bahagian Semenanjung Tanah Melayu termasuk Morib di negeri Selangor, Port Dickson di Negeri Sembilan dan Bagan Luar di Pulau Pinang, tetapi nampaknya perayaan itu pernah diadakan secara panjang lebar dan dengan bersemangat di Tanjung Keling di Melaka dan juga di Pulau Besar yang berhampiran dengannya.

Adalah didapati juga bahawa perayaan Mandi Safar itu bukan sahaja merupakan suatu kesempatan untuk melakukan pembersihan rohani, tetapi juga suatu peluang kaum muda mudi untuk bertemu dan mengenal satu sama lain sebelum memilih jodoh hidupnya. Adalah dikatakan juga bahawa banyak perkahwinan memang berlaku selepas perayaan Mandi Safar.

Berhubung dengan peri pentingnya pesta mandi safar dari segi kerohanian adalah didapati bahawa pihak-pihak tertentu telahpun menafikan apa-apa kaitannya dengan kepercayaan atau amalan agama Islam dan pihak-pihak lain menganggapnya sebagai sesuatu amalan yang bersifat rohani yang berkaitan dengan pengalaman Nabi Muhammad s.a.w. Walaupun ada kemungkinan bahawa pesta itu mempunyai sesuatu kepentingan kerohanian, tetapi dengan terdapatnya beberapa unsur lain dalam perayaan pesta itu, seperti perjalanan secara kumpulan dengan menggunakan kereta lembu ke tepi sungai atau laut, penyertaan kaum muda mudi disertai dengan kaum wanita yang berusia tua sebagai pengiringnya, dan hiburan-hiburan muzik, nyanyian dan tarian yang merupakan satu ciri penting dalam perayaan itu adalah didapati bahawa ciri-ciri tersebut mempunyai persamaan dengan suatu pesta air di kalangan orang-orang Tamil purba seperti yang digambarkan dalam sebuah karya puisi Tamil yang berjudul *Paripadal*.¹² Unsur-unsur persamaan dalam pesta air di kalangan orang-orang Tamil purba itu adalah termasuk: (a) Sebilangan besar peserta melakukan perjalanan secara kumpulan dengan menggunakan berbagai jenis alat pengangkutan terutamanya kereta lembu, (b) Para peserta termasuk sebilangan besar kaum muda mudi yang belum berkahwin, (c) Rombongan muda mudi disertai dengan kaum wanita yang berusia tua sebagai pengiring kepada gadis-gadis

...maja, (d) Kaum muda mudi itu sangat mengharapkan dapat memilih jodoh hidupnya semasa perayaan itu, (e) Para peserta bersukaria pula dengan bermandi dalam air sungai, (g) Beberapa orang gadis membenamkan benda-benda yang tertentu dengan doa semoga mereka berbahagia.

Dengan adanya unsur-unsur persamaan tersebut, ada kemungkinan bahawa perayaan pesta Mandi Safar mula-mulanya bertujuan sekular iaitu untuk membolehkan kaum muda mudi bertemu, bersukaria dan memilih jodoh hidupnya, dan seterusnya diberi tafsiran rohani pula selepas masyarakat Melayu menganut agama Islam. Penggunaan perkataan *Safar* (nama bulan yang kedua menurut takwim Islam) bersama-sama dengan perkataan *Mandi* untuk menandakan pesta sosial itu mungkin mempunyai matlamat kerohanian pula.

Kaum Ceti Melaka (Kaum Hindu Peranakan Melaka)

Hubungan antara penduduk negeri-negeri Melayu dengan orang-orang keturunan Tamil dari Selatan India pada zaman purba bukan sahaja mendatangkan pelbagai kesan dalam bidang kebudayaan Malaysia tetapi juga mewujudkan suatu kaum Hindu peranakan Melaka yang dikenali sebagai Ceti Melaka.¹³

Anggota kaum Ceti Melaka adalah keturunan kaum pedagang Tamil yang memainkan peranan penting dalam bidang perdagangan antarabangsa pada zaman pemerintahan raja-raja negeri Melaka dalam kurun yang ke-15 Masehi. (Istilah Ceti yang merupakan gelaran kaum tersebut adalah berasal daripada perkataan *Sreshthi* dalam bahasa Sanskrit atau perkataan *Cetti* dalam bahasa Tamil yang bererti 'orang kaya' atau 'pedagang'). Walaupun beberapa orang anggota dari kaum itu diketahui menjalankan kegiatan dalam pertanian pada zaman penjajahan Belanda di Melaka dalam kurun yang ke-17 Masehi, kaum itu masih mengekalkan gelarannya sebagai Ceti Melaka. Tempat kediaman kaum itu telah dikenal sebagai Kampung Keling sempena dengan nama kawasan Kalinga di selatan India. Pada masa ini kebanyakan keluarga kaum itu adalah terdapat di sekitar Tengker, Gajah Berang dan Bacang di Melaka. Menurut tinjauan yang dibuat pada tahun 1976, sejumlah 32 keluarga terdapat di kawasan kampung Ceti Melaka itu. Adalah ditaksirkan bahawa orang-orang Ceti Melaka di Malaysia dan Singapura pada masa kini berjumlah lebih kurang seribu orang. Ciri-ciri utama kaum Ceti Melaka adalah termasuk: (a) walaupun nenek moyangnya berketurunan Tamil, tetapi anggota-anggota kaum itu menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibundanya, (b) Gaya-gaya pakaian, cara-cara masakan makanan dan jenis-jenis hiburan adalah menunjukkan sifat-sifat tempatan, (c) Pemujaan agama yang masih dikekalkan oleh kaum

Ceti Melaka itu masih memelihara sejumlah sepuluh buah kuil agama Hindu termasuk Kuil Sri Poyyatha Vinayakar Moorthidi di bandar Melaka dan sekitarnya. Suatu amalan kerohanian di kalangan kaum Ceti Melaka itu yang menarik ialah bahawa anggota-anggota kaum itu mengekalkan identiti mereka sebagai kaum Hindu peranakan Melaka.

Kesimpulan

Adalah jelas daripada apa yang telah dibincangkan di atas ini mengenai hubungan antara orang-orang keturunan India (terutamanya orang-orang keturunan Tamil) dengan negeri Melaka pada zaman purba bahawa hubungan itu yang meliputi pelbagai bidang termasuk diplomasi, perdagangan dan kebudayaan, telah pun meninggalkan kesan yang penting ke atas sejarah Melaka. Peranan orang-orang keturunan India dalam perkembangan dan pembangunan negeri Melaka adalah besar sekali.

Rujukan

1. *Sejarah Melayu*, naskah Raffles, 18, suntingan R.O. Winstedt, *JMBRAS*, Jilid 16, Bahagian 3 (1938), bab 2-5, hal 48-50, 56-60, 65, 82.
2. Abu Bakar Hamid, *Diskusi Sastera*, Jilid 1 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka 1974), hal. 137; Yusoff Iskandar dan Abdul Rahman Kaeh, *Sejarah Melayu (Edisi Shellbear), Satu Perbicaraan Kritis Dari Pelbagai Bidang* (Kuala Lumpur: Heineman Educational Books (Asia Ltd, 1977), hal, 45.

Menurut karya *Sejarah Melayu*, selain daripada Raja Shulan dari India Selatan, Raja Iskandar Zulkarnain dari Negeri Macedonia Purba (yang telah menyerbu Wilayah Barat Laut India dalam tahun 326 Sebelum Masihi) dikaitkan juga dengan keturunan raja-raja Melayu Purba.

Di dalam tradisi India pula, lebih daripada satu golongan suku bangsa perwira di Wilayah Barat Laut India telahpun mengaitkan keturunannya dengan Raja Iskandar yang agong. (Alexander The Great) melalui perkahwinan puteri diraja tempatan. Sebenarnya Raja Iskandar sendiri memang bertujuan hendak menyatupadukan bangsa Eropah dengan bangsa Asia melalui perkahwinan Antarabangsa dan sesuai dengan tujuan itulah baginda sendiri berkahwin dengan dua roang Puteri Diraja Parsi. (Roxana dan Statira) dan menggalakkan askar-askarnya juga mencari pengantin-pengantinnya di negeri-negeri Timur. B. Walker, *The Hindu World* (London: G. Allen dan Unwin Ltd., 1968), Jilid 1 hal. 28.

3. Sila lihat *A Concordance Of The Name In The Qhola Inscriptions*, disusun oleh Noboru Karashima, Y. Subbarayallu dan Toru Matsui (Madurai: Sarvodaya Ilakkiyappannai, 1978), Jilid 2, misalnya hal 205, 228.
4. Sila lihat *Tamilkalkalanciyam* ('Ensaiklopedia Tamil'), Madras: Tamilvallaccikkalagam, 1954–1956, Jilid 1, hal. 87 dan Jilid 4, hal. 442.
5. *Hikayat Hang Tuah*, teks naskah yang diselenggarakan oleh Kassim Ahmad (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka) hal. 340.
6. *Sejarah Melayu*, naskah Raffles 18, suntingan R.O. Winstedt, *JMBRAS* jilid 16, bahagian 3, (1938) hal. 82: maka Raja Iskandar Shah (Sri Parameswara) pun berjalan berbalik dari sana (Sening Ujong) ke tepi pantai, pada suatu sungai di tepi laut dan nama sungai itu Bertam. Maka Raja Iskandar pun berdiri di bawah seponon kayu terlalu rendah. Maka baginda pun berburu, maka anjing perburuan itu diteranjangkan oleh pelanduk putih jatuh ke air. Maka titah Raja Iskandar Shah, 'Baik tempat ini, sedang pelanduknya lagi gagah; baiklah kita berbuat negeri di sini'. Maka sembah segala orang besar, 'Benarlah Tuanku, seperti titah Duli Yang Dipertuan itu'. Maka disuruh baginda berbuat negeri pada tempat itu. Maka Raja Iskandar bertanya, 'Apa nama kayu ini, tempat kita bersandar?' Maka sembah orang, 'Kayu Melaka namanya, tuanku.' Maka titah baginda, 'Jika demikian, *Melakalah* nama negeri ini.

Sila lihat juga, *Sejarah Melayu, The Malay Annals*, translated by C.C. Brown (Kuala Lumpur: Oxford Universiti Press, 1970), hal 42.

7. Stella Kramrish, *The Hindu Temple* (Calcutta: University Of Calcutta, 1946), hal 348–352; B. Walker, *The Hindu World* (London: G. Allen & Unwin Ltd), Jilid 1, hal. 244 dan Jilid 2, hal. 73; A.J. Bernet Kempers, *Ancient Indonesia Art* (Amsterdam: C.P.J. Van Der Peet, 1959), gambar 139–140.
8. *Sejarah Melayu* naskah Raffles 18, suntingan R.O. Winstedt, *JMBRAS*, Jilid 16, Bahagian 3 (1938), hal. 104 dan 114.
9. *Hikayat Hang Tuah*, teks naskah yang diselenggarakan oleh Kassim Ahmad (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968), hal. 339–364.
10. *Ibid.*, hal. 362.
11. R.A. Blasdehl, "Safar ablutions in Malacca", *Moslem World*, Jilid 33 (1943), hal. 140–142; Zainal Abidin bin Ahmad, "Malay festivals and some aspects of Malay religious life: (3) Mandi Safar", *JMBRAS*, Jilid 22 (1949), hal. 103–104; Mrinal Kanti Paul, "Mandi Safar In Malaysia", *Hemisphere*, Jilid 8 (1964), hal. 26–29; Haji Ahmad Derus, "Mandi Safar", *Illustrated Historical Guide to Melaka* (Melaka: The Rotary Club Of Malacca, 1973).

12. *Paripadal*, dengan ulasan oleh P.V. Comacuntaranar (Madras: The South India Saiva Siddhanta Works Publishing Society, 1964); sila lihat nyanyian yang kesepuluh mengenai sungai Vaiyai.
13. Mengenai kaum *Ceti Melaka* sila lihat K. Narayanasamy, *Proses asimilasi dan pengebudayaan di kalangan masyarakat Chitty Melaka*. Latihan ilmiah untuk ijazah B.A. Hons. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya (1968); K. Narinasamy "The Melaka Chitties", *Melaka, The Transformation of a Malay Capital c. 1400-1980*, ed. oleh Kernial Singh Sandhu, dan Paul Wheatley (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983), Jilid 2, hal. 239-263; juga, Kernial Singh Sandhu, "Indian Settlement in Melaka", *Ibid.*, hal. 174-211; Luis Filipe Ferreira Reis Thomaz: *The Indian Merchant Communities in Malacca under the Portuguese Rule, Indo-Portuguese History, Old Issues, new Questions*, ed. oleh Teotonio R de Souza (New Delhi: Concept Publishing Co. hal. 56-72.

Bibliografi

Abu Bakar Hamid

- 1972 *Diskusi Sastera*, Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah binti Haji Omar

- 1969 "The nature of Tamil Loanwords in Malay", *Proceedings of the First International Conference-Seminar of Tamil Studies*, Jilid 2. Kuala Lumpur: International Association of Tamil Research, ha. 534-558.

Bernet Kempers, A.J.

- 1959 *Ancient Indonesian Art Amsterdam*: C.P.J. Van Der Peet, Bosch, F.K.K.

- 1961 "The problem of the Hindu colonization of Indonesia", *Selected Studies in Indonesia Archaeology*, by F.D.K. Bosch, The Hague: M. Nijhoff, hal. 1-22.

Blasdell, R.A.

- 1943 "Safar Ablutions in Malacca," *The Moslem World*, Jilid 33, hal. 140-142.

Coedes, G.

- 1968 *The Indianized States Of Southeast Asia*. Kuala Lumpur: University of Malaya.

Cortesao, A., Ed.

1944 *The Suma Oriental of Tome Pires, Jilid 2*, London: Hakluyt, Society.

Evans, I.H.N.

1928 "On ancient remains from Kuala Selinsing, Perak," *JFMSM* Jilid 12, hal. 121-131.

1932 "Excavations at Tanjung Rawa, Kuala Selinsing, Perak," *JFMSM* Jilid 15, hal. 79-133.

Gros, F., Penterjemah.

1968 *Le Paripatal*. Pondchery: Institut Francais d' Indologie.

Haji Ahmad Darus

1973 "Mandi Safar," Illustrated Historical Guide to Melaka: Melaka: The Rotary Club of Malacca.

Hikayat Hang Tuah

1968 *Hikayat Hang Tuah* (menurut naskah Dewan Bahasa dan Pustaka), diselenggarakan oleh Kassim Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hooykaas, C.

1957 "Laksamana at Malay courts," *JOIB*, jilid 6 hal. 1-2.

Hultzsch, E., Ed.

1891 *South Indian Inscriptions*, Jilid 2, Bahagian 11, Madras: Government Press.

Kramrisch, Stella.

1891 *The Hindu Temple*. Calcutta: University of Calcutta.

Leur, J.C. Van.

1955 *Indonesian trade and society*. The Hague: W. Van Hoeve Ltd.

Mohd Taib Osman.

1967 *Indigenous, Hindu and Islamic elements in Malay Folkbelieve*. Disertai untuk ijazah Ph.D. Bloomington Universiti Indiana, Amerika Syarikat.

Narayanasamy, K.

- 1968 *Proses Assimilasi dan pengebudayaan di kalangan masyarakat Chitty Melaka*. Latihan ilmiah untuk ijazah B.A. Hons. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Narinasamy, K.

- 1983 "The Melaka Chitties," *Melaka. The Transformation of a Malay Capital c. 1400-1980*, ed., oleh K.S. Sandhu dan P. Wheatley (Kuala Lumpur; Oxford University Press), Jilid 2, hal. 239-263.

Nilakanta Sastri, K.A.

- 1932 "A Tamil Merchant Guild in Sumatra," *IBG* Jilid 72, hal. 314-317.

1949a *History of Sri Vijaya*. Madras: University of Madras.

1949b "Takuapa and its Tamil inscription," *JMBRAS*, Jilid.

1949c *South Indian Influences in the Far East*. Bombay.

1955 *The Colas*, edisi kedua. Madras: Universiti Madras.

1966 *A History of South India*. Madras: Universiti Madras.

1978 *South India and Southeast Asia*. Mysore: Geetha Book House.

Paripadal

- 1964 *Paripadal*, dengan ulasan oleh P.V. Comacuntaranar. Madras: The South India Saiva Siddhanta Works.

Publishing Society

Paul, Mrinal kanti

- 1964 "Mandi Safar in Malaysia", *Hemisphere*, Jilid 8, hal 26-29.

Rabeendran, R.

- 1976 *Ethno-racial Marginality: the case of the Peranakan Hindu Melaka or Malacca Chitty Community*.

Sandhu, Kernial Singh

- 1973 *Early Malaysia*. Singapore: University Education Press.

- 1983 "Indian Settlement in Melaka", *Melaka. The Transformation of a Malay Capital c. 1400-1980*, ed. oleh K.S. Sandhu dan P. Whetley (Kuala Lumpur: Oxford Press), hal. 174-211.

Sejarah Melayu

- 1938 "Sejarah Melayu, Raffles ms. 18, suntingan R.O. Winstedt, *JMBRAS*, Jilid 16, bahagian 3, hal. 42-226.
- 1967 *Sejarah Melayu*, diusahakan oleh W.G. Shellabear.
- 1970 *Sejarah Melayu, or Malay Annals*, terjemahan ke dalam bahasa Inggeris oleh C.C. Brown. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Singaravelu, S.
- 1981 "The Rama Story in the Malay tradition," *JMBRAS*, Jilid 54, No. 2, hal. 131-147.
- 1982 "The Ambassadorial Mission of Laksamana Hang Tuah from the kingdom of Malacca to the kingdom of Vijaya Nagaram in south India, *Tamil Studies*, Jilid 2, No. 1, 24-33; juga *SARI* Jilid 1 (1983), hal. 75-80.
- 1982b "The Sanskrit Element in the Malay Vocabulary," *Brahma Vidya (Adyar Library Bulletin)*, Jilid 46 hal. 43-60.
- Subrahmanya Aiyer, K.V.
- 1936a "The Larger Leiden Plates (of Rajaraja 1), *Epigraphia Indica*, Jilid 22, hal 213-266.
- 1936b "The Smaller Leiden Plates (of Kulottunga 1) *Epigraphia Indica*, Jilid 22, hal. 267-281.
- Thomas, Luis Filepe Ferreira Reis
The Indian Merchant Communities in Malacca under the Portuguese rule, *Indo-Portuguese History, Old issues, New Questions*, ed. oleh Teotonio R De Souza (New Delhi: Concept Publishing Co.) hal. 56-72.
- Walker, B.
- 1968 *Hindu World*. 2 Jilid. London: G. Allen & Unwin Ltd.
- Wales, H.G.G.
- 1976 *The Malay Peninsula in Hindu times*. London: B. Quaritch Ltd.
- Wheatley, P.
- 1964 *Impressions of The Malay Peninsula in Ancient times*. Singapore: Eastern Universities Press.

1966 *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Winstedt, R.O.

1961 *The Malays, A Cultural History*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.

1962 *A History of Malaya*. Kuala Lumpur: Marican & Sons.

1969 *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur.

Wolters, R.O.

1967 *Early Indonesian Commerce*. Ithaca, New York: Cornell University Press.

1970 *The Fall of Srivijaya in Malay History*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

1982 *History, Culture and Region in Southeast Asian Perspectives*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Yusoff Iskandar & Abdul Rahman Kaeh

1977 *Sejarah Melayu (edisi Shellabear): satu pembicaraan kritis dari pelbagai bidang*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational books (Asia) Ltd.

Zieseniss, A.

1937 "Funktion und Stellung des laksamana am hofe der Malaischen Sultane," *Acta Orientalia*, Jilid 15, hal 72-75.

1963 *The Rama Saga in Malaysia, its origin and development* terjemahan dalam bahasa Inggeris oleh P.W. Burch. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd.

Singkatan

JFMSM Journal of the Federal Malay States Museum.

JMBRAS Journal of the Malayan/Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.

OIB Journal of the Oriental Intitute, Baroda.

TBG Tijdschrift voor Indische Taal-Land-en Vokkenkunde.

3

SEJARAH MELAKA DILIHAT DARI
SUMBER—SUMBER CHINA

TOORU NOMURA

Makalah ini bertujuan untuk memberi gambaran umum mengenai bentuk kekuasaan di alam Melayu sejak zaman Srivijaya.¹ Kemudiannya perbincangan bertujuan menjelaskan bentuk dan kandungan rekod-rekod China klasik berkenaan Kesultanan Melaka pada abad ke 15,² iaitu sebelum penaklukan oleh Portugis. Adalah diharapkan bahawa rekod tersebut seterusnya mendapat perhatian golongan sarjana yang tidak boleh berbahasa Cina. Makalah ini juga akan cuba menerangkan sejarah dan masyarakat Kesultanan Melaka secara lebih jelas melalui kajian secara perbandingan tentang sumber-sumber asal Melayu, Eropah dan China. Akhir sekali, diharapkan agar makalah ini dapat menerangkan perhubungan Sino-Melaka pada zaman kegemilangannya. Tumpuan khas akan diberi terhadap analisis berhubung dengan jenis sumber yang boleh diperolehi dalam zaman tersebut melalui banyak hasil-hasil ke-susasteraan China serta bagaimana pemerintah China dan Melaka saling menanggapi satu sama lain pada zaman yang sama.

**Bentuk Perdagangan Timur-Barat Sebelum Kedatangan
Kuasa-Kuasa Eropah**

Bila Vasco da Gama, penjelajah benua Afrika, mengelilingi Tanjung Harapan pada Disember 1497, dan merentasi Lautan Hindi dengan cita-cita dan semangat penjelajah bagi mencari wangi-wangian dan rempah ratus Oriental, ia menjumpai jalan perdagangan 'golongan bukan Kristian' yang luas. Di sebelah Barat, jalan perdagangan ini terletak di bandar-bandar pelabuhan³ yang bertaburan di Teluk Parsi dan Pantai Timur Afrika, dan tersibar hingga ke destinasi akhir di Kepulauan Rempah melalui pelabuhan-pelabuhan India Selatan sepanjang pantai Malabar dan Koromandel serta emporium teragung Melaka. Ia juga me-

luaskan jalan perdagangannya ke arah Timur Jauh ke sejauh negara China dan sebahagian dari Jepun.

Bagaimanapun, jalan perdagangan yang luas dan panjang ini, tidaklah tertakluk di bawah satu kuasa yang agung. Sebaliknya, keseluruhan jalan tersebut telah dibahagi kepada bahagian-bahagian kecil yang berhubung rapat antara satu sama lain melalui pedagang-pedagang tempatan dan asing. Di bahagian barat jalan tersebut iaitu bahagian Laut Merah, Afrika Timur dan Rantau Telukan, perdagangan telah dijalankan oleh pedagang Islam sama ada yang berasal dari Arab atau Parsi,⁴ manakala di bahagian timurnya pula iaitu di antara Pantai Koromandel di India Selatan dan Melaka, perdagangan terletak di tangan pedagang India yang berasal sama ada dari Gujerat ataupun India Selatan.⁵ Perdagangan antara China dan Melaka pula lebih banyak di bawah penguasaan pedagang Cina dan Liu-Kiu,⁶ manakala perdagangan serantau di Asia Tenggara banyak dijalankan oleh berbagai kumpulan orang Melayu.

Komoditi terpenting yang dibawa melalui jalan laut yang besar ini adalah lada hitam dari Malabar dan Sumatera,⁷ berbagai jenis rempah ratus dan wangi-wangian dari Pulau Maluku, yang amat diperlukan bagi makanan orang Eropah untuk mengelak bau busuk dari daging yang basi.

Di sepanjang jalan perdagangan yang luas ini, telah terbina banyak bandar pelabuhan yang memainkan peranan dalam emporium perjalanan perdagangan serantau dan pedalaman. Ada bandar pelabuhan yang kecil dan ada pula bandar pelabuhan yang merupakan emporium yang besar.

Tradisi pembinaan emporium perdagangan oleh berbagai golongan rumpun pelaut Melayu telah bermula sejak lama iaitu sejak zaman kegemilangan Empayar Sirvijaya lagi.

Srivijaya — Selaku Kuasa Sebelum Melaka

Bila ahli arkeologi Perancis yang ternama iaitu George Coedes, pertama kali membicarakan empayar laut ini yang telah lama dilupakan, bagi pengkajian moden pada tahun 1918,⁸ salah satu di antara kontroversi terbesar tentang pengkajian sejarah Asia Tenggara telah timbul iaitu berkenaan dengan bentuk kekuasaan kerajaan tersebut. Oleh kerana kekurangan sumber-sumber yang relevan, hingga kini, tiada siapa yang dapat membuat satu keputusan muktamad mengenai kontroversi ini. Walau bagaimanapun, pengkajian oleh O.W. Wolters' yang baru telah dapat memperjelaskan beberapa perkara mengenai kontroversi kesultanan lama ini.⁹ Menurut Wolters, Gan-tuo-li, satu kerajaan lama

yang telah disebut mengenainya dalam sumber-sumber Cina abad kelima dan keenam,¹⁰ kemungkinan adalah antara emporium pertama yang wujud di selat yang telah mengexploitaskan pasaran China yang memerlukan barangan dari pedalaman; dan kemudian ciri-cirinya telah diwarisi pula oleh pasaran utama Srivijaya yang telah muncul di Selatan Sumatera di sekitar Palembang, dan akhirnya telah diwarisi pula oleh emporium baru Melaka pada permulaan abad ke-15. Dalam kata lain, beliau mendakwa bahawa persamaan dalam konteks bentuk kekuasaan boleh didapati di kalangan Gan-tuo-li, Srivijaya dan Melaka, dan semua tempat ini memenuhi kriteria sesebuah emporium. Hingga baru-baru ini, telah diterima bahawa mungkin Srivijaya adalah empayar laut terawal yang telah mempunyai penguasaan utama ke atas Selat Melaka antara abad ketujuh dan ketiga belas.¹¹ Dalam zaman kegemilangannya ia telah bertindak sebagai pusat utama pengagihan bagi keseluruhan bahagian pulau-pulau Asia Tenggara bagi barangan dari India, China, Timur Tengah serta juga berbagai bahagian Asia Tenggara.

Walau bagaimanapun, dengan penemuan sumber-sumber baru China mengenai perhubungan rapat antara Srivijaya dan kerajaan Cola di India Selatan,¹² beberapa orang sarjana mulai mendakwa bahawa Srivijaya mungkin merupakan satu liga bandar-bandar pelabuhan emporium yang terletak di sepanjang kedua belah Selat Melaka, dan bukan negara bebas di bawah satu monarki. Perdebatan ini berlanjutan ke tahap di mana dikatakan bahawa ia mungkin hanya satu nama serantau sahaja dan bukannya nama bagi satu kerajaan tertentu, dan dengan itu bahawa, Palembang yang hingga kini telah dianggap sebagai tempat kekuasaan, mungkin tidak lebih dari menjadi satu dari emporium utama di dalam liga ini. Pusat aktiviti perdagangan mungkin telah berpindah dari satu emporium ke emporium yang lain dari masa ke semasa, dengan perubahan aliran ekonomi. Di dalam keadaan begini, kita mungkin boleh mengatakan bahawa Srivijaya adalah satu istilah yang digunakan bagi kawasan perdagangan di rantau kawasan Selat; ia mungkin menyerupai pasaran umum masa kini seperti Pasaran Kesatuan Eropah (EC) dan ASEAN atau juga Hanseatic League pada zaman pertengahan German. Hipotesis ini, jika dapat diterima, dapat mengukuhkan dakwaan bahawa beberapa pusat perdagangan seperti Kedah mungkin telah wujud bersama dengan Palembang di dalam liga tersebut.

Walau bagaimanapun, negara China telah sentiasa melihat negara-negara asing dari sudut mereka sendiri dan mengkategorikan (mengkelaskan) kuasa asing menurut kriteria mereka sendiri. Apabila kuasa China mengetatkan peraturan perdagangannya dan perdagangan asing telah terbatas kepada perdagangan rasmi, hanya negara asing yang layak sebagai setaraf dan *compatible* dari sudut pandangan mereka dibenarkan menjalankan perdagangan dengan China. Antara lain dalam

kelayakan ini termasuk, sebagai contoh, kehadiran satu monarki yang bebas, birokrasi serta angkatan tentera yang tersusun baik.¹³ Di dalam aspek ini, raja-raja Srivijaya, ataupun ketua liga perdagangan, mungkin amat menyedari kebaikan-kebaikan perdagangan *tributary*, kerana kuasa China hingga ke Dinasti Song Selatan (kurun 12–13) tidak menggalakkan perdagangan persendirian; misi asing hanya boleh diterima jika mereka datang ke Maharaja Agung dengan cara berpura-pura sebagai misi kerajaan jajahan takluk yang dihantar oleh tuan mereka untuk memberi penghormatan kepada maharaja sebagai tuan besar mereka. Jadi, selain dari memohon kebenaran, pemerintah asing terpaksa, sekurang-kurangnya menyamar diri mereka seolah-olah mereka adalah rakan perdagangan China yang amat berkelayakan. Srivijaya dikatakan paling berjaya dalam menyamar diri sebagai kuasa yang taat kepada Maharaja Agung, dan sanggup mengakui kekuasaan China ke atasnya, walaupun nominal bentuknya, untuk memastikan perdagangan yang menguntungkan berkekalan. Parameswara, pengasas Kerajaan Melaka pada abad ke-15, juga sangat sedar tentang pola perdagangan tradisional ini dan beliau tidak teragak-agak untuk mengeksploitasi manfaat daripada perdagangan *tributary* dengan China.

Adalah dipercayai bahawa Srivijaya telah memperolehi kekayaannya dari tol-tol dan cukai pelabuhan.¹⁴ Walaupun, penguasaan oleh Srivijaya telah dikekalkan dengan bekalan berterusan keluaran tempatan bagi pasarannya sendiri yang dibawa dari kawasan pedalaman.¹⁵

Kekayaan Srivijaya, telah mantap kerana ketaatan yang ditunjukkan oleh orang laut, iaitu pelaut yang menjalankan perikanan serta perlanunan di kawasan Selat Melaka. Beberapa orang sarjana telah mendakwa bahawa mungkin raja-raja Srivijaya telah mengadakan hubungan yang istimewa dengan masyarakat orang laut; besar kemungkinan menerusi perkahwinan antara seorang ketua orang laut dan puteri dari keluarga diraja Srivijaya. Hal ini telah bukan sahaja menjadikan jalan lautnya di Selat Melaka selamat dari perlanunan tetapi juga telah memberi peluang kepada Srivijaya menggunakan tenaga orang laut pagi angkatan tenteranya.¹⁶ Selagi orang laut yang ditakuti itu masih taat kepada kekuasaan Srivijaya, kawasan selat adalah tenteram dan perdagangan dapat dijalankan secara aman.

Kekerapan penggunaan perkataan 'derhaka' dalam penulisan Sanskrit sejak zaman Srivijaya,¹⁷ menunjukkan bahawa mungkin raja-raja Srivijaya telah menengaskan kekuasaannya dengan menggunakan konsep Hindu iaitu sakti (kuasa luar biasa). Mereka mungkin mendakwa bahawa kedaulatan mereka didapati dari kuasa yang diberi oleh Tuhan dengan tujuan untuk menakutkan orang-orang laut yang garang dan uka berperang akan kewibawaan mereka.

Dalam konteks ini juga, kerajaan Melaka boleh mendakwa bahawa

ia adalah pewaris Srivijaya yang sah kerana dipercayai bahawa Parameswara disertai oleh sekumpulan orang laut apabila beliau melarikan diri dari Palembang.¹⁸ Selepas satu tempoh yang agak lama, apabila Parameswara akhirnya menetap di Melaka, mungkin sejumlah besar orang laut telah mengikutnya dan merupakan asas penduduk di zaman awal Melaka.

Konsep Hindu iaitu sakti, kemudiannya telah digantikan dengan konsep Islam iaitu "daulat" selepas kesultanan Melaka memeluk Islam. Walaupun begitu, pada saya, asas konsep tersebut tidak berubah walaupun selepas pengenalan agama baru tersebut, dan ia masih kekal dalam monarki Malaysia hari ini. Sejak abad ke-12, setelah serangan Cola ke atas Srivijaya pada tahun 1025,¹⁹ kekuasaan Srivijaya telah mula pudar. Kemunculan kuasa Srivijaya adalah akibat dari kemunculan satu kuasa baru di Jawa.²⁰ Permusuhan di antara Jawa dan Srivijaya diperburukkan lagi akibat persaingan perdagangan yang hebat. Ketidakstabilan di Srivijaya membawa kepada kelumpuhan liga Srivijaya dan akhirnya membawa kepada kemunculan emporium bebas yang baru seperti Kedah, Aru, Perlak dan Pasai, yang telah memeluk Islam satu demi satu.²¹ Ketuanan Srivijaya ke atas orang laut telah mulai pudar. Apabila ketaatan mereka kepada Srivijaya mulai pudar, masalah perlanunan di Selat Melaka telah muncul semula. Persaingan antara kelompok-kelompok lanun telah memburukkan lagi keadaan huru-hara di Selat. Bila ekspedisi Admiral Zheng-he tiba di Palembang dari China pada tahun 1405 Masehi, pelabuhan ini dikuasai bukan oleh monarki Melayu tetapi oleh seorang ketua lanun Cina iaitu Chen-Zu-Yi.²² Dalam keadaan huru-hara ini muncul Parameswara, seorang ketua baru, yang akhirnya berjaya mengembalikan keamanan dan kestabilan di rantau ini. Dengan itu pusat kekuasaan berpindah dari Sumatera kepada Kerajaan Melaka.

Sumber China Mengenai Kerajaan Melaka

Selain dari dua sumber utama mengenai zaman kegemilangan Kerajaan Melaka iaitu "Suma Oriental"²³ (Penerangan tentang Timur) oleh seorang Portugis dalam abad ke-16 dan *Sejarah Melayu* (Malay Annals), sumber China juga sangat penting dalam membantu percubaan kita hendak merekonstruksi semula sejarah Melaka dalam abad ke-15.

Rekod-rekod China telah dikelaskan kepada dua kategori secara kasar iaitu sumber-sumber yang rasmi dan sumber yang tidak rasmi. Antara sumber rasmi terdapat rekod Ming shi lu atau "The Veritable Records Of The Ming Dynasty" (2909 vo.).²⁵

Ini adalah penyusunan catatan harian istana yang menerangkan secara jelas dan terperinci kejadian-kejadian harian di istana China.

la mengandungi petikan-petikan tentang lawatan oleh utusan asing dan laporan-laporan utusan maharaja China mengenai apa yang telah mereka alami di luar negeri. Rekod ini membekalkan kita dengan bukti yang banyak mengenai hubungan diplomatik dan perdagangan antara kerajaan Ming dengan negeri-negeri naungannya termasuk Melaka.

Ming shi (Sejarah Ming) juga membekalkan kita dengan banyak rekod yang bernilai walaupun penerangannya,²⁶ pada asasnya, adalah hampir serupa dengan yang terdapat dalam *Ming shi lu*, kerana *Ming shi* telah disusun dari *Ming shi lu* sebagai sumber utamanya.

Tumpuan khas diberi kepada biografi maharaja China satu persatu dan biografi pegawai terkemuka dinasti tersebut di dalam sejarah Diraja (*Ben-ji*)²⁷ di mana antara kandungannya terdapat pengesanan mengenai Melaka²⁸ serta biografi Admiral Zheng-he.²⁹ Kesemua bab ini menrangkan dengan sepenuhnya perkembangan pantas Dinasti Ming ke dunia luar terutamanya semasa pemerintahan Maharaja Yong-le (1402–24). Oleh kerana rekod-rekod rasmi ini dicatat oleh pihak berkuasa pada masa itu, ia adalah berasaskan kepada bahan asal, yang membekalkan kita dengan sumber-sumber yang boleh dipercayai. Kepentingan rekod ini sebagai sumber semasa mengenai sejarah Asia abad ke-14 dan 15 tidak dapat dinafikan.

Terdapat juga banyak catatan-catatan "tidak rasmi," contohnya, diari pengembaraan yang ditulis sendiri oleh pengembara atau oleh teman mereka, keterangan geografi yang dicatat oleh mereka yang berjaya memperoleh maklumat-maklumat, iaitu yang rasmi dan yang tidak rasmi mengenai negara-negara asing. Antara hasil kerja-kerja ini, *Ying-yai sheng-lan*, *Xin-cha sheng-lan*, *Xi-yang fan-guo-zhi*, *Wu-bei-shi*, *Hai-yu dan Dong-xi yang-kao* harus diberi perhatian istimewa.³⁰

Yang-yai sheng-lan telah disusun oleh Ma-Huan pada tahun 1451.³¹ Dikatakan bahawa pengarangnya menyertai ekspedisi Admiral Zheng-he tiga kali sebagai seorang penterjemah; beliau adalah seorang Cina Muslim dan mungkin boleh memahami sama ada bahasa Arab ataupun bahasa Parsi. Di dalam hasil kerjanya, beliau menggambarkan dua puluh negara termasuk Melaka, Jawa, Palembang, Aceh, dan beberapa negara lain di Asia Tenggara, iaitu menurut pengalaman serta pemerhatiannya sendiri. Beliau adalah salah seorang "eye-witness" zaman kegemilangan Melaka dan ekspedisi Admiral Zheng-he.

Xin-cha sheng-lan telah disusun oleh Fei xin pada tahun 1436.³² Pengarangnya juga telah menyertai rombongan Admiral Zheng-he dalam empat ekspedisinya; beliau, memberi gambaran 22 buah negara yang telah dilawatinya sendiri dan 22 buah lagi negara yang telah didapati maklumat dari sumber lain yang relevan.

Sebagai sumber sejarah, ia kurang bernilai dari *Ying-yai sheng-lan*, kerana, seperti yang dikatakan oleh Dr. Toyohachi Fujita,³³ bahawa

pengarang telah memetik dengan sewenangnyanya beberapa perenggan dari karya Wang-Da yang iaitu *Dao-yi shi-lue* yang telah disusun pada abad ke 14.³⁴

Xi-yang fan-guo-zhi telah disusun oleh Gong Zhen pada tahun 1434.³⁵ Pengarang telah menyertai rombongan Admiral Zheng-he yang ketujuh yang juga merupakan ekspedisinya yang terakhir. Beliau memberi gambaran 20 buah negara. Hasil karya tersebut, yang telah lama dianggap sebagai telah hilang, telahpun dijumpai baru-baru ini dan berada di tangan Perpustakaan Kebangsaan Beijing, China.³⁶ Dari segi fakta, kandungannya hampir serupa dengan yang terdapat dalam *Ying-yai sheng-lan* kecuali bagi beberapa perbezaan peristilahan yang kecil. Ini adalah sebab utama mendiang Professor Hsu Yun-ts'iao menganggap karya ini sebagai hasil kerja yang telah ditiru.³⁷

Hasil karya Wu-bei-zhi adalah mengenai keselamatan negara yang telah disusun oleh Mao Yuan-yi dan kata penghantarnya adalah bertarikh tahun 1621.³⁸ Di dalam hasil kerja ini, terdapat 24 carta mengenai jalan yang telah diambil dalam ekspedisi Admiral Zheng-he, yang kemungkinannya telah dilukis oleh pegawai pelayaran beliau, yang semangnnya menggambarkan jalan pelayaran yang diambil oleh penjelajah masa tersebut. Carta-carta ini telah dicetak oleh sejarawan China iaitu Xiang Da berserta dengan komen-komen yang jelas pada tahun 1961.³⁹

Hai-yu telah disusun oleh Huang Zhong pada tahun 1536.⁴⁰ Hasil kerja ini khususnya amat penting kepada kita kerana ia menerangkan adat resam tempatan serta cara hidup asal di Melaka dan Siam. Menurut kata pengantarnya, pengarang tersebut, selepas bersara, menyusunnya berasaskan banyak sumber yang boleh dipercayai, di samping perkara-perkara yang telah diceritakan oleh pelaut-pelaut serta pengembara-pengembara asing.

Dong-xi yang-kao telah disusun oleh Zhang Xie pada tahun 1618.⁴¹ Karya ini, merupakan satu gambaran lengkap mengenai geografi Asia Tenggara semasa zaman Ming. Ia membahagikan seluruh rantau kepada dua bahagian iaitu "Dong yang" atau Lautan Timur dan "Xi yang" iaitu Lautan Barat, dan dari situlah hasil kerja ini memperolehi judulnya. Bagi setiap negara yang terangkum dalam kawasan ini diberi keterangan ringkas mengenai sejarah, geografi, tempat-tempat menarik, adab sopan serta adat resam tempatan, hasil-hasil tempatan dan perdagangan yang dijalankan. Ini disusuli pula dengan beberapa jilid penerangan tambahan, antaranya yang terpenting bagi kita ialah jilid kesembilan yang berjudul "kajian tentang pelayaran" (*Zhou-shi-kao*). Di dalam bab ini, Asia Tenggara dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Jalan Lautan Timur dan Jalan Lautan Barat dan dilengkapi dengan keterangan mengenai arah dan mercu tanda utama di sepanjang jalan dalam bahasa teknikal yang biasa digunakan oleh pelayar-pelayar awal

China. Edisi tercetak itu telah diterbitkan oleh Zhong-hua Shu-ju, di Beijing pada tahun 1981. Satu lagi edisi tercetak boleh didapati di Jepun.⁴²

Seperti yang telah kita lihat di atas, sumber-sumber China yang relevan mengenai Melaka telah ditulis oleh penulis semasa yang menyaksikan sendiri perkembangan pada masa tersebut. Oleh itu mereka boleh dianggap sebagai sumber utama bagi kajian sejarah Melaka awal oleh kerana rekod tempatan semasa mengenai Melaka pada abad ke 15 telah hilang semuanya semasa serangan Portugis ke atas Melaka pada tahun 1511.

Tempat Asal Parameswara

Proses yang membawa kepada kemunculan kerajaan Melaka pada permulaan abad ke-14 masih dibahaskan oleh golongan sarjana.⁴¹ Lazimnya adalah dipercayai bahawa empayar Majapahit di Jawa telah merosot selepas pemerintahan Raja Hayam Wuruk dan perdana menterinya yang bijak iaitu Gajah Mada⁴⁴. Sebab utama bagi kemerosotan Majapahit adalah kerana perang saudara yang berlaku di antara dua pembesar yang bersaing iaitu Virabumi dari Jawa Timur dan Raja Vikrama Vadhana dari Majapahit. Oleh kerana Parameswara berasal dari keturunan diraja Majapahit, beliau telah terlibat di dalam perang saudara ini. Parameswara mengalami kekalahan dan terpaksa mengambil perlindungan di Temasik atau Singapura. Beliau disambut baik oleh gabenor pulau tersebut, yang juga berada di bawah naungan Siam. Walau bagaimanapun, oleh kerana beliau merupakan seorang yang bercita-cita tinggi. Parameswara telah membunuh pemerintah baru Temasik. Tetapi beliau telah diserang oleh satu angkatan dari Siam dan sekali lagi terpaksa melarikan diri. Beliau telah melarikan diri arah ke utara dengan pengikut-pengikut beliau dan akhirnya menetap di Melaka, yang pada masa tersebut merupakan sebuah kampung nelayan yang kecil, dan menubuhkan tempat kekuasaan baginda.

Menurut babad semasa mengenai zaman awal Dinasti Ming, raja-raja San-fo-ji telah menghantar enam utusan ke istana Ming antara tahun 1371–1377.⁴⁵ San-fo-ji sekarang dianggap sebagai transkripsi terkemudian Srivijaya. Ada kemungkinan bentuknya telah dicemari oleh pengaruh bahasa Arab atau Parsi.⁴⁶ Ada kemungkinan juga bahawa gelaran San-fo-ji itu tidak digunakan oleh perutusan itu sendiri, tetapi lebih merupakan satu gelaran yang digunakan oleh kuasa China terhadap perutusan yang datang dari rantau selat, mungkin menurut amalan masa itu. Oleh itu, tidaklah menghairankan bahawa nama-nama raja adalah berbeza antara satu perutusan dengan satu perutusan yang lain. Sebagai contoh, perutusan pertama pada tahun 1371, mendakwa

raja mereka ialah Ma-ha-la-zha-ba-la-bu. Apa yang ketara adalah transkripsi istilah Sanskrit iaitu "maharaja"⁴⁷ dan "prabhu." Bahagian pertama istilah itu merupakan gelaran rasmi Srivijaya dan bahagian akhir istilah itu pula menerangkan perhubungan raja dengan keluarga diraja Majapahit. Perutusan yang ketiga pada tahun 1374, mendakwa raja mereka ialah Ma-na-da-bao-lin-bang,⁴⁸ yang besar kemungkinan adalah transkripsi "Maharaja Palembang" yang mungkin juga raja yang sama dengan utusan pertama tadi. Perutusan kedua yang telah dihantar pada tahun 1373, telah dihantar oleh Raja "Dan-ma-lai-sha-na-a-zhe,"⁴⁹ manakala yang keenam, iaitu yang terakhir didakwa dihantar oleh "Ma-na-zha-wu-li,"⁵⁰ anak kepada Raja "Dan-na-ma-lai-sha-na-a-zhe." Walaupun identifikasi tepat asal usul dua istilah ini memerlukan perbincangan lanjut di kalangan sarjana, ada kemungkinan besar pewarisan takhta tersebut adalah akibat kematian raja sebelumnya yang telah berlaku antara tahun 1376 hingga 1377. Memandangkan bahawa inskripsi Raja Adityawarman yang dijumpai di Sumatera Selatan⁵¹ mencadangkan bahawa baginda memerintah di Jambi dan lembah Batang Hari antara 1347 dan disekitar 1375 dan batu nisan baginda bertarikh sekitarnya 1376, besar kemungkinan bahawa Raja Dan-na-ma-lai-sha-na-a-zhe mungkin sama dengan Raja Dityawarman. Bukti-bukti ini membawa kita kepada keputusan bahawa, pada separuh kedua abad ke-14, raja-raja Srivijaya yang berpusat di Srivijaya telah memerintah bersama-sama dengan raja-raja Jambi iaitu dari keluarga Adityawarman.

Dalam tahun 1377, suatu perutusan telah tiba di negeri China untuk memberitahu tentang kemangkatan raja sebelumnya dan meminta cop mohor diraja untuk membolehkan pengganti baru itu diterima sebagai pengganti yang sah.⁵² Maharaja Hong-wu dari Dinasti Ming telah menghantar perutusannya untuk memberi cop diraja tersebut.⁵³ Walau bagaimanapun, menurut sumber-sumber lain, yang bertarikh tiga tahun kemudian, perutusan China itu telah dibunuh oleh tentera Majapahit dan Maharaja tersebut telah menuduh Raja Hayam Wuruk dari Majapahit berkonspirasi terhadap China.⁵⁴ Namun demikian konspirasi China, Majapahit telah terus masih menghantar perutusan-perutusannya pada tahun 1381 dan 1382⁵⁵, dan perhubungan diplomatik dua hala itu nampaknya berterusan. Bukti ini mungkin menunjukkan bahawa berita mengenai pembunuhan perutusan China itu adalah palsu dan bahawa Raja Palembang, dalam usaha untuk menegaskan kebesarannya terhadap kumpulan lawan yang diketuai oleh Adityawarman dari Jambi yang mempunyai hubungan dengan keluarga diraja Jawa, cuba menipu perutusan China dengan mendakwa bahawa pertuanan beliau merangkumi Selatan Sumatera. Tetapi kemudian, Maja-

pahit telah menyerangnya untuk menyokong kaum keluarga golongan Adityawarman. Anggapan ini disahkan lagi oleh gambaran mengenai asal-usul Melaka oleh Tome Pires.⁵⁶ Pires mendakwa bahawa Paramjura (Parameswara), anak kepada Sam Agy Palimbaao (Sang Aji Palembang), menentang pemerintahan Jawa dan menghadapi serangan dari Raja Jawa, tetapi akhirnya mengambil perlindungan di Sam Agy Singapura.

Tambahan lagi, lebih kurang tiga dekad kemudian riskript (pengumuman rasmi) diraja terhadap Raja Jawa pada tahun 1413,⁵⁷ menunjukkan bahawa Raja Melaka, iaitu Parameswara ingin memperolehi Palembang pada masa itu, dan Raja Jawa sedang berjaga-jaga tentang kemungkinan serangan Melaka ke atas Palembang. Ia mungkin menunjukkan bahawa Parameswara ingin mengambil kembali Palembang pada masa itu, hasil dari keinginannya untuk memperolehi semula tempat asalnya.

Jadi, sumber China dan Portugis menunjukkan bahawa perhubungan Parameswara yang kuat dengan Palembang membuktikan bahawa beliau sememangnya seorang putera pelarian dari Palembang dan bahawa kewibawaan beliau adalah bergantung kepada pertalianya dengan keagungan masa lepas Sri Vijaya.

Pembukaan Melaka

Tome Pires menyatakan bahawa Parameswara telah tinggal dalam buangan selama lima tahun di Singapura dan telah melarikan diri semula sekali lagi ke Muar akibat serangan Siam, kerana membunuh Agy di Singapura yang dikatakan anak mertua kepada Raja Siam.

Kekuasaan Siam dirasai di bahagian selatan Semenanjung Melayu pada zaman kerajaan Ayutthaya⁵⁸ iaitu sejak pertengahan kedua abad keempat belas. Walau bagaimanapun adalah diragui sekiranya Gabenor Temasek itu benar-benar mempunyai ikatan persaudaraan dengan keluarga diraja Siam. Begitu juga diragui bahawa pengaruh Siam kuat pada masa pelarian Parameswara. Adalah juga tidak mungkin yang Raja Ayutthaya memberi puterinya kepada Gabenor di tempat yang begitu terpencil dan tidak penting seperti Temasek yang terletak di pinggir terjauh wilayah yang dikuasai Ayutthaya.

Adalah lebih munasabah sekiranya ekspedisi Siam yang sedang mara telah terserempak dengan putera yang dalam pelarian itu di Singapura dan menyerangnya sebagai langkah berjaga-jaga terhadap kemungkinan ancaman darinya.

Pada masa itu, Parameswara adalah seorang pelarian, beliau begitu bimbang ancaman seterusnya dari Siam, hinggakan beliau cuba

membuat satu perjanjian dengan Siam dan bersetuju berada di bawah naungan Siam dengan cara membayar ufti 40 gahil emas kepada Raja Siam sebagai tanda berada di bawah naungannya.⁵⁹

Pada masa perubahan abad, perubahan politik dalaman di China telah membawa satu kesan yang pasti ke atas putera pelarian ini.

Selepas putera dari Yan berjaya merebut takhta anak buahnya iaitu Maharaja Jian-Wen, dan menduduki takhta sebagai Maharaja Yong-le pada tahun 1403, maharaja baru tersebut melancarkan satu siri perutusan ke seberang untuk memberitahu negeri-negeri naungannya tentang kemenangan serta penabalannya. Sumber Ming menceritakan tentang satu perutusan yang diketuai oleh pegawai dalam istana yang telah dikasi iaitu Yih Qing melawat Melaka pada tahun 1403.⁶⁰ Inilah rujukan pertama terhadap Melaka dalam sumber China. Kemungkinan Yin Qing telah terdengar mengenai kuasa baru di rantau selat ini semasa dalam perjalanan ke negeri besar yang lain dan bercadang untuk singgah di Melaka⁶¹ untuk menyiasat kemungkinan-kemungkinan yang terdapat di emporium yang baru dibuka ini.

Walaupun Parameswara berjaya berdamai dengan Siam, ia masih tidak berasa selamat dan berharap untuk mendapat perlindungan yang lebih kukuh dari sebuah kuasa yang lebih kuat dari Siam. Di dalam keadaan ini, beliau amat bernasib baik kerana kehadiran China secara tiba-tiba di perairan kawasan kekuasaannya pada masa itu China merupakan kuasa agung yang tiada tandingannya dan berpengaruh di seluruh Asia Tenggara.

Semasa kepulangannya ke China pada tahun 1403, Yin Qing diiringi oleh perutusan Parameswara serta juga perutusan-perutusan dari Samudra-Pasai dan Calicut.⁶² Pada masa itu, beliau telah dikatakan sebagai "Ketua Melaka" dan bukannya sebagai "Raja Melaka" kerana beliau belum lagi diiktiraf sebagai raja oleh maharaja secara rasmi.

Pada tahun yang sama, setelah kepulangan semula perutusan Melaka, Maharaja Yong-le menganugerahkan gelaran Raja kepada Parameswara dan memberi beliau cop mohor serta dikri diraja.⁶³ Parameswara juga meminta agar wilayahnya juga dijadikan sebahagian dari kawasan kekuasaan kerajaan maharaja China.⁶⁴ Oleh kerana permintaan tersebut, maka maharaja China memberi beliau satu inskripsi sebagai tanda naungan dan mengarahkan beliau menyiapkan satu inskripsi batu di atas bukit di sebelah barat negeri itu.⁶⁵ Tidak terdapat bukti sama ada inskripsi itu benar didirikan di Melaka atau tidak. Jika satu inskripsi sebegitu digali pada masa hadapan; ia akan mempertingkatkan proses pengkajian semula sejarah Malaysia.

Semasa Laksamana Zheng-he mengetuai ekspedisi tersebut ke Asia Tenggara, India dan Timur Tengah, seorang pengikut Islamnya Ma Huan, mencatat di dalam diari "Ying-yai sheng-lan" bahawa tidak

terdapat apa-apa kerajaan, hanya terdapat lima pulau sahaja; pulau-pulau ini pula berada di bawah kuasa seorang ketua tempatan. Beliau membayar ufti tahunan sebanyak 40 tahlil emas kepada Siam sebagai tanda naungan.⁶⁶

Pengiktirafan Melaka sebagai satu kerajaan yang bebas oleh China, serta-merta menerima tentangan hebat dari Siam. Sumber-sumber China memberitahu kita bahawa Melaka telah diserang oleh orang Siam pada tahun 1407 dan mereka mencuri cop mohor diraja yang diberi oleh China kepada Sultan Melaka.⁶⁷ Peristiwa ini menunjukkan bahawa kedudukan Melaka masih lemah dan belum lagi mantap.

Apabila Maharaja Yong-le mendengar tentang peristiwa ini, beliau merasakan bahawa beliau perlu bertindak untuk memperkukuhkan Melaka dan memutuskan untuk campurtangan dalam konflik serantau dengan cara memberi amaran kepada Siam supaya tidak lagi cuba mengancam Melaka. Tambahan lagi, dua tahun kemudian, apabila Laksamana Zheng-he mengetuai ekspedisinya yang ketiga pada tahun 1409, beliau singgah di Melaka dan mengurniakan Parameswara dengan gelaran "Raja Melaka" sekali lagi. Pada masa ini, kebebasan Melaka telah terjamin secara kukuh. Walaupun begitu, Parameswara nampaknya masih menghantar ufti ke Siam buat beberapa tahun lagi.

Sumber Melayu asli tidak menyentuh tentang soal naungan kepada China.⁶⁸ Ada kemungkinan maruah orang Melayu tidak membenarkan mereka untuk menceritakan bahawa mereka telah menerima kekuasaan China ke atas diri mereka, walaupun secara nominal.

Bila seorang pengembara Itali iaitu Ludovico di Varthema melawat Melaka pada tahun 1506 iaitu lima tahun sebelum penaklukan Melaka oleh Portugis, beliau menceritakan bahawa Melaka membayar ufti kepada "Raja Cini" (besar kemungkinan China) dan raja itu memberi kota ini dorongan untuk membuka pelabuhannya 80 tahun dahulu.⁶⁹ Petikan ini menunjukkan bahawa pada masa itu semua orang menerima hakikat bahawa Melaka menerima naungan China.

Beberapa Persoalan Mengenai Salasilah Awal

Terdapat banyak percanggahan di antara sumber-sumber asli Melayu, Portugis dan Cina mengenai Salasilah awal Kesultanan Melaka.⁷⁰

Sumber-sumber China dan Portugis bersetuju bahawa Parameswara adalah pengasas kerajaan ini. Parameswara telah datang ke China pada tahun 1411 bersama Permaisuri Paramesvari dan lebih daripada 500 orang rakyatnya.⁷¹ Acara lawatan tersebut dan senarai hadiah yang dibawa beliau tercatat secara terperinci dalam *Veritable Record of Ming Dynasty*. Melalui lawatan rasmi ini, Melaka telah dapat menonjolkan

kewibawaannya di kalangan negara-negara jiran. Perutusan terakhir Parameswara telah datang ke China dalam tahun 1413:⁷² ini mungkin menunjukkan bahawa beliau meninggal dunia tidak berapa lama selepas itu. Beliau digantikan oleh "Mu-gan-sa-gan-di-er-sha" atau "Megat Iskandar Shah." Gelaran "Megat" menunjukkan bahawa beliau bukan sepenuhnya keturunan raja. Besar kemungkinan ibunya seorang puteri diraja dan ayahnya dari keturunan yang tidak setaraf dengan ibunya. Hal ini adalah selaras dengan gambaran yang diberikan oleh Tome Pires mengenai isteri Parameswara, sebagai adik (atau anak buah) Raja Jawa.⁷³ Pires menamakannya sebagai "Xaquem darxa," iaitu Iskandar Shah.

Sumber-sumber Melayu mengabaikan pemerintahan Parameswara, dan mendakwa bahawa Iskandar Shah adalah pengasas kerajaan ini.⁷¹ Manipulasi sejarah ini berlaku mungkin kerana keinginan kuat (atau kepercayaan) orang Melayu bahawa kerajaan mereka seharusnya diasaskan oleh seorang raja yang agung dan sama dengan wira perkasa iaitu Iskandar Dhu'l Kharnain, atau Alexander The Great. Nama beliau menunjukkan bahawa raja yang baru itu adalah beragama Islam. Jadi, ini juga menunjukkan bahawa pemelukan Islam oleh keluarga diraja telah berlaku pada dekad kedua abad ke 15. Pires mencadangkan bahawa pemelukan Islam oleh raja tersebut adalah diakibatkan oleh perkahwinan baginda dengan puteri Pase di Sumatera Utara.

Adalah diketahui dari sumber-sumber China yang masih wujud bahawa Megat Iskandar Shah mempunyai seorang abang yang bernama "Sa-li-wang-la-zhe"⁷⁵ ataupun mungkin "Seriwa Raja." Orang ini telah diketepikan sama sekali dalam sumber-sumber Melayu yang masih wujud. Sejak tahun 1424, "Xi-li-ma-na-la-zha," Raja Melaka, mulai menghantar perutusan beliau ke China.⁷⁶ Tidak boleh dinafikan bahawa ini adalah transkripsi Sri Maharaja; oleh itu ia mungkin mencadangkan bahawa terdapat perhubungan rapat keluarga diraja Melaka dengan raja-raja awal Srivijaya, seperti yang telahpun diperkatakan pada awalnya.

Pires, walau bagaimanapun, menyatakan bahawa Iskandar Shah telah pergi ke China untuk menjumpai sendiri Maharaja tersebut dan untuk membayar ufti. Pada masa itu beliau berumur 45 tahun.⁷⁷ Beliau mengambil masa hampir tiga tahun sebelum dapat pulang kembali ke Melaka. Hal ini hampir sama dengan rekod China yang masih tersimpan yang menyatakan Megat Iskandar Shah melawat China dua kali pada tahun 1414 dan 1419.⁷⁸ Seri Maharaja telah juga berkunjung ke China untuk dua kali dalam pemerintahannya iaitu pada tahun 1424 dan 1433.⁷⁹

Pada masa sekarang, legenda perkahwinan antara Sultan Mansur Shah dengan puteri China iaitu Hang Li Po (atau Hang Lin)⁸⁰ diketahui umum di kalangan rakyat Malaysia, legenda ini diterima seolah-olah

ianya adalah faktor sejarah. Walau bagaimanapun, tidak terdapat langsung apa-apa rujukan mengenai perkahwinan ini di dalam sumber China. Pires, walau bagaimanapun menceritakan bahawa Iskandar Shah telah mengahwini seorang gadis Cina yang telah mengikuti seorang pegawai tinggi China setelah beliau kembali dari China.⁸¹ Seorang pegawai tinggi mengingatkan kita tentang lawatan Laksamana Zheng-he ke Melaka. Pires juga menceritakan bahawa perempuan itu bukanlah berasal dari keturunan bangsawan. Oleh itu, kesemua bukti ini menunjukkan bahawa besar kemungkinan Sri Maharaja atau Iskandar Shah telah menerima seorang hamba perempuan dari China sebagai hadiah dan kemudian episod ini telah melahirkan legenda perkahwinan puteri Hang Li Po dengan Raja Melaka. Namun demikian, legenda ini menerangkan dengan positif kepentingan perlindungan China kepada Melaka.

Bila Sri Maharaja menghantar perutusan ke China pada tahun 1433, beliau diikuti kemudian oleh adik lelakinya, "Le-dian-ba-la."⁸² Walaupun, identifikasi gelaran asal bagi kata "ba-la" belum jelas sepenuhnya. "La-dian" adalah transkripsi gelaran Jawa iaitu "Radin."

Sejarah Melayu menerangkan bahawa Sultan Megat (atau Megat Iskandar Shah) mempunyai tiga anak lelaki iaitu Radin Bogus, Radin Tengah dan Radin Anum.⁸³ Radin Tengah mungkin menaiki tahta dengan gelaran Sultan Muhammad Shah. Memandangkan gelaran "anum" bererti yang bongsu dalam bahasa Melayu, ada kemungkinan bahawa Raja Anum dalam sejarah Melayu adalah dipanggil "La-dian-ba-la" dalam sumber-sumber China.

Mengenai Sri Parameswara Dewa Shah

Sejarah Melayu menceritakan mengenai satu konflik dalaman antara Raja Ibrahim dan abang tirinya, Raja Kassim, di mana Raja Kassim telah memperolehi kemenangan dan berkahwin dengan anak Radin Anum.⁸⁴

Ada kemungkinan bahawa cerita ini merupakan satu kisah sahaja dan disebutkan di sini untuk mengafsaikan kedudukan Radin Kassim, yang kemudiannya bergelar Muzaffar Shah.

Pada tahun 1445, China menyambut baik perutusan Melaka yang dihantar oleh Raja "Xi-li-ba-mi-xi-wa-er-diu-ba-sha."⁸⁵ Kali ini, Raja Melaka telah meminta dikri maharaja, sekaki payung dan pakaian dengan tujuan untuk memperkukuhkan kekuasaannya.

Nama panjang ini merupakan transkripsi "Sri Parameswara Dewa Shah." Oleh kerana "Parameswara" memberi pengertian lelaki yang ber taraf lebih rendah dari isterinya dalam konteks dunia Melayu, keadaan

tersebut mempunyai persamaan dengan keadaan Muzaffar Shah atau yang dikenali sebagai Radin Kassim dulu.

Di sini, kenyataan bahawa gelaran diraja adalah campuran unsur-unsur Hindu dan Islam yang asal harus diberi perhatian yang khusus. Ia menunjukkan bahawa Islam mengalami halangan yang besar, mungkin kerana ancaman dari Siam dan raja baru tersebut telah bertolak ansur dengan kumpulan raja sebelumnya atau dengan kekuasaan Siam.

Permintaan oleh raja bagi dikri maharaja, payung dan pakaian menunjukkan bahawa pada mulanya kedudukan raja baru itu amat lemah kerana beliau adalah perampas takhta dan bukannya penggantinya yang sah dan oleh itu beliau memerlukan pengukuhan kuasa oleh satu kuasa yang lebih agung, iaitu China.

Melaka berhenti menghantar perutusannya ke China antara tahun 1445 dan 1455; Raja "Su-lu-ban-bu-da-fo-ma-sha" menyambung semula hubungan dua hala dengan cara menghantar utusannya ke China pada tahun 1455.⁸⁶ Memandangkan istilah "Muzaffar" membawa maksud pemenang dalam bahasa Melayu, ia mungkin menunjukkan bahawa dalam jangkamasa sepuluh tahun itu, Sri Parameswara Dewa Shah menjalankan usaha yang bersungguh-sungguh untuk mengatasi konflik dalaman dan akhirnya beliau berjaya mengekalkan kuasanya, memulihkan golongan Islam dan menghantar utusan baginda ke China dengan menggunakan nama barunya iaitu Sultan Muzaffar Shah.

Sejarah Melayu, menyatakan bahawa pengganti-pengganti raja Melaka menggunakan gelaran Sultan; menurut sumber China, Muzaffar Shah adalah raja Melaka yang pertama menggunakan gelaran Sultan. Ini menunjukkan bahawa golongan Muslim akhirnya memperolehi kejayaan dengan mengatasi golongan kafir yang lain dan Islam dapat memperkukuhkan kedudukannya di kalangan masyarakat Melaka.

Epilog

Selepas lawatan rasmi Seri Maharaja ke Negeri China dalam tahun 1433, tidak ada lagi Raja Melaka yang mengunjungi negara tersebut. Walaubagaimana pun ini tidak bermakna perhubungan dua hala di antara kedua-dua negara tersebut telah menjadi dingin. Di sebaliknya, terdapat Duta Melaka yang telah terus berkunjung ke Negara China sehingga tahun 1508, iaitu hanya tiga tahun sebelum Melaka di takluki oleh armada Portugis, tujuan utama lawatan-lawatan rasmi pemerintah-pemerintah awal negeri Melaka ke negeri China ialah untuk mendapat perlindungan daripada China untuk mengukuhkan kewibawaan dan

kemerdekaan Melaka, hal ini telah mula diabaikan sebaik sahaja kesultanan Melaka muncul sebagai suatu kuasa besar di persekitaran Selat Melaka.

Selain daripada duta-duta rasmi, pedagang-pedagang Cina juga telah membanjiri Melaka pada zaman keagungan Melaka sebagai emporium perdagangan yang terkenal. Secara rasminya, orang-orang Cina tidak boleh menyertai perdagangan antarabangsa kerana pengharaman lawatan ke luar negeri dan penglibatan dalam perdagangan persendirian yang dikenakan ke atas mereka oleh Kerajaan Ming. Namun demikian sebenarnya, orang Cina yang tinggal di kawasan pantai Hokkian dan Kanton sudahpun mempunyai tradisi perdagangan seberang laut yang lama. Mereka sering mengenyahkan larangan kerajaan Ming dan berdagang secara rahsia. Pegawai-pegawai tempatan juga lazimnya terlibat di dalam kegiatan perniagaan gelap. Oleh itu, hubungan perdagangan masyarakat Cina secara *de facto* tidak pernah terjejas dek peraturan pemerintah. Perdagangan tradisional yang aman dan bebas di antara Melaka dan China telah hanya terbengkalai selepas kejatuhan Melaka kepada kuasa penjajah Portugis yang telah berusaha untuk memonopoli perdagangan rempah di rantau ini.

Menurut *Catatan Sahih Dinasti Ming* (Veritable Record of Ming Dynasty) suatu keputusan kononnya dari Melaka telah tiba di Negeri China pada tahun 1521. Walaubagaimanapun, tidak jelas samada keputusan ini dihantar oleh Sultan Mahmud Syah yang dalam pelarian ataupun pihak berkuasa Portugis sendiri telah ingin meneroka kemungkinan menghidupkan semula perdagangan lumayan Melaka-China dengan menggunakan nama keputusan Melaka. Nama raja dan nama duta keputusan tersebut telah tidak tercatat. Ini adalah rujukan terakhir kepada Melaka di dalam Rekod Rasmi China.

Rujukan

1. Di dalam menulis makalah ini saya telah mendapat ilham daripada karya-karya berikut:—
 - i. Andaya, L.Y., *The Kingdom of Johore: 1641–1728*, Oxford University Press, 1975.
 - ii. Andaya, B.W. & L.Y., *A History of Malaysia*, London, 1982.
 - iii. Wolters, O.W., *Early Indonesian Commerce: A Study of the Origin of Srivijaya*, Ithaca, N.Y., 1967.
 - iv. Wolters, O.W., *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Ithaca, N.Y. & London, 1970.

Saya telah juga mendapat manfaat besar dari Seminar Musim Panas, 1985 yang dianjurkan oleh Centre for Southeast Asian Studies, Kyoto University.

2. Untuk tinjauan umum berhubung dengan rekod lama Cina mengenai Asia Tenggara, sila lihat Tjan Tjoe Som, "Chinese Historical Sources and Historiography", dalam Soedjatmoko, penyunting, *Introduction to the Indonesian Historiography*, Ithaca, N.Y., 1965, ms. 194–205.

Maklumat yang lebih khusus mengenai Semenanjung Malaysia boleh didapati dalam Paul Wheatley, *The Golden Kheronese*, Kuala Lumpur, 1961, ms. 104–119. Lihat juga W.P. Groeneveldt, *Notes on the Malay Archipelago and Malacca compiled from Chinese sources*, Batavia, 1896: Wang Gangwu, 'The Nanhai Trade', *JMBRAS*, jilid. xxxi, bah. 2.

Di antara karya Bahasa Cina yang relevan tulisan Feng Chengjun, *Zhong-guo Nan-yang Jiao-tong-shi* (Sejarah Perhubungan Cina-Nanyang), Shanghai, adalah yang paling popular dan berguna. Tulisan Mikinosuke Ishida, *Nankai ni kansuru Shina shiryō* (Sumber-sumber Cina berkenaan Nanhai), Tokyo, 1945, juga mengandungi maklumat yang berinilai.

3. Ini merujuk kepada tanggapan dari sudut Orang-orang Eropah pada zaman pertengahan.
4. Tome Pires, *Suma Oriental* (edisi Jepun, Tokyo, 1966) ms. 117–8, 457–59.
5. *Ibid.*, ms. 116–8, 459–62.
6. *Ibid.*, ms. 248–9, saya akan menjelaskan nanti dalam makalah ini bahawa Dinasti Ming telah mengenakan larangan ketat tentang kunjungan dan perdagangan seberang laut di kalangan rakyat Cina dalam abad ke empat belas dan lima belas. Walaubagaimanapun, pada hakikatnya ramai Orang-orang Cina nampaknya telah terlibat di dalam perniagaan haram (secara menyeludup) dengan Asia Tenggara.
7. *Ibid.*, ms. 182, 269.
8. Coedes, G., *Le royaume de Srivijaya*, BEFEO, jilid. xviii, no. 6, 1918.
9. Lihat notakaki (1).
10. *Liang-shu* (Sejarah Liang), jilid. 54. G. Ferrand, *Le Kan-t'o-li*, JA., 1919, ms. 238–4.
11. Kerajaan purba ini telah meninggalkan kawasan-kawasan yang telah dapat bertahan sehingga bahagian kedua Abad ke 14, namun demikian, mereka tidak lagi dapat mempertahankan kewibawaan mereka di dalam menguasai Kawasan Selat. G. Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, (edisi Inggeris), Hawaii, 1968, ms. 231–2, 242.

12. Y. Ishii & Y. Sakurai, *Tonan Azia no sekai* (Alam Asia Tenggara), Tokyo, 1985, ms. 141. *Song-shi* (Sejarah Song), jilid. 489.
13. Zhang Weihua, *Ming-dai hai-wai mao-yi jian-lun* (Suatu kajian awalan mengenai perdagangan luar pada zaman Dinasti Ming), Shanghai, 1956, ms. 19–21.
14. F. Hirth & W.W. Rockhill, *Chau Ju Kua*, St. Petersburg, 1911 (cetakan semula, Taipei, 1967) ms. 61–2.
15. *Ibid.*, ms. 24.
16. *Ibid.*, ms. 25.
17. *Ibid.*, ms. 26, Misalnya, inskripsi yang bertarikh 686 Masehi yang dijumpai di Jambi dan Bangka.
18. Tome Pires, *op. cit.*, ms. 384–5.
19. G. Coedes, 1968, ms. 142–3.
20. *Ibid.*, ms. 144–5.
21. *Ibid.*, ms. 230–31.
22. Ma Huan, *Ying-yai sheng-lan*, di bawah seksi Jiu-gang (Palembang).
23. Armando Cortesao, *The Suma Oriental of Tome Pires and the Book of Francisco Rodrigues*, London, 1944, 2 jilid. (WHS. 11, 89, 90) edisi Jepun, diterjemah oleh Shigeru Ikuta, Tokyo, 1966.
24. C.C. Brown, Sejarah Melayu or Malay Annals, *JMBRAS*, jilid. xxv, pt. 2–3, 1952.
25. *Da-Ming shi-lu*, 2902 jilid, disunting dan dicetak oleh Zhong-yang Yan-jiu-yuan Li-shi Yu-yan Yan-jiu-suo, Taipei, 1962.
26. Zhang Tingyu, peny., *Ming-shi*, 1742.
27. Setiap sejarah rasmi Dinasti China dimulakan dengan *ben-ji* (Sejarah DiRaja), di mana tercatat peristiwa-peristiwa utama dalam setiap zaman pemerintahan. Seterusnya diikuti dengan *zhi* (pemerian) suatu seksi pelbagai perkara yang merangkumi tajuk ilmu alam (*di-li-zhi*) yang memperikan keadaan di negara-negara asing. Akhirnya dimuatkan penulisan biografi tokoh-tokoh ternama sesuatu Dinasti itu. Penerangan mengenai negara asing yang mempunyai perhubungan diplomatik dengan China terkandung di dalam bahagian ini.

28. *Ming-shi*, jilid 325.
29. *Ibid.*, jilid 304.
30. Untuk suatu tinjauan umum mengenai sumber-sumber China lama tentang Asia Tenggara, sila lihat notakaki (2).
31. Feng Chengjun, peny., *Ying-yai sheng-lan*, Shanghai, 1935.
32. J.V.G. Mills, peny. & penterj., *Ma Huan Ying Yai Sheng Lan: The Overall Survey of the Ocean's Shores*, London, 1970.
33. A. Ogawa peny. & penterj., *Eigaishoran Ying-yai sheng-lan*, Tokyo, 1969.
34. Toyohachi Fujita, peny., *Dao-yi zhi-lue*, Beiping (Beijing), 1936.
35. Xiang Da, peny., *Xi-yang fan-guo-zhi*, Beijing, 1961.
36. Tome Pires, *op. cit.*, ms. 601.
37. Dipetik dalam Tan Yeok Seong, "A re-examination of Hsi-yang Fan-guo-chih by Kun Chen", *Journal of the South Seas Society*, jilid XL, bah. 2, 1959, ms. 1-8.
38. 240 jilid, disusun oleh Mao Yuanyi dalam tahun 1621.
39. Xiang Da, peny., *Zheng-he hang-hai-tu*, Beijing, 1961.
40. Huang Zhong, *Hai-yu*, 3 jilid, terkandung dalam *Si-ku-chuan-shu*, Xue-jin-tao-yuan dll.
41. Xie Fang, *Dong-xi yang-kao*, Beijing, 1981.
42. Diterbitkan oleh Chubun Shuppansha Co., Kyoto, Jepun.
43. Misalnya, R.O. Winstedt, *History of Malaya*, 1982 (cetakan semula) ms. 45-48.
44. Untuk maklumat sejarah yang lebih terperinci mengenai Jawa, sila lihat T.G.T. Pigeaud, *Jawa in the fourteenth century*, 5 jilid, The Hague, 1960-63.
45. Sila lihat senarai perutusan San-fo-ji ke China di bahagian lampiran.
46. Rokuro Kuwata, *Sanbutsuseiko* (kajian mengenai San-fo-ji), Journal History Department of the Imperial Taihoku University, Jilid 3, 1936.
47. O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, O.U.P. 1970, ms. 57.

48. *Ibid.*
49. *Ibid.*
50. *Ibid.*
51. H. Kern, *Verspreide Geschriften*, The Hague, 1913—29.
52. *Da-Ming Tai-zu shi-lu*, Jilid 114.
53. Maharaja China lazimnya mengiktiraf kewibawaan pemerintah-pemerintah asing dan menghulurkan naungan kepada mereka dengan cara menghadihkan Cap Mohor Diraja, Pakaian Diraja dan Takwim China.
54. *Da-Ming Tai-zu shi-lu*, jilid 126, Okt. 1380.
55. *Da-Ming Tai-zu shi-lu*, jilid 139, Okt. 1381, jilid 141, Jan. 1382.
56. Tome Pires (edisi Jepun) *op. cit.*, ms. 377—393.
57. *Da-Ming Tai-zong shi-lu*, jilid 143, Sept. 1413.
58. Charnvit Kasetsiri, *The Rise of Ayudhya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1976.
59. G.E. Marrison, The Siamese Wars with Malacca during the Regin of Muzzafar Shah, *JMBRAS*, xxII, 1949, ms. 61—6.
60. *Da-Ming Tai-zong shi-lu*, jilid 24, okt. 1403.
61. Kita tidak pasti dari mana dan bagaimana Yin Qing mendapat maklumat mengenai Melaka. Walaubagaimanapun besar kemungkinan beliau mendengar tentang kota-pelabuhan ini hanya selepas mengunjungi Kawasan Selat.
62. *Da-Ming Tai-zong shi-lu*, jilid 46, Sept. 1405.
63. *Ibid.*
64. *Ibid.*, jilid 47, Okt. 1405.
65. Teks penuh inskripsi ini terkandung dalam *Da-Ming Tai-zong shi-lu*, jilid 47, Wang Gungwu, "The Opening of Relations Between China and Malacca: 1403—5" dalam J. Bastin & R. Roolvink, peny., *Malayan and Indonesian Studies*, Oxford University Press, 1964, ms. 101.
66. H. Ogawa, *op. cit.*, ms. 62.

67. *Da-Ming Tai-zong shi-lu*, jilid 72, Okt. 1407.
68. Menurut tanggapan tradisional China, Negeri China adalah pusat seluruh dunia dan tidak terdapat sebarang negeri yang setanding dengan China. Oleh itu semua negara yang mempunyai perhubungan diplomatik dengan China dianggap sebagai "negara biadab yang mengiktiraf kedaulatan China dan datang mengirimi upeti. Kecuali negeri-negeri yang bersempadankan wilayah China, seperti Vietnam dan Korea, perhubungan tributari di antara China dengan negeri lain tidak ada kena mengena dengan penjajahan tetapi menyentuh soal pengiktirafan sahaja. Oleh kerana itu besar kemungkinan maklumat sebenar mengenai perhubungan tributari di antara China dengan negara lain merupakan monopoli golongan pemerintah dan beberapa pegawai tertinggi sahaja. Dengan ini Melaka dalam abad ke 15 mungkin tidak menyedari akan rupa bentuk perhubungan tributari yang sebenarnya seperti yang difahami oleh pemerintah China.
69. G.P. Badger, *The Travels of Ludovico di Varthema in Egypt, Syria, Arabia, Persia, India and Ethiopia: A.D. 1503 to 1508*, London, 1863, WHS. I, 32, ms. 233-234.
70. Untuk salasilah Diraja yang dibentuk daripada sumber China, sila lihat lampiran. Tome Pires juga mencatatkan salasilah diRaja dengan terperinci.
71. *Da-Ming Tai-zong shi-lu*, jilid 117, Julai 1411.
72. *Da-Ming Tai-zong shi-lu*, jilid 142, Ogos 1413.
73. *Tome Pires, op. cit.*, ms. 380.
74. *C.C. Brown, op. cit.*, ms. 43-42.
75. Beliau melawat China dalam tahun 1418 sebagai Duta Utama. *Da-Ming Tai-zong shi-lu* menyatakan bahawa beliau adalah kekanda kepada Sultan Megat Iskandar Shah.
76. *Da-Ming Tai-zong shi-lu*, jilid 269, Mac 1424. Pada kali ini, Suitan Seri Maharaja sendiri yang memimpin rombongan yang terdiri dari permaisuri dan putera-putera beliau, "Na-la-di-ba-na-yi-si-ma", Ketua Menteri dan lima orang pembesar yang lain, untuk lawatan ke China.
77. *Tome Pires, op. cit.*, ms. 399-400.
78. *Da-Ming Tai-zong shi-lu*, jilid 155, Sept. 1414, jilid 216, Sept. 1419.

79. Sila lihat nota kaki (76). Dalam tahun 1433, beliau diiringi oleh kakandanya, La-dian-ba-la, Wen-dan, seorang pembesar dan dua ratus dua puluh lapan orang rakyat. Mereka tinggal di China selama dua tahun dan kembali ke Melaka dalam tahun 1435.
80. C.C. Brown, *op. cit.*, ms. 81–82.
81. Tome Pires, *op. cit.*, ms. 400.
82. Sila lihat nota kaki (79).
83. C.C. Brown, *op. cit.*, ms. 42–43.
84. *Ibid.*, ms. 53–54.
85. *Da-Ming Ying-zong shi-lu*, jilid 126, Feb. 1445. Pada kali ini nama Duta adalah Mo-zhe-na.
86. *Ibid.*, jilid 253, Mei 1455.
87. *Da-Ming Wu-zong shi-lu*, jilid 45, Disember 1508. Pada kali ini nama Sultan dan Duta Utama beliau tidak tercatat. Nama wakil duta adalah "Huo-zhe-a-liu".
88. Misalnya, *Suma Oriental, op. cit.*, ms. 488, ms. 455–456.
89. *Da-Ming Shi-zong shi-lu*, jilid 3, Jun 1521. Kali ini tidak ada nama yang tercatat.

LAMPIRAN


Perutusan San-fe-ji ke Negeri China dalam zaman Ming.

1371	Raja San fo-ji, Ma-ha la-zha-ha-la-bu Duta Yu-di-li-ma-han-yi-li-ya-en
1373	Raja San-fo-ji, Dan-ma-lai, sha-na-a-zha Duta utama, Ba-di-zu-han; Sub envoy, Xue-li-wa
1374	Raja San-fo-ji, Ma-na-da-hao-lin-hang Duta Mei-na-xia-deng
1375	Raja San-fo-ji, (Nama tidak diberi)
1375	Raja San-fo-ji, Seng-lia-lie-yu-lan Duta Tan-meng-ha-ma etc.
1377	Ma-na-zhe-wu-li, putera Raja San-fo-ji, Dan-ma-sha-na-a-zha Duta, A-lie zu-ji-an

Perutusan Kesultanan Melaka ke Negeri China dalam zaman Ming.

	Raja	Duta
1405	Bali-li-mi-su-la	Duta
1407	tiada nama	Duta
1409	Bai-li-mi-su-la	A-bu-la-jia-xin
1411	Bai-li-mi-su-la	Raja Permaisuri dan serombongan yang terdiri daripada 500 orang
1412	Bal-li-mi-su-la,	Putera saudara Raja Xi-li-zha-ma-la-zha-ya etc.
1413	Bal-li-mi-su-la	Putera saudara Raja Sai-di-la-zha dan serombongan 165 orang rakyat
1414	Mu-gan-che-gan-di-er-sha,	Raja sendiri
1415	tidak ada nama	Duta
1416	tidak ada nama	Duta
1418	Mu-gan-che-gan-di-er-sha,	Kekanda Raja, Che-li-wan-la-zha
1419	Yi-si-han-da-er-sha	Raja sendiri
1420	Mu-gan-che-gan-di-ier-sha,	Xia-gu-ma-la-shi etc.
1421	tidak ada nama	Duta
1423	tidak ada nama	Duta
1424	Xi-li-ma-ha-la-zha	Raja, Permaisuri dan Pembesar Negeri, Na-la-di-ba-na
1426	Xi-li-ma-ha-la-zha,	5 orang Duta termasuk Yi-si-ma
1431	tidak ada nama	Wang-hao-chi-na

1433	Xi-li-ma-ha-la-zha,	Raja, La-dian-ha-la, adindanya dan 228 rakyatnya termasuk Pembesar Wen-dan
1439	tidak ada nama	Mo-jia-zhe-la-tuo-man-da-li
1444	tidak ada nama	Song-na-di-la-ya
1445	Xi-li-ha-mi-xi-wa-er-diu-ha-sha,	Mo-zhe-na
1455	Su-lu-dan-wu-da-fo-na-sha,	Chief, Ma-na-hou (hong) dll. Duta Duan-ma-en-ling-ding dan wakil duta Li-he
1459	Su-dan-meng-su-sha	Duta
1463	tidak ada nama	Pembesar, Ba-la-si, penterjemah Wu-sha dll.
1469	Man-su-sha-er	12 orang rakyat termasuk pembesar wakil duta, Duan-ya-ma-la-di-na-da
1475	Su-dan-meng-su-sha	Pembesar dan wakil duta, Duan-ma-mi dll.
1481	Ma-ha-mu-sha	Pembesar dan wakil duta, Duan-ya-ma-la-di-na-cha dll.
1508	tidak ada nama	Duta, Duan ya-zhi
1521	tidak ada nama	missi.



Senarai Istilah Bahasa Cina

ben-ji	本紀
Beijing	北京
Chen Zuyi	陳祖義
Che-li-wang-la-zhe	撒里汪刺查
Dong-xi yang-kao	東西洋考
Dao-yi zhi-lue	烏夷志略
Dan-ma-lai-sha-na-a-zhe	但麻來沙那阿者

Fei Xin	費信
Gan-tuo-li	干陀利
Cong Zhen	岑珍
Hai-yu	海語
Hsu Y n-ts'iao	許雲樞
Huang Zhong	黃衷
Hong-wu, Maharaja	洪武帝
Jian-wen, Maharaja	建文帝
Liu-kiu (liu-kiu)	琉球
La-dian-ba-la	刺殿把刺
Ming-shi-lu	明實錄
Dinasti Ming	明朝
Ming-shi	明史
Ma Huan	馬歡
Mao Yuanyi	茅元儀
Ma-ha-la-zhe-ba-la-bu	馬哈刺札八刺卜
Ma-na-da-bao-lin-bang	麻那答寶林邦
Ma-na-zhe-wu-li	麻那者巫里
Mu-gan-che-gan-di-er-sha	母幹撒干的兒沙
Dinasti Son Selatan	南宋
San-fo-ji	三仏齊
Su-lu-dan-wu-da-fo-na-sha	速魯檀無答仏那沙
Sujita Toyohachi, Dr.	藤田豊八
Wu-bei-zhi	武備志
Wang Dayuan	汪大淵
Xing-cha-sheng-lan	星槎勝覽
Xi-yang-fan-guo-ji	西洋番國志
Xiang Da	向達
Xi-yang	西洋
Xi-li-ma-ha-la-zhe	西里麻哈刺者
Xi-li-ba-mi-xi-wa-er-diu-ba-sha	息力八密瓦兒述八沙
Yong-le, Maharaja	永樂帝

Ying-yai sheng-lan

Yin Qing, Eunuch

Zheng He

Zhang Xie

Zhou-shi-kao

瀛海勝覽

伊慶

鄭和

張燾

舟師考

SUMBER PORTUGIS MENGENAI MELAKA T.M. 1511—1641: SUATU TINJAUAN MENGENAI POLITIK, PENTADBIRAN DAN PERBALAHAN KUASA DI SELAT MELAKA

YAHAYA ABU BAKAR

Pengenalan

Sumber Portugis mengenai Melaka sesungguhnya dapat dibahagikan kepada beberapa pembahagian. Ia meliputi manuskrip-manuskrip lama, kartografi khususnya peta-peta lama berkaitan dengan Melaka, lukisan-lukisan berbentuk manusia atau kota-kota lama dan objek-objek lain dan tidak ketinggalan matawang-matawang yang digunakan yang berkaitan dengan Melaka. Daripada penjenisan sumber-sumber yang dipaparkan di atas, manuskrip-manuskrip lama Portugis sebenarnya dapat memberikan penerangan dan pemerian yang agak memuaskan terhadap Melaka dalam tahun-tahun 1511—1641 Masehi. Dalam pada itu, terdapat tidak kurang dari 500 dokumen bertulis tangan yang kini tersimpan di merata-rata arkib di Portugal, Sepanyol, Itali dan Britain, yang sungguh berguna dalam sebarang usaha meneliti kehadiran dan kesan kedatangan orang-orang Portugis di Melaka.

Selain dari itu terdapat juga riwayat dan pemerihalan berkenaan kegiatan dan kehadiran orang-orang Portugis di timur di dalam hasil karya yang utama. Di antaranya termasuklah *Suma Oriental* oleh Tome Pires, *Liuro de Duarte Barbosa* oleh Barbosa, *Declaram de Malacca e India Meridional Com O Cathay* oleh Manuel de Eridia, *Asia Decadas* oleh Joao de Barros, Gaspar Correa dengan *Lendas Da India, Decadas* oleh Diogo de Couto, *Historia do Descobrimeto e Conquista de India pelos Portugueses* oleh Lopes Castanheda dan tidak kurang pentingnya ialah *The Commentaries of the Great Alfonso D'Albuquerque*.¹

Kepentingan untuk mengkaji dan menghayati dokumen-dokumen Portugis berbentuk manuskrip dalam usaha untuk memahami penulisan mengenai sejarah Melaka, menjadi begitu ketara memandangkan orang-orang Portugis adalah kuasa Eropah yang pertama berjaya menanam

pengaruh dan kuasanya di Tanah Melayu. Sungguhpun pengaruhnya agak terbatas dan tidak meliputi keseluruhan aspek kehidupan penduduk pribumi di Tanah Melayu dalam tempoh yang dikaji, ianya masih merupakan sebahagian daripada pengalaman sejarah di rantau ini.² Tambahan pula, pihak berkuasa Portugis di Melaka, sentiasa berhubung rapat sama ada dengan Wizurai India, atau pun dengan Raja Portugal untuk memaklumkan perkembangan dan aktiviti-aktiviti mereka di Tanah Melayu dari masa ke masa. Dengan itu, sumber-sumber Portugis dapat menjelaskan kepada pengkaji-pengkaji perkembangan sejarah Tanah Melayu khususnya Melaka dan kawasan persekitaran di antara tahun-tahun 1511–1641 Masehi. Dalam keadaan di mana sumber pribumi amat berkurangan dan apa lagi dalam bentuk manuskrip boleh dikatakan tiada sama sekali, bahan-bahan Portugis menjadi amat berguna sekali.

Pengkajian, penelitian dan pengamatan terhadap bahan-bahan lama Portugis berbentuk manuskrip sama sekali tidak bererti bahawa seseorang harus melihat sejarah Malaysia dewasa itu semata-mata dari sudut dan pandangan Portugal atau pandangan yang bercorak keeropahan. Pemakaian sumber Portugis untuk mengamati sejarah Tanah Melayu dalam abad keenam belas dan ketujuh belas Masehi dilakukan bukan sahaja kerana bahan berkenaan menumpukan perhatian mengenai kegiatan mereka di Melaka, tetapi juga turut menyentuh aspek-aspek yang mempunyai perkaitan dengan kawasan persekitaran Melaka.

Beberapa Sifat Sumber Portugis

Dokumen bercorak manuskrip Portugis mengenai Melaka secara amnya adalah berupa warkah atau arahan diraja (*carta/regimento do rei*) yang di dalamnya termuat arahan, petunjuk, penerangan, ketetapan atau keputusan mengenai undang-undang dasar yang patut dilaksanakan pada satu-satu ketika. Ini misalnya, didapati dari warkah atau ketetapan perintah Raja Manuel kepada Lopez De Sequeira, 1508 Masehi. Raja itu menegaskan beberapa perkara. Sequeira dan pengikutnya diperintahkan belayar ke timur ke *Insulindia*, mencari Melaka dan kawasan persekitaran serta meninggalkan *padroes* (petanda/kehadiran biasanya salib). Mereka juga diarah meninjau kecenderungan dan kesediaan pribumi di timur untuk menerima pengaruh agama Kristian. Mereka juga diarahkan untuk sentiasa menggunakan jalan damai dan berkeras secara berperang bila keadaan memaksa.³ Di dalam satu dokumen/manuskrip lain yang menyentuh perundangan di Melaka, Raja memerintahkan, penguasa (*capitao*) Melaka dan sesiapa saja adalah dilarang sama sekali berniaga dengan saudagar Jawa. Larangan ini meliputi jual beli pakaian dan barang-barang lain dengan pertukaran wang. Raja juga me-

negah kemasukan dadah (drug/droga) daripada Jawa ke Melaka. Raja seterusnya menekankan, sesiapa didapati mengingkari larangan itu akan dihukum sepadannya, manakala barang-barang dagangannya akan dirampas.⁴ Warkah raja turut menyentuh tentang perlantikan pegawai-pegawai ke dalam satu-satu jawatan pentadbiran negeri, tempoh perkhidmatannya, gaji atau ganjaran tahunan dan sebagainya. Misalnya, warkah Raja kepada Paulo De Gama melantiknya ke jawatan Kapten Mor do Mar Melaka selama tempoh tiga tahun.⁵ Dalam satu watakah perlantikan lain pula, Raja Portugal Dom Joao III, mengangkat Dom Estevao Da Gama, ke jawatan Kapten Melaka, dengan tempoh perkhidmatan selama empat tahun dan ganjaran sebanyak 600,000 reis.⁶ Menyentuh tentang pampasan atau ganjaran yang didapati oleh seseorang balu atau waris si mati yang telah berkhidmat di Melaka, perhatian kita dapat ditumpukan kepada suatu kes. Menurut suatu dokumen, Raja Felipe II menulis kepada Dona Joana de Silva mengemukakan sebanyak 300 *xerafins*, di atas perkhidmatan selama empat belas tahun suami Joana, selaku kepala armada yang meninggal di Laut Melaka kerana bertempur dengan angkatan Belanda dalam tahun 1615.⁷

Selain dari warkah diraja yang pelbagai sifat dan kandungannya, terdapat pula laporan-laporan administratif yang dikemukakan oleh Wizurai Portugis di India mengenai kedudukan dan keadaan di Melaka pada suatu ketika sebagai permakluman, pengetahuan atau tindakan susulan dari rajanya. Salah satu dokumen sedemikian dapat dilihat dari sejumlah warkah laporan yang dihantar oleh Alfonso de Albuquerque kepada rajanya. Menurut satu manuskrip, Alfonso dilaporkan sebagai memaklumkan kepada rajanya bahawa Melaka begitu penting dari segi perdagangan dengan India. Ia juga memberitahu rajanya bahawa berhampiran Melaka terdapat lombong-lombong emas. Selain dari itu, terdapat pula di Melaka sebagaimana yang dikhabarkan oleh Alfonso pegawai-pegawai yang tidak berapa cekap.⁸ Di suatu sudut yang lain pula, terdapat juga laporan tertentu dari pegawai pemerintah Melaka khususnya Kapten Melaka berkenaan negeri itu. Biasanya laporan sedemikian turut menguatkan permasalahan semasa yang dihadapi oleh Melaka, aktiviti perdagangan, hubungan diplomatik dengan jiran-jiran Melaka dan sebagainya. Salah satu contoh seumpama itu dapat dilihat dari warkah Jorge de Albuquerque Kapten Melaka kepada rajanya iaitu Raja Dom Joao III bertarikh 1 Januari 1524. Dalam warkah itu Kapten Melaka menyatakan yang ia ada mengirinkan ke Borneo seangkatan kapal dari Melaka apabila ia mengetahui kehadiran orang-orang Sepanyol di sana, bersama Magellan. Walau bagaimanapun, menurut Kapten Melaka itu, armada Melaka hanya menjumpai sebuah kapal kecil dan nampaknya keadaan dan kepentingan Portugis tidak terjejas atau terancam. Beliau seterusnya memaklumkan kepada Raja Portugal

bahawa ia telah membantah pada pemerintah Borneo di samping mengingatkan Raja Borneo itu bahawa ia adalah rakan karib Portugal. Di dalam warkah yang sama, Kapten Melaka memaklumkan hasil mahsul Borneo dan perdagangan di kawasan itu. Ia juga menyatakan Sepanyol nampaknya selepas peristiwa itu mengeneipkan Borneo sebaliknya belayar ke Maluku di mana perbalahan meletus di antara orang-orang Portugis dan Sepanyol.⁹ Mengenai keadaan semasa di Melaka, Kapten Jorge de Albuquerque membentangkan kepada rajanya bahawa bekas Sultan Melaka yang berpusat di Bentan, telah cuba menawan kembali Melaka dengan angkatan laut dan askar yang banyak. Walau bagaimanapun tindak tanduk itu adalah sia-sia belaka dan berkesudahan dengan ketewasan teruk di pihak bekas Sultan Melaka. Beliau seterusnya menyatakan kepada Raja Portugal bahawa pegawai-pegawai Portugis di India tidak menghirau atau mengambil berat sangat tentang keadaan di Melaka. Malah diadukannya juga kepada Raja Portugal betapa telah wujud perdagangan dan pakatan antara pedagang-pedagang Gujerati dengan anak tempatan tanpa kebenaran orang Portugis. Dengan demikian menurut Kapten Melaka itu, ia telah memerintahkan Antonio di Mirinda untuk mencegah kegiatan seumpama itu.¹⁰

Berhubung dengan manuskrip Portugis mengenai Melaka, laporan-laporan paderi atau ahli-ahli agama dan gereja Melaka juga merupakan sumber yang penting dan menarik untuk dikaji. Laporan ahli agama itu sama ada kepada Raja Portugal atau rakan setugas mereka di Portugal atau lain-lain tempat turut memuatkan maklumat yang berguna untuk mendekati perkembangan sejarah Melaka dalam tempoh masa yang dikaji. Ianya menyentuh kedudukan dan tahap perkembangan agama Kristian di Melaka, peranan dan pembinaan gereja dan kepelbagaian fungsinya. Perkara-perkara berkaitan dengan pendidikan di Melaka, tingkah laku para pegawai kerajaan di Melaka, persengketaan antara Melaka dan jiran-jiran dan sebagainya juga tercatat. Laporan sedemikian misalnya dapat dilihat dari warkah Francis Xavier kepada Raja Portugal, Dom Joao III bertarikh 20 Januari 1548. Paderi itu antara lain menyatakan, di Melaka seperti juga di Maluku, terutama pada hari-hari suci dan mulia di sisi agama, orang-orang Portugis berserta tanggungan dan ahli keluarga serta abdi suruhan mereka akan pergi beribadat di gereja. Menurut paderi itu, ia sendiri mengajar mereka aspek-aspek keagamaan dan ketuhanan.¹¹ Dalam warkah yang lain tetapi mempunyai tarikh yang sama, paderi Xavier menyatakan kepada rajanya bahawa Melaka pada masa itu menghadapi serangan Aceh. Paderi itu memuji Diego Soares yang dengan bijak dan berani bertempur di laut dan menewaskan musuh. Paderi berkenaan juga menarik perhatian rajanya betapa Melaka dalam kepentingannya sentiasa terpaksa bergantung kepada bantuan dari India.¹² Beliau juga mendapati Melaka terpaksa

bergantung bekalan makanan dari luar negeri termasuk dari China. Ia seterusnya tidak senang dengan sikap penduduk Melaka yang menurutnya mengecewakan, tidak bekerjasama dan tidak adil terhadap orang Portugis.¹³

Oleh kerana sebagaimana yang dinyatakan terlebih dahulu, terdapat lebih dari 500 dokumen/manuskrip Portugis mengenai Melaka, maka adalah wajar jika diperuntukkan butir-butiran yang mustahak sahaja dan meninggalkan detail yang kurang berkaitan demi menampung ruang yang tidak mencukupi. Selain dari itu, sumber-sumber Portugis mengenai Melaka juga dapat menerangkan kegiatan mereka dalam pelbagai bidang. Pembahagian-pembahagian itu meliputi:

- a) Minat orang Portugis untuk mencari, mendekati, berdagang seterusnya menakluk Melaka.
- b) Politik dan pentadbiran Portugis di Melaka dengan tumpuan kepada hubungannya dengan jiran-jiran dan kuasa tempatan di persekitaran Selat Melaka.
- c) Organisasi dan sistem perdagangan Melaka sewaktu ia berada di dalam tangan Portugis selama lebih satu abad sejak 1511 Masehi.¹⁴
- d) Institusi keagamaan dengan pendekatan terhadap peranan gereja-gereja Melaka dalam pelbagai bidang.¹⁵

Usaha Mencari dan Menakluk Melaka

Berdasarkan manuskrip Portugis yang wujud dan dikaji setakat ini, adalah jelas bahawa sehingga kejatuhan Melaka dalam tahun 1511 Masehi, terdapat bukti yang terang tanpa diragukan, tentang minat dan kesungguhan orang-orang Portugis untuk merapati dan seterusnya menjajah negeri itu. Pengamatan terhadap sumber Portugis hanya akan menegakkan pandangan bahawa minat dan keinginan Portugal terhadap Melaka telah berakar umbi sejak sekian lama, terutama tatkala mereka mula tiba di India.¹⁶ Raja Portugal, Manuel I, misalnya telah mengeluarkan *ordinan*, bertarikh 5 Mac 1505 kepada panglima armada Portugis, Almeida untuk mencari dan belayar ke Melaka dan kawasan sekitarnya, bagi maksud meninjau kewujudan dan kepentingannya. Menyedari dan mengambil ingatan betapa arahnya tidak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab tertentu, ia sekali lagi menitahkan Almeida cuba menghantarkan utusan ke Melaka.¹⁷ Usaha-usaha orang Portugis untuk ke Melaka rupa-rupanya bukan sekadar dilakukan dari India semata-mata. Ada bukti yang cukup yang menunjukkan betapa pelayaran terus turut dilaksanakan dari Portugal belayar ke timur untuk mencari Melaka. Hakikat ini sekaligus memperlihatkan betapa operasi mencari Melaka

begitu mendapat tempat di hati Raja Portugal. Dari dokumen yang ada, jelas terbukti bahawa De Sequeira dan ahli rombongannya merupakan utusan rasmi yang pertama dari Raja Portugal ke Melaka. Mereka bertolak terus dari Lisbon dalam bulan Februari dan tiba di Melaka pada 11 September 1508 Masehi.¹⁸

Oleh kerana Melaka dilihat begitu penting dari segi keterlibatan dalam perdagangan di rantau timur dari sudut pandangan Raja Portugal, dan hakikat bahawa pihak berkuasa Portugal belum mengetahui nasib yang menimpa rombongan De Sequeira di Melaka, suatu langkah baru dilaksanakan dengan restu diraja. Langkah itu ialah mengirinkan angkatan perdagangan yang baru, sekali lagi usaha ini datang terus dari Lisbon. Menurut satu manuskrip, Estevao Var, yang boleh jadi seorang pegawai tinggi kerajaan Portugal dan bertanggungjawab ke atas pelayaran menjelajah ke timur, telah merangka garis panduan dan kontrak perdagangan (*contrato de negocio*), dengan Serigne Jeronimo berbangsa Itali, untuk belayar dan berniaga dengan Melaka. Kebenaran dan kontrak perdagangan ini kemudiannya dilaporkan ke pengetahuan Raja Portugal.¹⁹ Langkah pihak berkuasa Portugal menggunakan perkhidmatan orang Itali dalam usaha pelayaran ke timur hanya akan mengukuhkan pandangan M.J. Pintado bahawa orang-orang Itali memainkan peranan yang tidak sedikit dalam usaha pelayaran Portugis ke timur.²⁰ Malah sesungguhnya, orang Itali juga berperanan dalam penaklukan Melaka. Salah seorang yang dimaksudkan ialah Giovaanni da Empoli.²¹

Sebagaimana yang tersedia maklum, rombongan De Sequeira bukan sahaja gagal mendapatkan kemudahan berniaga di Melaka, malah kehadiran mereka di negeri itu akhir-akhirnya menyalakan api permusuhan antara kedua negara. Sungguhpun De Sequeira dan kebanyakan anggota rombongannya berjaya melepaskan diri dari Melaka, dan berlepas pulang ke India dan Portugal, seramai tidak kurang dari 25 orang Portugis menjadi tawanan pemerintah kemudian dapat membebaskan diri dari Melaka dan berlindung di Pedir.²² Mereka ini kemudiannya dibebaskan oleh Albuquerque sewaktu beliau dan angkatan perang Portugis singgah di Pedir dalam perjalanan menuju Melaka. Adalah menarik untuk diketengahkan di sini bahawa di antara, sejumlah orang-orang Portugis yang masih dalam tahanan Melaka terdapat seorang yang bernama Rui de Aroujo. Beliau sempat sewaktu dalam tahanan Melaka menulis surat kepada Albuquerque, dan warkah itu diseludupkan dari Melaka ke India, dengan bantuan seorang Muslim yang bernama Abdullah. Warkah bertarikh 6 Februari, 1510 ini, sesungguhnya adalah warkah yang sangat penting yang memuatkan strategi pertahanan Melaka dan bagaimana negeri itu dapat dikalahkan. Warkah berkenaan juga turut memuatkan lalu lintas dan kepentingan

perdagangan Melaka, persenjataan yang wujud di negeri itu, dan tidak kurang penting layanan buruk yang diberikan oleh pihak Melaka kepada orang-orang Portugis.²³ Kebolehan Aroujo mendapatkan maklumat-maklumat yang vital dan sensitif mengenai Melaka dalam masa tidak sampai dua tahun ia berada dalam tahanan Melaka, sesungguhnya amat menakutkan. Aroujo sehingga memberikan maklumat kepada Albuquerque waktu yang sesuai untuk menyerang Melaka, dan menasihati Anglimo perang Portugis itu untuk membawa kelengkapan perang yang besar.²⁴ Betapa orang Portugis menilai maklumat yang disampaikan dari warkah Aroujo itu, dapat dilihat, apabila melalui satu dokumen Portugis bertarikh 25 April 1510, Kapten Portugis di Cochim memerintahkan pegawainya (*feitor*) memberi hadiah sebanyak enam *crados* serta pakaian kepada Abdullah, pembawa warkah berkenaan.²⁵ Adalah nyata dari dokumen itu bahawa warkah Rui De Aroujo yang ditulis di Melaka tiba ke India kira-kira dua setengah bulan kemudiannya.²⁶

Ketibaan angkatan perang Portugis di perairan Melaka dan kata-kata dari Albuquerque telah menyebabkan Raja Melaka membebaskan tawanan-tawanan Portugis termasuk Aroujo. Adalah jelas setakat ini bahawa maklumat pertahanan Melaka dan butir-butir lain yang dikemukakan oleh Aroujo mahupun Viegas yang diselamatkan dari Pedir telah banyak membantu menewaskan Melaka. Dalam pada itu Viegas dan lebih-lebih lagi Aroujo yang mempunyai pengalaman tersendiri mengenai Melaka turut terlibat dalam operasi menakluk negeri itu. Betapa tidaknya, menurut sumber dari *Commentarios*, Aroujo telah menunjukkan kepada Albuquerque betapa pentingnya jambatan Melaka kepada pertahanan negeri itu.²⁷ Aroujo dilaporkan sebagai menyatakan seandainya barisan penggempur Portugis menawan jambatan Melaka, orang-orang Portugis akan berada di antara bandar dan penduduk Upe, dengan demikian kekuatan Sultan Melaka akan terbahagi dua. Akan tetapi seandainya serangan dilakukan di mana-mana tempat lain, adalah dikuatiri ia tidak akan berjaya memandangkan negeri Melaka adalah luas dan pertahanannya agak mantap.²⁸

Kemenangan Portugis ke atas Melaka adalah suatu perkara yang telah diketahui umum dan sudah tidak memerlukan penerangan lanjut. Begitu juga analisa kekalahan Melaka dan sebab-sebab kemenangan di pihak Portugis sudah sering dibicarakan di mana-mana. Apa yang perlu dinyatakan ialah, kemenangan orang-orang Portugis itu ke atas suatu pusat perdagangan yang pada suatu masa dahulu merupakan pusat kuasa yang utama di Selat Melaka adalah merupakan babak yang penting dalam perjalanan sejarah rantau ini. Kejayaan orang-orang Portugis itu nampaknya sungguh bererti dan begitu dihargai oleh mereka. Cita-cita mereka untuk menguasai perdagangan rempah ratus di

timur menjadi kenyataan. Sehubungan itu, Tome Pires telah mencatatkan:

"Malacca was the city that was made for merchandise, fitter than any other in the world; the end of monsoon and the beginning of others. Whoever is the Lord of Malacca has his hand on the throat of Venice. As far as from Malacca to China, and from China to Moluccas, and from Moluccas to Java, and from Java to Malacca and Sumatra, all is in our power. Who understand this will favour Malacca."²⁹

Sentimen kehairahan dan kebanggaan Portugis menawan Melaka juga terpancar dari laporan kemenangan ke atas Melaka seperti yang dikemukakan oleh Albuquerque kepada rajanya. Dalam satu dokumen ia menyatakan kepada rajanya bahawa Melaka ditakluki sebab keengganan negeri itu menerima apa-apa langkah perdamaian.³⁰ Dalam satu manuskrip lain, Albuquerque menekankan bahawa Goa dan Melaka adalah pusat-pusat yang amat penting kepada kejayaan penguasaan perdagangan di timur. Dengan itu, apabila Raja Aden dikatakan cuba bertindak mengganggu lalu-lintas perdagangan di Laut Merah dan Teluk Farsi, Albuquerque berjanji kepada rajanya untuk mengajar pemerintah Aden itu.³¹ Selain dari itu Melaka juga dianggap penting sebagai *bastion* dalam mana kuasa Portugis Kristian boleh menyekat penguasaan orang-orang Islam di timur.³² Besarnya erti kemenangan Portugis ke atas Melaka sehingga di dalam suatu dokumen lain terbukti bahawa Albuquerque begitu mengambil berat dan berhasrat untuk melawat kembali ke Melaka untuk melihat sendiri perkembangan selanjutnya selepas ia berjaya menawan negeri itu.³³ Kehairahan Portugis mendapat Melaka sekali lagi terpancar jelas apabila Raja Portugal dengan penuh kegembiraan dan rasa bangga melaporkan peristiwa penawanan Melaka kepada Paus di Itali.³⁴ Daripada suatu dokumen lain pula didapati pihak Paus sendiri mengirim Bull (*Bulla*) kepada Raja Portugal di samping menyatakan rasa gembira di atas perkhabaran kemenangan Portugis, turut mengucapkan tahniah. Di samping itu, pihak Paus juga telah bersetuju mengisahkan bahawa Melaka adalah sebahagian dari taklukan Portugis di timur.³⁵

Penetapan Pengaruh dan Permasalahan Orang Portugis Di Melaka

Selepas cita-cita penaklukan Melaka menjadi realiti hasil kemenangan Albuquerque, kita difahamkan melalui *Commentarios*, dan beberapa sumber lain bahawa kepala perang Portugis itu telah mengasaskan

bibit-bibit pentadbiran Melaka berdasarkan amalan tradisi Portugal di samping pengalaman pentadbirannya di India. Di antara tugas utamanya ialah memulihkan keamanan negeri melalui pengukuhan pentadbiran, di samping mewujudkan suasana yang baik ke arah pertumbuhan perdagangan negeri Melaka. Bagi mengukuhkan pertahanan Melaka dari serangan musuh luar, kerja-kerja pembinaan tembok dan kota Melaka dilaksanakan, dan itulah permulaan kepada kota *A Formosa*. Kota yang pada mulanya dibina dengan hanya menggunakan bahan-bahan dari tanah dan kayu itu akhirnya digantikan dengan menggunakan bahan batu batan yang didapati dari runtuhannya istana serta kubur-kuburan di raja Melaka. Seramai lebih daripada 400 orang tenaga hamba raja digunakan untuk membina kota Melaka yang tersergam indah lagi teguh di negeri itu. Tembok tersebut mengelilingi kediaman Kapten Melaka dan terdapat pula kediaman untuk tetamu-tetamu kerajaan, pegawai-pegawai negeri, deretan para anggota keselamatan dan tidak ketinggalan bangunan yang diperuntukkan kepada peralatan senjata mahupun bekalan makanan.³⁶ Menurut suatu dokumen, tembok atau benteng pertahanan Melaka telah siap dibina antara tahun 1513 dan 1514 Masehi.³⁷ Tembok atau kota yang tersergam indah itu dikelilinginya diletakkan pelbagai jenis meriam menghala ke arah berbagai penjuru dan terdapat pula menara-menara kawalan keselamatan.³⁸ Selain dari itu, sumber-sumber Portugis juga menyebut tentang permintaan penduduk Melaka kepada Albuquerque mengenai matawang yang baru menggantikan matawang lama Kesultanan Melaka. Berkenaan hal itu, menurut catatan setengah pihak, Albuquerque memperkenankan permintaan itu, dan mencipta beberapa jenis kepingan wang dan kemudiannya diarak dengan gajah keliling bandar Melaka serta ditaburkan kepada orang ramai.³⁹

Tindakan Albuquerque yang seterusnya yang dilakukan di Melaka sebelum ia berlepas pulang ke India ialah menghantarkan beberapa perutusan dari Melaka ke luar negeri. Adalah difahamkan bahawa Albuquerque telah menghantarkan utusan tiga buah kapal belayar ke Maluku di bawah pengawasan Antonio de Abreu.⁴⁰ Tujuannya ialah untuk mencari rempah ratus serta mendapat maklumat mengenai perdagangan di rantau itu. Selain dari Maluku, perutusan-perutusan juga dihantar ke Siam dan Pegu. Utusan ke Siam umpamanya dibuat untuk memaklumkan kepada pihak berkuasa negeri itu tentang penawanan negeri Melaka dan juga untuk keperluan perdagangan. Adalah dilaporkan bahawa Siam menyambut baik kehadiran duta Portugis serta bersetuju untuk berdagang dan membekalkan beras ke negeri itu. Pihak Siam juga bersetuju dengan saranan-saranan orang-orang Portugis untuk menggalakkan perpindahan penduduk Siam untuk memperbanyakkan dan mempelbagai penduduk Melaka. Malah pihak Siam juga mengiriskan hadiah

berupa pedang bertatahkan permata serta mahkota yang cantik untuk disampaikan kepada pemerintah Portugis.⁴¹ Langkah seterusnya yang dibuat oleh Albuquerque di Melaka termasuklah mendirikan dua buah hospital, iaitu Hospital Diraja (Hospital Real) dan Hospital Awam (Hospital des Pogres)⁴². Pembinaan hospital tersebut dengan jelas menunjukkan kepentingan perawatan untuk kakitangan yang terlibat dalam operasi menawan Melaka dan juga jangka panjangnya untuk kemudahan pentadbiran dan kesejahteraan penduduk dan para pedagang yang mengunjungi Melaka.

Dari dokumen Portugis juga, adalah jelas setakat ini Albuquerque dengan menggunakan budi bicara dan pertimbangan semasa telah melantik Rui de Brito Patalim sebagai Kapten Melaka yang pertama yang bertanggungjawab penuh ke atas pentadbiran dan keselamatan tanah jajahan itu. Perbendaharaan negeri pula dipikulkan ke bahu Pedro Barbosa.⁴³ Sementara itu, Tome Pires bertindak selaku pegawai akaun manakala jawatan Feitoria selaku penyelia perdagangan diserahkan kepada Rui de Aroujo.⁴⁴ Berdasarkan kepada maklumat yang terdapat di dalam *Commentarios*, Albuquerque juga meninggalkan di Melaka sejumlah kira-kira 10 buah kapal perang lengkap bersenjata (dan 1350 orang askar) untuk mengawal keselamatan perairan Melaka serta menjamin kelicinan lalu lintas perdagangan di Selat Melaka.⁴⁵

Adalah menarik untuk dinyatakan di sini bahawa, selain daripada jawatan pentadbiran dipegang oleh pentadbir dan pegawai Portugis, penduduk Melaka juga turut mendapat perhatian dan kepercayaan bagi memegang jawatan-jawatan tertentu di Melaka. Bidang kuasa dan keterlibatan penduduk tempatan nampaknya lebih tertumpu kepada hal ehwal adat istiadat dan perdagangan anak negeri. Tome Pires umpamanya melaporkan,

"The governorship to the Klings was given to Bendahara Nina Chatu, with the office of Bendahara, the governorship of Lucoes, Parsees and Malay was given to Regimo de Raja, a Lucoa Moor, who was given the office of Tumunguo, the governorship of Iller was given to Tuan Colarear, that of Upeh to Pate Quidir.⁴⁶

Pengwujudan jawatan-jawatan di atas dan keterlibatan penduduk tempatan dengan jelas memperlihatkan Melaka di bawah Portugis turut mengamalkan konsep berkongsi kuasa walaupun dengan kaedah dan kadar yang jauh lebih berkurangan di pihak penduduk anak negeri. Begitu pula dengan pengkelan setengah jawatan anak negeri seperti nama-nama Bendahara, mahupun Temenggong jelas menunjukkan bahawa institusi tempatan masih diambil kira biarpun sekali lagi pera-

nan dan kedudukan bidang kuasa jawatan-jawatan berkenaan adalah berbeda dengan tempoh pra-kehadiran kuasa Portugis di situ. Berkenaan kuasa Nina Chatu, Albuquerque melaporkan kepada Raja Portugal bahawa Nina Chatu diberi kuasa ke atas peruntukan-peruntukan dan perundangan golongan saudagar Keling dan anak tempatan. Nina Chatu juga diberi kuasa ke atas pedagang-pedagang lain yang berdagang atau yang menetap di Melaka, *cafres* (kafir). Malah ia juga boleh mendakwa kelasi-kelasi dan pegawai-pegawai yang didapati melanggar undang-undang sesuai dengan peruntukan perundangan tempatan.⁴⁷ Adalah menarik untuk dikemukakan di sini bahawa pihak raja Portugal juga kemudiannya bersetuju dengan peruntukan kuasa perundangan yang diberikan oleh Albuquerque kepada Nina Chatu dan berkenaan untuk mewariskan jawatan itu kepada keturunan Nina Chatu di kemudian hari.

Dalam mempertahankan dan mengukuhkan pentadbiran Melaka, Wizurai India juga sentiasa mengarahkan pegawainya untuk memperluaskan Melaka dengan apa-apa bantuan dan keperluan dari masa ke masa. Alfonso misalnya pernah mengerahkan Feitor Cochin, Lourenoo Merenno untuk menghantarkan bekalan makanan ke Melaka.⁴⁸ Selain daripada makanan, peralatan senjata, emas, kertas serta alat tulis dan rekod juga pernah diberikan ke negeri itu. Dalam satu manuskrip misalnya, kita dimaklumkan bahawa Almoxarife Melaka, Francisco Cardoso mengakui ia ada menerima sejumlah bekalan makanan berupa 778 kampil biji-bijian seperti barli yang dikirimkan oleh Almoxarife Cochin untuk keperluan negeri itu.⁴⁹ Melalui sumber itu, didapati bahawa Almoxarife Cochin, Alvaro Lopes telah mengirinkan bekalan berkenaan melalui seorang utusan Francisco Galego, dengan kapal Santa Barbara.⁵⁰ Tercatat juga dalam satu sumber lagi yang menunjukkan Alfonso telah memerintah Feitor Goa, Francisco Carnivel, untuk menyampaikan ke Melaka melalui Feitor Bartholomeu Prestelo, bendera yang di hadiahkan oleh Raja Portugal untuk negeri itu.⁵¹

Kepesatan perdagangan Melaka dan jaminan keselamatannya terutama dari segi ancaman musuh-musuhnya sama ada dari dalam dan luar negeri sentiasa menjadi pertimbangan utama pihak berkuasa Portugis yang berpusat di Portugal, India mahupun di Melaka sendiri. Justeru kerana itu, isu pertahanan dan keupayaan angkatan bersenjata mempertahankan negeri Melaka adalah pertimbangan yang tidak dapat diperkecilkan. Dengan itu memang terdapat rujukan betapa Melaka sering mendapat bekalan peralatan senjata mahupun kakitangan dari India. Malah pada suatu ketika, Melaka juga turut dibekalkan dengan wang berjumlah 16,000 Crusados dari Raja Portugal.⁵² Keadaan ini dengan terang menunjukkan bahawa Melaka di bawah kekuasaan orang Portugis terpaksa memikul beban perbelanjaan yang besar demi meng-

hadapi pelbagai cabaran dan rintangan semasa. Adalah tidak keterlaluan untuk dikatakan di sini bahawa Melaka terutama di tempoh awalan pentadbiran Portugis, sentiasa terpaksa bergantung kepada pelbagai bentuk bantuan dari India mahupun Portugal untuk survivalnya. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa Melaka di bawah penguasa-penguasa Portugis masih belum dapat berdikari dalam menghadapi situasi semasa. Ketidakkampuan Melaka untuk mengurus dan mempertahankan negeri itu, secara bersendirian telah menyebabkan Raja Portugal membuat atau memperkenalkan kaedah pentadbiran yang baru. Menurut formula baru ini, pihak Majlis Diraja menetap dan mengambil ingatan bahawa Cochin, Calicut dan Melaka diletakkan di bawah penguasaan Lopo Soares Albergaria bermula dari tahun 1516; pihak Majlis Diraja juga membuat ketetapan bahawa seandainya terdapat ancaman serangan angkatan laut oleh raja-raja pribumi menghala ke Lautan India, ancaman berkenaan terletak dan harus dibereskan oleh Albuquerque.⁵³ Namun begitu, sekalipun terdapat pembahagian bidang kuasa sedemikian rupa, pengantungan Melaka dari segi pertahanan dan perbekalan lain dari kawasan-kawasan luar khususnya dari India masih tetap merupakan ciri yang tidak berubah. Menyedari hakikat ini, Raja Dom Sebastiao misalnya terpaksa mengarahkan Wizurai India Dom Luis Ataide, untuk terus membantu Melaka, kerana menurut raja itu, Melaka dari segi pertahanan adalah *fragile*, dan ia sentiasa diganggu oleh musuh-musuhnya. Arahan yang sama dikemukakan oleh Raja Portugal kepada Matias Albuquerque yang menurut raja Portugal mempunyai pengalaman yang luas dalam hal ehwal pertahanan Melaka.⁵⁴ Betapa pun Melaka terpaksa bergantung kepada segala bentuk bantuan dari India samada berbentuk tenaga manusia mahupun bekalan material. Bantuan yang sangat-sangat diingini selalunya dapat dipenuhi. Dalam satu manuskrip, terjumpa kita akan maklumat yang memaparkan ketidakmampuan pihak Portugis di India mengirinkan bekalan dan juga kapal ke Melaka. Raja Portugal dilaporkan sebagai kurang berpuas hati dengan penerangan seorang Wizurainya, dan lantas meminta Wizurai yang baru mengemukakan kedudukan yang sebenar serta memaklumkan sejelas-jelasnya alasan kenapa bantuan tidak dapat dihantar ke Melaka.⁵⁵

Pengantungan Portugis di Melaka terhadap bantuan dari India, ditinjau dari pandangan Raja Portugal, masih memperlihatkan bahawa pihak Majlis Diraja menganggapkannya satu kemestian. Ini memandangkan keadaan di mana Johor dan Aceh silih berganti menyerang Melaka. Ini kelihatan misalnya terjadi apabila Raja Portugal terus menggesa Wizurai India untuk meneruskan pembekalan senjata dan makanan kepada Melaka. Melaka menurut raja itu adalah begitu penting bagi Portugis di timur. Selain daripada itu, Raja Portugal juga mengingatkan Wizurainya di India bahawa, bekas Raja Melaka tidak menampakkan

langsung cita-cita mereka untuk mengabaikan tuntutan terhadap kerajaannya.⁵⁶ Dalam satu warkah lain, Raja Portugal memaklumkan kepada Wizurai India bahawa ia berasa gembira dan terharu mendapat tahu betapa pemerintah Pegu telah menghantar bekalan makanan yang sangat diperlukan oleh Melaka. Raja juga berbesar hati di atas sikap persahabatan dan hubungan baik yang ditunjukkan oleh Raja Pegu itu. Raja Portugal dikatakan meminta Raja Pegu untuk terus membekalkan ke Melaka 300 guni beras setiap tahun.⁵⁷ Menyedari akan beban pertahanan Melaka menjadi kian bertambah dari masa ke masa, Raja Portugal sehingga menggalakkan diwujudkan suasana persahabatan dan keamanan dengan jiran-jiran Melaka, termasuk dengan Johor, Aceh, Pegu dan lain-lain. Menurut Raja Portugal, suasana berkenaan akan mewujudkan status quo dan adalah satu permulaan kepada keadaan perdamaian dan keamanan yang berpanjangan. Namun demikian dalam mengambil langkah tersebut, pihak Melaka haruslah teliti dan berwaspada kalau-kalau tujuan berbuat baik itu disalah anggap dan tidak diterima sepenuhnya oleh jiran-jiran Melaka. Raja Portugal juga beranggapan Johor misalnya, yang terdahulu dari itu meminta damai dengan Portugal mungkin sebenarnya sedang menghadapi kekurangan bekalan makanan sementara Melaka masih boleh mendapatinya dari Makasar dan Amboina.⁵⁸

Dalam tempoh akhir abad ke-16 dan awal abad ke-17 Melaka di bawah pentadbiran Portugis menghadapi bahaya ancaman dari suatu kuasa Eropah yang lain iaitu Belanda. Dalam hal ini Raja Portugal seawal-awal 5 Februari 1600 Masehi telah menghantar sepucuk warkah kepada Kapten Melaka memaklumkan kepadanya bahawa Melaka akan dibekalkan dengan kapal-kapal dan peralatan senjata memandangkan pihak Belanda telah mula berniaga dengan persisir Goa dan kepulauan Sunda.⁵⁹ Arahan untuk menghantar lebih banyak meriam, peluru dan anggota tentera ke Melaka juga dikemukakan kepada Wizurai India dalam warkah bertarikh 16 Januari 1601.⁶⁰ Betapa bahaya kemaraan Belanda begitu menghantui fikiran Raja Portugal dan ini dapat diukur dari kenyataan bahawa raja itu memerintahkan Wizurai India belayar ke Melaka dan Sunda untuk melihat sendiri bahaya ancaman Belanda serta mengambil langkah yang berkesan untuk mengusir musuh ketat Portugal itu. Arahan berkenaan dikeluarkan tidak sampai dua bulan sesudah raja itu mengarahkan Melaka dibekalkan dengan senjata dan tenaga manusia terdahulu.

Betapa besarnya isu kemaraan Belanda di timur dan kesungguhan Raja Portugal mengamati permasalahan itu dapat dilihat dari hakikat bahawa Raja Portugal mengarahkan Wizurainya di India untuk mengambil langkah yang lebih berkesan. Di dalam suatu dokumen terdapat arahan raja memberi kebenaran kepada penguasa Portugis di Melaka untuk membelanjakan sejumlah wang hasil kutipan cukai-cukai per-

dagangan untuk keperluan ketenteraan. Di samping itu raja juga menghendaki Wizurai menghantar sejumlah wang peruntukan perbelanjaan tahunan ke Melaka, berserta tujuh buah *galley* dan sepuluh buah kapal.⁶¹ Raja juga tertarik hati terhadap apa yang pernah disarankan oleh Wizurai yang mana Melaka memerlukan perbelanjaan sebanyak 80,000 *perdaus* dan separuh dari itu perlu digunakan untuk belanja ketenteraan.⁶² Akhirnya, raja menegaskan tentang perlunya Wizurai mengambil sikap yang serius memperlengkapkan armada ketenteraan Portugis demi menghadapi pelbagai bentuk rintangan di timur. Gesaan Raja Portugal untuk memperlengkapkan pertahanan Melaka nampaknya menjadi bertambah nyata bila mana raja menurut suatu dokumen ada menerima berita dari penduduk Melaka bahawa di negeri itu terdapat banyak meriam tetapi tidak berfungsi kerana tidak ada peluru.⁶³ Ini terjadi di kawasan pertahanan di kubu Sao Domingo. Berdasarkan berita itu, raja sekali lagi memerintahkan Wizurai India untuk cepat bertindak memandangkan pihak Belanda berkemungkinan besar akan mengepung Melaka. Sesungguhnya apa yang dikhuatiri dan dirasakan oleh Raja Portugal berkenaan serangan dari Belanda ke atas Melaka akhirnya bertukar menjadi kenyataan dalam tahun 1606.

Di dalam tahun berkenaan, Melaka telah diserang oleh Belanda yang menggunakan sebelas kapal besar serta enam buah kapal kecil dengan bantuan seramai 1357 orang askar.⁶⁴ Pemerintah angkatan Belanda, Matelief telah berjaya mendaratkan 700 soldadu-soldadu di kawasan-kawasan Tanjung Keling dan Ujung Pasir. Pertahanan Melaka menjadi kucar-kacir, dan menelan korban nyawa yang tidak sedikit di kedua belah pihak. Komander Matelief menghentikan serangan pada 14 Ogos 1606, apabila ia mendapat perkhabaran bahawa sebuah angkatan perang membantu Melaka akan tiba dari India tidak lama lagi di bawah Manuel Mascarenhas. Angkatan ini mengandungi 17 buah kapal besar dan kecil beserta satu *caravel*, empat *galley*, empat *galleot*, bersama-sama 3,000 askar Portugis.⁶⁵ Pertempuran yang sengit tercetus antara angkatan perang Belanda dan Portugis di laut berdekatan dengan Cape Rachado. Kedua belah pihak kehilangan dua buah kapal masing-masing. Angkatan perang Belanda akhirnya berundur ke pelabuhan Johor, manakala pasukan perang Portugis mengekori, akan tetapi diabaikan kemudiannya.⁶⁶ Serangan Belanda ke atas Melaka walaupun gagal membuahkan sesuatu kejayaan yang mutlak di pihak Belanda, telah mendatangkan kesan yang mendalam serta memaksa pihak berkuasa Portugis mengkaji semula strategi pertahanan Melaka. Raja Portugal misalnya setelah mengkaji kepentingan dan kedudukan Melaka, akhirnya mengambil keputusan bahawa, di Melaka akan ditempatkan seorang jurutera yang akan mengendalikan kilang membuat peluru, serta seorang pakar lain untuk memperbaiki dan menjaga sebaik-baiknya meriam-meriam di negeri

itu.⁶⁷ Raja juga dilaporkan sebagai memerintahkan supaya diperbaiki semula pertahanan Melaka mahupun apa-apa kerosakan yang dialami oleh Melaka akibat dari serangan Belanda. Raja juga menitahkan pembinaan kubu pertahanan yang baru berupa kota di Pulau Jawa (ilha das Nas) berhadapan negeri Melaka.⁶⁸

Ditinjau dari sudut politik dan pentadbiran negeri Melaka, kelihatan jelas bahawa pihak Portugis sentiasa dilanda oleh pelbagai masalah sama ada dari dalam negeri berbentuk penentangan atau pemberontakan, korupsi dan ketidakcekapan atau penyalahgunaan kuasa di pihak pentadbir, mahupun serangan dari pelbagai pihak luar untuk menghancurkan Melaka. Seawal-awal tahun 1515 Masehi, umpamanya Melaka di bawah pentadbiran Portugis terpaksa menghadapi pemberontakan yang dilancarkan oleh Pateh Kadir. Pateh ini berketurunan Jawa telah memberontak dengan bantuan tenaga dan perbelanjaan dari Utemuteraja. Menurut Pires, setelah Pateh itu berjaya membunuh beberapa orang Portugis termasuk Rui Aroujo, dan mencurkacirkan Melaka, ia berundur ke Jawa.⁶⁹ Di sana, ia mendapat pula sokongan yang lebih teguh dari Pateh Gusti dan penguasa atau pembesar Tuhan dalam usaha menumpaskan Melaka. Dengan itu Pateh Kadir bersamasama lebih dari 10,000 askar beserta 40 tongkang, 60 *lancar*, 100 *calluzes*, telah menyerang Melaka. Sungguhpun mereka tidak mendarat di Melaka, suatu pertempuran yang sengit meletus di laut.⁷⁰ Keadaan itu walau bagaimanapun, berkesudahan dengan kemenangan di pihak Portugis, justeru kerana pengalaman bertempur di laut yang agak lama di kalangan askar-askar mereka.

Kekejaman, ketidakadilan mahupun penyalahgunaan kuasa adalah sebahagian daripada beberapa masalah yang wujud di Melaka dalam tempoh yang dikaji. Menurut suatu dokumen, telah sampai ke pengetahuan Albuquerque di India dan Raja Portugal bahawa Kapten Melaka, Rui Brito telah menjalankan kuasa sewenang-wenangnya dan bertindak tidak adil dari segi pentadbirannya.⁷¹ Dalam suatu warkah lain, Diogo Cuisado mengadu kepada Albuquerque bahawa kekejaman dilakukan di Melaka oleh pihak berkuasa atasan terhadapnya sehingga mana Diogo tidak tahan lagi menanggung penderitaan berkenaan dan meminta keizinan untuk meninggalkan negeri itu.⁷² Menurut suatu warkah yang lain yang ditulis dari Melaka, kelihatan umpamanya bahawa masalah pentadbiran di Melaka bertambah genting apabila pegawai-pegawai Portugis di India seolah-olah tidak memperdulikan pentadbiran negeri itu, atau sekurang-kurangnya tidak mengambil berat mengenai masalah Melaka.⁷³

Sehubungan dengan perkara di atas, ketidakcekapan pegawai-pegawai, pengurusan dan pentadbiran kewangan yang tidak betul, sikap kurang bertanggungjawab, kekejaman dan penyalahgunaan kuasa

sesungguhnya bukanlah semata-mata fenomena di abad keenam belas sahaja, malah telah melarat sehingga tempoh-tempoh seterusnya. Di dalam suatu perintah diraja, didapati ia menekankan bahawa tidak mungkin Melaka dapat menampung perbelanjaan negeri itu kerana hasil pendapatannya jauh dari mencukupi. Demi untuk mengemaskan pentadbiran, raja menitahkan supaya disusun rapi pentadbiran kewangan, perbelanjaan dan perkara yang berkaitan dengannya sebaik mungkin.⁷⁴ Di samping itu, raja juga mahu tahu mengenai pungutan cukai, lalu lintas perdagangan, jumlah pedagang, jumlah perbelanjaan negeri serta laporan yang khusus mengenai perdagangan antara Melaka dan Maluku, serta Melaka dan Coromandel. Raja Felipe II juga memaklumkan kepada Wizurai India bahawa ia mendapat tahu di Melaka terdapat setengah pegawai-pegawai kerajaan terlibat dengan perniagaan per-sendirian.⁷⁵ Terdapat juga di kalangan mereka itu yang kekurangan modal dan terpaksa meminjam kepada yang lain dan ini mendatangkan beban kepada pemberi hutang dan tanggungan mereka. Menurut raja lagi, perkara demikian tidak sepatutnya berlaku dan kelanjutannya hanya akan memburukkan lagi imej kerajaan.⁷⁶

Memandangkan keadaan pentadbiran Melaka tidak mencapai mutu atau tahap sebagaimana yang diharapkan oleh raja, sehingga pemerintah Portugal itu menghendaki dijalankan beberapa penyiasatan oleh pihak Wizurai India. Di dalam suatu dokumen misalnya, raja meminta satu laporan penyiasatan ke atas kes di mana *ouvidor* Melaka dikatakan menyebabkan kematian seorang wanita. Dalam hal ini, Wizurai Portugis di India diperintah memastikan benar atau tidak tuduhan itu, raja juga mahukan *ouvidor* berkenaan ditahan di kediamannya sementara menantikan keputusan penyiasatan. Raja menambah lagi, seandainya *ouvidor* berkenaan didapati tidak bersalah, maka ianya harus dibebaskan.⁷⁷ Terdapat juga keadaan di mana pihak raja mahukan laporan mengapa berlakunya sesuatu bencana sehingga tenggelamnya kapal atau alasan mengapa sesuatu pelayaran atau operasi tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Selain dari itu, pihak raja juga sering membangkitkan kepada Wizurai India betapa arahan diraja mengenai sesuatu peraturan tidak dapat dipatuhi atau tidak dilaksanakan di Melaka. Di dalam suatu keadaan misalnya, raja tidak berpuas hati apabila mendapat tahu pegawai-pegawai Melaka masih berdagang dengan saudagar Jawa dengan menggunakan tukaran matawang. Sehubungan dengan perkara itu, apabila raja masih mendapati larangan tersebut masih tidak berkuat kuasa sepenuhnya di Melaka, Raja Portugal seterusnya mengarahkan Wizurai Portugis di India mengenakan hukuman yang difikirkan munasabah ke atas Kapten Melaka.⁷⁸ Kepincangan pentadbiran Melaka juga dapat diukur dari hakikat bahawa ada di kalangan pegawai yang dicadangkan untuk dilantik memegang sesuatu jawatan enggan berbuat

demikian tanpa mengemukakan alasan yang berpatutan. Raja pada satu ketika misalnya, pernah mempersoalkan Wizurai India kenapa misalnya Andre Furtado de Mendoca enggan menerima jawatan Kapten Melaka yang ditawarkan kepadanya.⁷⁹ Dalam masa yang sama, ketidakcekapan pengurusan pentadbiran Melaka semakin terdedah di mata Raja Portugis apabila mana pemerintah itu mendedahkan pengetahuannya betapa di Melaka terdapat perbelanjaan pengurusan melambung tinggi jauh dari apa yang sepatutnya.⁸⁰ Menyedari sesungguhnya betapa penting jawatan pentadbir hasil mahsul negeri, Raja Portugal membuat ketetapan untuk memilih mereka yang benar-benar cekap dan amanah sahaja yang harus dilantik. Menurut raja itu, di masa yang lampau ia telah meminta Wizurai India mencadangkan nama pegawai untuk jawatan pemungutan penjaga hasil negeri Melaka, tetapi tidak mendapat apa-apa khabar mengenainya. Oleh itu, raja menitahkan Rui Laurengo de Tavora, Wizurai India yang baru dilantik untuk mengemukakan calon dengan memilih senarai beberapa orang yang layak dari senarai yang dikemukakan oleh raja.⁸¹ Betapa raja sangat mementingkan kualiti, kesetiaan dan lebih-lebih lagi kejujuran dan kecekapan dapat dilihat dalam suatu dokumen di mana bukan sahaja kualiti-kualiti itu diketengahkan malah, raja dengan tegas memaklumkan kepada Wizurai, dalam tempoh akan datang, perlantikan pegawai-pegawai Melaka mestilah terlebih dahulu diperkenankan dan disahkan oleh raja.⁸² Rasional di sebalik tindakan raja itu menurut dokumen berkenaan, ialah hakikat bahawa Melaka dan pusat-pusat pertapakan Portugis yang lain di timur terletak jauh dari negara induk, sementara kepentingan perdagangan mereka telah diketahui umum dan dengan itu pihak musuh selalu ingin mengambil kesempatan.

Kepincangan dan ketidakcekapan dalam pentadbiran orang Portugis di Melaka juga jelas kelihatan dari segi berlakunya kes-kes lari dari tugas (desertion) terutamanya yang melibatkan pentadbir mahupun askar-askar. Perkara ini juga nampaknya tidak terlepas dari pengetahuan dan perhatian Raja Portugal. Dalam perintah yang dikeluarkan oleh Raja Dom Felipe II kepada Wizurai Portugis di India ditekankan betapa tugas pusingan (rotational duty) perlu dikuatkuasakan. Menurut manuskrip itu, seseorang yang dihantar bertugas di Estado da India, seharusnya dengan patuh menurut pusingan tugas yang tertentu. Mereka dikehendaki bertugas selama dua tahun di Melaka, dua tahun berikutnya dalam perkhidmatan menawan Ceylon, dan seterusnya selama empat tahun lagi dalam perkhidmatan ketenteraan samada dalam armada di Malabar mahupun kawasan di sekitarnya.⁸³

Di sebalik peringatan, permakluman, perintah dan juga hukuman dari pihak raja mahupun keterlibatan dan campurtangan dari pihak Wizurai India mengenai hal ehwal Melaka, namun masih terdapat bebe-

rapa aspek kelemahan yang terjadi di negeri itu. Kelemahan dan kegawatan dalam pentadbiran Melaka ini dari satu sudut, nampaknya begitu ketara dan pihak berkuasa diraja dan Wizurai di India kelihatan amat mengetahui dan penuh maklum dengan apa yang terjadi di negeri itu. Umpamanya, buat kesekian kalinya raja mendapat laporan bahawa ahli-ahli keagamaan (gereja) telah mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap gereja. Begitu pula raja mendapat tahu bahawa keadaan hospital di Melaka juga agak menyedihkan, di mana bekalan ubat-ubatan mahupun rawatan tidak dapat dilakukan sebagaimana sepatutnya.⁸⁴ Telah sampai juga ke pengetahuan Raja Portugal, bahawa Kapten Melaka banyak menerima hadiah dari negara-negara atau duta-duta dari negeri jiran sekeliling. Raja dengan itu memerintahkan, bahawa pada masa-masa akan datang bahawa hadiah berbentuk peribadi, hendaklah dibalas dengan penggunaan wang kapten itu sendiri tanpa menggunakan peruntukkan atau belanjawan negeri Melaka.⁸⁵ Selain daripada itu, raja juga melahirkan rasa tidak puas hati dan kurang senang dengan sikap pegawai-pegawai Melaka yang melantik saudara-mara atau kerabat sendiri dalam jawatan-jawatan pentadbiran negeri. Raja juga enggan menerima amalan-amalan pentadbiran yang bersifat perwarisan kuasa dari seorang kepada keturunan tanpa mendapat pengesahan pihak raja menurut lunas-lunas yang telah digariskan terdahulu.⁸⁶

Ketidakcekapan pengurusan pentadbiran negeri Melaka lebih-lebih lagi dalam soal kewangan sebagaimana yang dinyatakan terdahulu, rupa-rupanya masih berleluasa di sebalik kenyataan dan perintah raja yang sering dibuat mengenai hal itu. Maka berpandukan kepada matlamat untuk memperbaiki keadaan kewangan Melaka, di samping mengemaskinikan sistem perakaunan negeri itu, Raja Portugal telah mengirim ke Melaka seorang juruaudit untuk memeriksa dan meneliti kedudukan dan perjalanan kewangan negeri.⁸⁷ Sikap cuai dan pengabaian tugas di kalangan setengah pegawai-pegawai Melaka juga telah mendatangkan beban kepada pentadbiran negeri itu. Dalam suatu manuskrip, terdapat catatan di mana Kapten Melaka menyatakan kepada pihak atasan betapa di negeri itu terdapat keadaan di mana perbendaharaan negeri telah kehilangan barang-barang akibat kecuai dan sikap tidak bertanggungjawab.⁸⁸ Raja dengan Wizurai Portugis di India, menjalankan siasatan rapi di atas kenyataan atau aduan Kapten Melaka itu. Oleh kerana telah berlaku banyak perkara yang tidak disenangi oleh raja di Melaka, maka Raja Portugal mengesa pihak Wizurainya di India mengambil tindakan yang lebih tegas dalam soal pentadbiran Melaka. Langkah itu termasuklah mengenakan hukuman yang berat kepada pesalah-pesalah. Menurut satu dokumen, raja mengarahkan Wizurai Portugis di India menghukum, Joao Caido de Gamboa dan D. Joao de Silveira yang melakukan kesalahan (skandal) di Melaka.

Raja seterusnya menegaskan bahawa Wizurai terdahulu, mahupun penduduk Melaka telah memaklumkan kepada baginda betapa kedua-dua penama di atas telah melakukan kesalahan-kesalahan mereka di negeri itu.⁸⁹ Sehubungan dengan hukuman-hukuman yang pernah dilakukan di Melaka, terdapat beberapa kenyataan yang dapat menerangkan kedudukan tersebut. Salah satu daripadanya ialah sebagaimana yang dikemukakan oleh M.J. Pintado. Menurut beliau, pernah pada suatu ketika raja menghukum bekas Kapten Melaka yang di antara kesalahannya termasuklah tidak bekerjasama dengan Paderi Xavier sewaktu beliau dalam perjalanan ke China. Kapten Melaka itu juga berlaku kasar ke atas pegawai lain yang menjalankan urusan rasmi kerajaan Portugal. Kapten itu akhirnya terpaksa pulang ke Lisbon dan dipenjarakan, dan ia mati sebagai banduan kemudiannya setelah mengidap penyakit kusta.⁹⁰ Selain daripada itu, terdapat juga keadaan di mana tercatat dalam dokumen bahawa bekas Kapten Melaka, iaitu D. Francisco Henrique juga menerima hukuman di atas kesalahannya kerana terlibat dalam perdagangan persendirian. Dalam warkah itu, raja menggesa Wizurai India untuk mencatatkan kesalahan bekas Kapten Melaka itu ke dalam rekod kesalahan.⁹¹

Di sebalik tindakan dan hukuman dari raja atau campurtangan dari Wizurai Portugis di India, keadaan pentadbiran Melaka jauh dari berubah, malah kadangkala menjadi begitu tidak menyenangkan. Terdapat laporan yang dengan jelas menunjukkan bahawa pihak gereja atau lebih khusus lagi *clergy/Bishop* Melaka sendiri, terlibat dalam perdagangan. Apa yang lebih menarik untuk dinyatakan, ialah hakikat Bishop berkenaan telah enggan membayar cukai kepada perbendaharaan Melaka.⁹² Perkara ini dilaporkan ke pengetahuan raja, oleh pihak berkuasa Melaka. Selang tidak berapa lama, raja menanyakan pihak berkuasa Melaka sejak berapa lama pihak *clergies/Bishop* itu telah menjalankan perdagangan persendirian. Raja juga ingin mendapatkan penjelasan dari pihak berkuasa Melaka, jumlah cukai yang harus dibayar oleh Bishop berkenaan.⁹³ Selain dari itu, Raja Portugal juga telah diberi maklumat oleh seorang tukang emas di Melaka yang bernama Jorge de Cunha yang dalam aduannya menyebut di Melaka terdapat kegiatan mencuri bekalan emas dari perbendaharaan negeri Melaka oleh setengah-setengah pihak untuk dijualkan kepada beberapa tukang emas lain.⁹⁴

Kepincangan, ketidakcekapan, pengabaian, rasuah, salah guna kuasa, dan berbagai lagi bentuk kelemahan yang terdapat di Melaka sebenarnya berpunca dari pelbagai faktor dan dapat diperjelaskan. Pengamatan terhadap koleksi Mac Gregor di Universiti Nasional Singapore,⁹⁵ misalnya menunjukkan bahawa salah satu sebab yang dapat diketengahkan ialah soal jarak geografis antara Melaka—Lisbon mahupun Melaka—

India. Jarak geografis ini rupa-rupanya menjadi penghalang yang besar kepada pengawalan secara berkesan terhadap pegawai-pegawai Melaka. Selain dari itu pihak berkuasa Portugal juga mempunyai kepentingan yang berselerak di merata-rata bahagian dunia baik di Benua Amerika, Afrika, India, Kepulauan Melayu malah sehingga ke Asia Timur. Kawalan ke atas kawasan yang sebegini luas tidak mungkin dapat dilaksanakan secara berkesan apa lagi memandangkan hakikat bahawa pihak Portugis juga terpaksa menghadapi pelbagai macam rintangan di mana-mana. Kekurangan anggota pentadbiran yang terlatih juga khususnya dalam bidang pentadbiran dapat menjejaskan prestasi dan mutu orang-orang Portugis di timur khususnya di Melaka. Sebagaimana yang disarankan oleh Prof. Boxer, pegawai-pegawai Portugis di timur biasanya dilantik berdasarkan kepada darah keturunan atau darjatnya, dan kerap kali bersandarkan kepada jasa atau pencapaiannya di medan perang menewaskan musuh dan bukan kepada latar belakang pengetahuan atau kebolehan mentalnya. Keadaan itu menurut Boxer amat berbeza dari kalangan pentadbir Kompeni Hindia Belanda misalnya yang mementingkan keupayaan dan kebolehan mental dan tidak mementingkan darjat keturunan.⁹⁶ Begitu pula halnya dengan hakikat bahawa Portugal sama ada di negara induk mahupun di tanah jajahan sentiasa mengalami kekurangan tenaga manusia. Penduduk Portugal dalam abad ke-16 dan ke-17 Masehi tidak sampai dua juta orang dan jumlah orang-orang Portugis di India mahupun di Melaka, tidak pernah melebihi 10,000 orang.⁹⁷ Keadaan sedemikian rupa, tambah menyulitkan pentadbiran yang semakin lama kian mencabar dan membebankan. Selain daripada itu, Mac Gregor juga turut menyentuh berkenaan gaji atau pendapatan yang kecil serta hakikat bahawa kadang-kadang terdapat keadaan di mana gaji atau pendapatan terpaksa ditanggihkan (tunggakan), maka ini memudahkan berlakunya rasuah atau apa-apa penyelewengan lain. Keadaan tidak cekap atau kucar kacir yang melanda pentadbiran Melaka akhir-akhirnya menguntungkan pihak musuh Melaka. Demikian kita difahamkan melalui suatu warkah mengenai negeri itu. Di dalamnya tercatat bahawa perbalahan dan tidak bersefahaman antara pegawai-pegawai Melaka dan pihak atasan di India telah menyebabkan Aceh, Johor dan lebih-lebih lagi Belanda mengambil kesempatan menyerang negeri itu.⁹⁸

Diplomasi dan Perbalahan Di Sekitar Melaka

Dokumen Portugis khasnya yang berbentuk manuskrip mengenai Melaka juga banyak menyentuh perkara yang bertalian dengan hubungan diplomatik dan pelaksanaan dasar luar negeri Melaka dengan jiran-

jiiran sekitarnya. Pengamatan dan penelitian terhadap sumber berkenaan dapat dengan jelasnya memperlihatkan bagaimana hubungan itu dilaksanakan terutamanya demi untuk menggalakkan pertumbuhan perdagangan Melaka. Selain daripada itu, hubungan diplomatik juga dilakukan untuk mendapatkan sebanyak mungkin sahabat dan meminimalkan jumlah permusuhan dan persengketaan dan untuk survival serta ketahanan Melaka. Justeru itu dokumen Portugis mengenai Melaka yang memuatkan informasi mengenai pengiriman mahupun penerimaan duta-duta asing dari dan ke Melaka. Adalah menarik untuk dinyatakan di sini bahawa polisi dan dasar luar negeri Melaka terhadap sesuatu kuasa jirannya boleh berubah menurut keadaan dan pertimbangan semasa. Dengan sikap-sikap baik atau persahabatan pada suatu ketika akan berubah kepada permusuhan atau peperangan di suatu masa yang lain. Dari dokumen Portugis dan periwayatan lain, nampak jelas bahawa penggubalan dan pelaksanaan dasar luar negeri Melaka dalam tempoh yang dikaji bukan sahaja ditentukan oleh pegawai-pegawai pentadbir Melaka, malah dengan campurtangan pihak berkuasa India, dan tidak kurang penting ialah arahan dan petunjuk dari Raja Portugis sendiri. Selain dari dasar luar negeri Melaka berkepentingan dari segi strategi pertumbuhan dan perdagangan negeri itu, mahupun ia berperanan dari segi strategi pertahanan dan kelanjutan kekuasaan Portugis selama lebih satu abad di Melaka, dasar luar negeri juga memberikan manfaat yang tidak kecil dari segi penyebaran pengaruh Kristian di rantau timur.⁹⁹

Sebagaimana telah diterangkan di atas tadi, dalam masa operasi penaklukan di atas Melaka masih berjalan, Albuquerque telah menghantar utusan duta ke Siam di mana utusan Portugis itu mendapat layanan yang memuaskan. Akan tetapi Siam bukanlah satu-satunya negara di mana Portugis menjalankan hubungan diplomatik. Sewaktu Albuquerque dalam pelayaran ke Melaka, ia telah singgah di Pasai dan di Pedir.¹⁰⁰ Di kedua-dua tempat berkenaan, orang-orang Portugis mendapat jaminan bahawa kehadiran dan kedatangan Portugis dialu-alukan serta pemerintah-pemerintah kedua negeri itu mengaku tunduk di bawah naungan kuasa Raja Portugal. Bukan pula keterlaluan untuk mengandaikan bahawa kebanyakan pemerintah-pemerintah di sekeliling Melaka telah sedar bahawa orang-orang Portugis telah mencapai kejayaan yang agak besar terutama di India. Justeru itu mereka mengambil jalan yang tersendiri dan mengelakkan konfrantasi atau persengketaan terbuka dengan pihak Portugal. Malah dalam masa penaklukan Melaka masih berjalan dan perang antara kedua pihak belum lagi muktamad, pihak Portugis telah menunjukkan sikap berlembut dan ingin berbaik-baik dengan pedagang dari India, Pegu dan pedagang dari China.¹⁰¹ Seterusnya kita difahamkan dari pelbagai sumber apabila Melaka tewas,

usaha-usaha menjelajah dan mencari Kepulauan Maluku dijalankan dari Melaka.¹⁰²

Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis rupa-rupanya mengejutkan bukan sahaja pemerintah dan pembesar Melaka, malah tidak kurang penting tanah jajahan dan negara-negara sekitarnya. Walaupun pada hakikatnya orang Portugis hanya berjaya menakluk kawasan pelabuhan Melaka dan kawasan sekitaran yang amat terbatas, akan tetapi orang Portugis telah berjaya mengusir pemerintah Melaka dari pusat kuasanya yang berkebetulan pula adalah pusat perdagangan yang penting dewasa itu di Selat Melaka. Ketewasan Melaka itu telah mewujudkan suatu suasana baru lebih-lebih lagi dari segi pengimbangan kuasa di Tanah Melayu. Kesan itu memberi erti dan mempengaruhi perhubungan antara orang Portugis dengan tanah jajahan Melaka serta negeri-negeri sekitaran Selat Melaka. Menurut Tome Pires, berikutan kekalahan Melaka ke tangan Portugis, raja-raja Pahang, Kampar dan Inderagiri telah mengakui sebagai sebahagian jajahan Portugis. Negara-negara Minangkabau, Aru, Pasai dan Pegu, Siam, Maluku, Pateh dari Jawa, penguasa-penguasa peribumi dari Gerisek, Tuban, Sidayu, Surabaya, Sunda dan Brunei turut mengutuskan surat atau duta masing-masing menyatakan hasrat mereka untuk berbaik-baik dengan pihak Portugis di Melaka.¹⁰³

Corak dan pelaksanaan dasar luar negeri Melaka di bawah pentadbiran Portugis dapat dilihat melalui warkah yang dikemukakan oleh Kapten Melaka kepada rajanya. Menurut dokumen itu, duta-duta luar dari Siam, Pahang, Inderagiri, Minangkabau dan Siak telah tiba ke Melaka untuk meminta perdamaian dan mengikat tali persahabatan dengan pihak Portugis di negeri itu. Selain daripada itu, pemerintah Kampar mengaku tunduk di bawah kuasa Portugal manakala Pegu pula disifatkan oleh pihak berkuasa Portugis di Melaka sebagai sahabat.¹⁰⁴ Sehubungan dengan suasana hubungan diplomatik yang agak memuaskan dewasa itu, Kapten Rui Brito seterusnya menegaskan bahawa, perdagangan telah berkembang dengan Borneo, China, Pulicat, Coromandel, Cananor dan Gujerat. Suasana yang menyenangkan itu juga telah memberikan kesempatan untuk kapal-kapal dagang dari Melaka belayar ke merata tempat terutamanya ke Jawa, Sunda dan Timor serta ke beberapa bahagian di India. Terdapat juga pedagang-pedagang dari Maluku, Banda, Pedir dan Aru berdagang dengan Melaka, malah wujud juga hubungan perdagangan terus antara Melaka dan negeri China.¹⁰⁵

Selain daripada itu terdapat juga catatan mengenai pelayaran meninjau ke bahagian-bahagian di Lautan Hindia dan Laut China Selatan yang dikendalikan dari Melaka. Menurut sumber yang sama kepulauan Ryuku dikatakan kaya dengan bekalan emas.¹⁰⁶

Hubungan diplomatik antara Portugis Melaka dengan jirannya terutamanya di Kepulauan Melayu tidaklah kesemuanya baik belaka. Kepulauan Bentan yang merupakan tempat persembunyian dan pusat kuasa yang baru bekas Raja Melaka adalah kawasan yang merbahaya kepada pertahanan Melaka. Bekas Sultan Melaka itu nampaknya tidak jemu-jemu menyerang Melaka dan ingin merampasnya kembali seraya mengikiskan arang yang terconteng di mukanya. Daripada satu manuskrip kita difahamkan bahawa pihak Portugis di Melaka mengambil sikap dan memaklumkan kepada pemerintah Portugal keperluan untuk menghapuskan Bentan.¹⁰⁷ Dalam dokumen yang sama juga dimaklumkan betapa orang Portugis di Melaka telah membantu pihak berkuasa Linga untuk melawan Inderagiri. Walau bagaimanapun, perhubungan antara Bentan dan Melaka cuba dipulihkan berpandukan kepada kedua-dua pihak mestilah menerima status quo masing-masing. Menurut satu dokumen, buat sementara wujud hubungan baik antara Melaka dan Bentan di mana perutusan dari Bentan telah diberi hadiah oleh pihak Portugis di Melaka.¹⁰⁸

Perhubungan dan sikap berbaik-baik pihak Portugis di Melaka dengan jiran-jiran dan negara sekitaran dapat dilihat terutamanya antara Melaka dan Sunda, di mana perjanjian damai, persahabatan dan konsesi dagang telah dilaksanakan. Menurut suatu dokumen¹⁰⁹ pihak Portugis telah diberi peluang untuk mendirikan pusat perdagangan di Sunda Kelapa, di mana *padrao* biasanya Salib dan juga sepasukan tentera ditempatkan. Selain daripada itu pemerintah Sunda juga berjanji akan menghantar setiap tahun ke Melaka, 1,000 guni rempah yang mana dari segi beratnya ialah lebih kurang 160 bahar. Kaedah berbaik-baik dengan jiran lebih-lebih lagi dengan negeri-negeri yang berkepentingan atau bertalian rapat dengan bekas Sultan Melaka yang kini berpusat di Bentan, nampaknya dilakukan dengan penuh teratur. Misalnya Raja Abdullah, pemerintah Kampar yang juga merupakan menantu kepada Sultan Mahmud bekas Sultan Melaka telah ditawarkan dan berkhidmat sebagai "Bendahara" menguasai orang-orang Islam dan pribumi.¹¹⁰ Walau bagaimanapun, perasaan permusuhan dan perbalahan sering terjadi antara Sultan Mahmud dan pihak Portugis di Melaka. Bekas Sultan Melaka itu telah menjadikan Bentan dan Pagoh sebagai pusat berlindung dan dari kedua tempat itu menjalankan serangan ke atas Melaka. Di samping itu, sekutu dan bekas negeri naungan Melaka seperti Pahang juga mempunyai hubungan yang kadang kala baik dan kadang kala bermusuhan dengan pihak Portugis di Melaka. Misalnya utusan diplomatik dan perdagangan Portugis yang tiba di Pahang telah ditawan dan dibunuh oleh pihak Pahang apabila mereka enggan menerima pengaruh Agama Islam.¹¹¹ Walau bagaimanapun, ancaman dari

Bentan agak berkurangan apabila dalam tahun 1528 Masehi Sultan Mahmud meninggal dunia.

Kemangkatan Sultan Mahmud sama sekali tidak membawa erti bahawa permusuhan terhadap orang-orang Portugis sudah tamat. Di dalam tahun 1533, angkatan perang Johor yang dikepalai oleh seorang laksamana, singgah di Melaka setelah melakukan tugas membantu Perak. Walau bagaimanapun, pihak Portugis yang mulanya menyambut ketibaan angkatan itu dengan tangan terbuka telah mengubah sikap mereka, sesudah menyedari bahawa angkatan itu berniat untuk mengintip pertahanan orang-orang Portugis. Perbalahan dan persengketaan antara Melaka dan Johor berterusan. Di antara tahun-tahun 1535 hingga 1536 umpamanya, tidak kurang dari dua serangan dilakukan oleh orang Portugis terhadap kubu-kubu pertahanan Johor di Muar, Pagoh, Kota Tinggi dan Sayung.¹¹² Serangan pihak Portugis di Melaka terhadap Johor secara bertubi-tubi akhirnya melemahkan pertahanan Johor dan menyebabkan Raja Alaudin berdamai dengan orang Portugis dalam tahun 1536. Sikap menunduk yang ditunjukkan oleh Johor akhirnya turut mempengaruhi Pahang dan Petani untuk berbaik dan berdagang dengan Melaka.¹¹³

Akan tetapi, tempoh pertengahan dekad ketiga abad keenam belasan Masehi menyaksikan orang Portugis di Melaka terpaksa berbalah bukan sahaja dengan Johor malah dengan suatu kuasa yang baru iaitu Aceh. Bukanlah keterlaluan kalau dikatakan bahawa Aceh turut mempunyai minat yang tinggi untuk menjadi jaguh di bidang politik, perekonomian, dan juga pusat perkembangan baru bagi agama Islam di Selat Melaka lebih-lebih lagi berikutan kehadiran Portugis di Melaka. Terdapat kenyataan yang menunjukkan seawal-awal tahun 1537 Masehi, pihak Aceh telah melakukan serangan terhadap Melaka dengan bantuan askar-askar upahan dari Gujerat, Malabar serta dari Turki dan Abissynia. Serangan itu sekalipun tidak berkesudahan dengan kemenangan di pihak Aceh, tetapi telah menyalakan api perbalahan yang lebih meluas di Selat Melaka.¹¹⁴ Hasrat Aceh untuk menguasai perdagangan dan kepentingan politik di Selat Melaka akhirnya mengheret ia berbalah dengan beberapa negeri di Tanah Melayu. Menurut setengah catatan sejarah, pertempuran yang sengit terjadi antara angkatan perang Aceh dengan Johor yang bersepakat bersama-sama Siak dan Perak. Pertempuran di Laut Selat Melaka itu telah menelan korban nyawa lebih 13,500 askar dan kemusnahan banyak kapal-kapal perang.¹¹⁵ Kemenangan Johor dan negara-negara sekutunya telah memberikan semangat baru kepada Johor yang sebelum itu telah banyak kali ditewaskan oleh orang Portugis. Ketewasan Aceh di tangan Johor dan sekutukutunya, tidak pula menghalang negeri itu untuk kembali menyerang dan memusnahkan beberapa buah kapal di pelabuhan Melaka. Serangan

Aceh terhadap Melaka dalam tahun 1547 ini turut disentuh oleh laporan atau warkah dari Francis Xavier.¹¹⁶ Tentera Aceh yang kemudiannya berundur ke Kedah dan Perlis diserang oleh pihak berkuasa Portugis di Melaka.

Perbalahan dan pertempuran yang berlaku antara Aceh dan negeri-negeri di Tanah Melayu khususnya Johor yang juga merupakan musuh Portugis di Melaka. Umpamanya, pihak Portugis di Melaka tanpa melengahkan masa telah mengambil kesempatan untuk mengeratkan perhubungan mereka dengan Brunei dan Bantam. Perhubungan ini dengan sendirinya dapat menguntungkan perdagangan Melaka khususnya dari segi perniagaan rempah dan lada hitam. Selain daripada itu, pihak Brunei umpamanya telah membenarkan pihak Portugis menggunakan perairannya di bahagian hujung Pulau Borneo bagi memudahkan pelayaran mencari dan perdagangan rempah ratus dan keluaran lain Kepulauan Maluku.¹¹⁷ Selain daripada itu, menurut sumber-sumber Portugis, Melaka juga mengambil kesempatan itu untuk menggiatkan usaha-usaha pelayaran ke negeri China. Dalam satu laporan, terjumpa kita dengan kenyataan betapa orang Portugis Melaka mendapati angkatan armada negeri China bersikap terbuka dan berbaik-baik dengan angkatan Portugis.¹¹⁸ Justeru itu dalam salah satu warkah yang ditulis oleh Xavier, ia menyatakan kepada rakan-rakan setugasnya adalah mudah untuk pergi ke China atau Jepun memandangkan terdapat hubungan yang baik dan banyak kapal-kapal yang berulang-alik ke sana.

Namun demikian, Melaka di bawah kuasa orang Portugis masih menghadapi ancaman dari musuh-musuhnya, termasuk Johor. Menurut setengah pihak terdapat pakatan sulit antara Johor, Pahang, Perak, Beruas dan Permaisuri Japara dalam bulan Jun 1551 untuk menewaskan Melaka.¹²⁰ Malangnya, Laksamana Johor melalui anaknya membocorkan rahsia serangan Melaka kepada pihak berkuasa Melaka. Dengan itu, serangan Johor dan sekutunya terhadap Melaka, walaupun mendatangkan kesan yang tidak sedikit terhadap perdagangan mahupun pertahanan Melaka akhirnya dapat dipatahkan juga. Serangan dan kepungan selama tiga bulan terhadap Melaka itu terpaksa ditamatkan apabila pecah khabaran bahawa pihak Portugis yang akan mendapat bantuan dari luar akan menyerang Perak, Pahang dan Johor.¹²¹ Walau bagaimanapun, nampak jelas bahawa perbalahan-perbalahan yang wujud di kalangan pribumi dan penguasa tempatan telah banyak membantu ketahanan Portugis di Melaka. Di samping itu, ketidakmampuan untuk menyerang secara serentak dari pelbagai penjuru, misalnya dari darat dan laut telah banyak membantu kepentingan orang Portugis di Melaka.

Pengamatan dan penelitian yang dilakukan oleh Mac Gregor mendapati, bahawa sejak tahun 1564 sehingga 1585 orang Aceh telah menjalankan aktiviti ketenteraan yang lebih aktif di Selat Melaka.¹²²

Di dalam tahun 1564 umpamanya, angkatan perang Aceh telah menyerang Johor Lama dan membinasakan pertahanan negeri itu. Ketumpasan Johor menyebabkan rajanya sama ada mangkat atau dibawa sebagai tawanan ke Aceh. Untuk beberapa tahun, menurut pengkaji itu, Johor diletakkan sebagai negara jajahan Aceh.¹²³ Selain dari Johor, Aceh juga menjalankan serangan terhadap orang Portugis di Melaka, sebanyak dua kali lagi iaitu dalam tahun 1568 dan 1573.¹²⁴ Namun begitu ternyata, serangan itu tidak berkesan terhadap orang Portugis di Melaka. Sungguhpun gagal pihak Aceh sentiasa memberi masalah kepada Melaka, di mana beberapa pertempuran di laut terutamanya di sekitar Selat Singapura sering terjadi. Memandangkan kedua-dua Aceh mahupun Johor sentiasa mengganggu kedamaian dan ketenteraman Melaka, maka Raja Portugal menitahkan Kapten Melaka mencari jalan menyerang Aceh dan Johor di pusat-pusat kekuasaan mereka. Raja seterusnya menekankan adalah mustahak dihapuskan benteng pertahanan dan kemampuan ketenteraan mereka, demi menjamin kelicinan perdagangan Melaka.¹²⁵ Apabila Johor kembali menyerang Melaka di tahun 1580-an, kita difahamkan melalui suatu dokumen bahawa pihak Portugis di Melaka telah menjalankan kajian dan gerakan meninjau muara-muara sungai berhampiran Melaka untuk mengelakkan ianya dijadikan batu loncatan untuk menyerang Melaka.¹²⁶

Adalah menarik untuk diketengahkan di sini bahawa Johor yang sentiasa terhimpit dengan perbalahan dengan Melaka dan Aceh pernah pada suatu ketika buat sekian kalinya berdamai dengan orang Portugis di Melaka. Perkara ini yang dilaporkan ke pengetahuan Raja Portugal menyebabkan raja itu memberi pandangan supaya Melaka berawas dengan tindak-tanduk Johor itu yang mungkin tidak bersungguh-sungguh atau berniat serong terhadap Melaka.¹²⁷ Di dalam suatu dokumen yang lain, pihak Raja Portugal sekali lagi membangkitkan tentang kejujuran Johor berbaik-baik dengan Melaka.¹²⁸ Walau bagaimanapun menyedari akan perbelanjaan pertahanan Melaka menjadi begitu tinggi dan hakikat bahawa perbalahan yang berlarutan dengan negara-negara jiran telah menelan korban nyawa dan harta benda yang tidak sedikit, Raja Portugal terpaksa juga mengalu-alukan langkah berbaik-baik dengan Johor.¹²⁹ Raja Portugal nampaknya menyedari bahawa langkah berbaik-baik dan gencatan senjata *detente*, akan tetap memberi faedah tersendiri kepada Melaka. Ini terjadi misalnya melalui hubungan baik dengan Pegu.¹³⁰ Raja Portugal yang merasa amat gembira dengan hubungan baik antara kedua negeri, seterusnya mendapat kepastian bahawa Melaka akan dibekalkan sebanyak 300 guni beras setahun dari Pegu. Justeru itu, mahu tidak mahu Raja Portugal terus memberikan petunjuk dan arahan kepada pegawai-pegawainya di Melaka, untuk mengekalkan persefahaman dan keamanan dengan Johor mahupun

Aceh. Selain daripada itu, keadaan berbaik-baik antara Melaka dengan Johor dan Aceh telah membuka kesempatan untuk orang Portugis di Melaka menghantarkan sebanyak 300 orang askar dan kapal-kapal dalam operasi menakluk Ceylon.¹³¹

Sebagaimana dikatakan terdahulu, sekalipun pihak Portugis di Melaka mengalu-alukan persahabatan dengan Johor ataupun Aceh tetapi tidak pernah mengabaikan pertahanannya, atau menolak sebarang kemungkinan dilakukan serangan mengejut ke atas pelabuhan Melaka. Sesungguhnya inilah yang terjadi, apabila Johor secara mendadak bangkit menyerang Melaka yang menyebabkan pihak berkuasa Melaka bertindak balas menghantar ekspedisi menghukum ke Johor. Walau bagaimanapun perbalahan antara Melaka dan Johor ini tidaklah begitu meluas atau berpanjangan, sehingga apabila rakan karib Portugal iaitu Pegu diserang oleh Arakan, Melaka bertindak menghantarkan bantuan mempertahankan sahabat lamanya.¹³² Seandainya penguasa pri-bumi di Kepulauan Melayu sepanjang satu abad telah gagal memberikan tamparan yang boleh menumbangkan kekuasaan Portugis di Melaka, kemunculan ancaman Belanda di awal abad ketujuh belas dan sehingga ketewasan Melaka di tahun 1641 sungguh menghantui perasaan Raja Portugal atau Wizurainya di India serta pihak berkuasa tempatan di Melaka. Kekhuatiran terhadap kemaraan Belanda bertambah nyata apabila dilihat bahawa pihak Belanda begitu sering belayar ke Selat Melaka, dengan menggunakan berbagai helah kerap kali untuk berdagang. Selain daripada itu, kemaraan kuasa Belanda juga tambah membebankan Melaka yang telah kesempitan kewangan akibat menggunakan separuh daripada peruntukan perbelanjaan negeri untuk tujuan pertahanan. Menyedari akan kelemahan yang akan dialami dari segi pertahanan mahupun persaingan perdagangan yang sengit dari berbagai penjuru, musuh-musuh lama Portugis sekali lagi "menangguk ikan di air yang keruh." Kali ini pakatan tiga penjuru di antara Aceh, Siam dan Johor telah kembali menyerang Melaka.¹³³ Sungguhpun kesan serangan itu tidak seberapa, ia cukup untuk menunjukkan bahawa musuh Portugis tidak akan teragak-agak untuk bertindak terhadap Melaka, selagi kesempatan mengizinkannya. Justeru itu, pihak Raja Portugal tanpa ragu-ragu sekali lagi mengingatkan Melaka supaya berhati-hati dan sensitif terhadap sikap, perlakuan dan tindak-tanduk jiran-jirannya. Adalah menarik untuk dinyatakan di sini bahawa di sebalik segala kesulitan yang dialami oleh pihak Portugis di Melaka, ia masih mampu untuk menghantar dua *galleotas* dan sebuah *nau* besar ke Amboina untuk mempertahankan kepentingan Portugis di sana.¹³⁴

Di dalam menghadapi kemunculan kuasa Belanda di perairan Melaka, pihak Portugis nampaknya terpaksa menghadapi bahaya itu secara berganding dengan jiran-jirannya. Menurut suatu dokumen,

Kapten Melaka dikatakan telah menulis kepada Johor untuk turut terlibat menyekat kemaraan Belanda dengan tidak memberi apa-apa bentuk kerjasama kepada pendatang baru itu.¹³⁵ Sehubungan dengan perkara itu, pihak Portugis di Melaka juga mendapat kesempatan yang baik apabila pemerintah Pahang juga mendampingi Melaka dan mengaku tunduk kepada kekuasaan Portugis. Pahang juga berjanji akan menghantar ufti atau persembahan ke Melaka. Menyedari akan pentingnya Pahang kepada keselamatan Melaka dan hakikat bahawa Pahang dapat dihubungi melalui jalan darat dengan Melaka, maka Raja Portugal amat mengalu-alukan sikap berbaik-baik dengan Pahang.¹³⁶ Jelas sekali bahawa pertalian yang agak baik antara orang Portugis dan Johor berserta Pahang telah membolehkan Melaka menghadapi serangan pihak Aceh di mana Francisco Mirinda dengan menggunakan empat buah kapal telah dapat menumpaskan serangan Aceh.¹³⁷

Perlu ditegaskan sekali lagi bahawa apa yang terpancar dari sumber Portugis di dalam tahun-tahun 1620-an dengan jelas menunjukkan bahawa dasar luar negeri Melaka lebih tertumpu kepada persoalan atau pertimbangan mencari sahabat dan berdamai dengan penguasa tempatan pribumi. Pihak Portugis nampaknya lebih menumpukan perhatian kepada ancaman berikutan kehadiran Belanda di timur. Menurut suatu manuskrip, Raja Portugal telah memerintahkan Wizurainya di India menulis warkah kepada Raja Aceh untuk menyatakan penghargaan pihak Portugis di atas kesediaan Aceh membebaskan banduan-banduan Portugis di sana. Raja Portugal juga ingin mengambil kesempatan itu untuk mempelawa pemerintah Aceh berdagang bahan rempah dan lada hitamnya di Melaka. Raja Portugal juga memaklumi perselisihan antara Aceh dan Belanda, dan dengan itu menegaskan bahawa pedagang-pedagang Aceh bolehlah berniaga dengan mana-mana kawasan yang ditadbir oleh Portugis di timur tanpa halangan.¹³⁸ Melalui satu warkah lain, kita difahamkan bahawa Wizurai India telah bertindak sebagaimana yang dikehendaki oleh rajanya.¹³⁹ Hasrat berbaik-baik dengan jiran juga dapat dilihat dari perjanjian persahabatan antara Melaka dan Patani yang berlaku pada 30 April 1619. Hasil dari hubungan yang baik ini telah menyebabkan kapal-kapal dagang dari Patani kembali berdagang dengan negeri Melaka.¹⁴⁰ Orang Portugis di Melaka juga nampaknya berjaya mengikat perhubungan dengan Perak bilamana angkatan bersenjata sampai ke negeri itu dan pemerintah Perak mengakui ketuanan Melaka.¹⁴¹

Strategi memperbanyakkan sahabat dan meminimakan jumlah musuh di perairan Melaka yang merupakan ciri utama dalam dasar luar Portugis di Melaka, nampaknya sungguh berkesan dan mendatangkan faedah yang banyak kepada negeri itu. Ini ternyata berlaku apabila Aceh menyerang Melaka pada 3 Julai 1629, Permaisuri Patani, Raja

Johor adalah di antara kuasa-kuasa yang turut membantu Melaka menumpaskan serangan Aceh itu. Apabila bantuan tiba dari Ceylon, pihak Aceh segera berundur setelah sengit bertempur di Melaka terutama di kawasan Madre de Deus.¹⁴² Aceh sekali lagi menyerang Melaka beberapa bulan kemudian. Berikutan dengan peranan dan sokongan pemerintah-pemerintah sekitaran menentang kemaraan Aceh, Raja Portugal telah memerintah Wizurainya di India menghantar hadiah-hadiah dan penghargaan kepada pemerintah-pemerintah Johor, Pahang, Perak, Kedah dan Makasar di atas sumbangan mereka.

Sungguhpun Aceh boleh dikatakan bersendirian sahaja dalam menghadapi pihak Portugis di Melaka akan tetapi ia masih tetap berjuang untuk menjuarai perairan Selat Melaka. Ini terjadi dalam tahun 1630 di penghujung bulan Oktober. Serangan dan kepungan Aceh berakhir setelah askarnya berjuang selama lebih sebulan di perairan Melaka. Menurut sebuah dokumen, pihak Aceh yang diketuai oleh seorang Laksamana cuba sedaya upaya untuk mendaratkan kapal-kapal dan perahu di Melaka tetapi tidak berjaya. Banyak kapal dan kelengkapan perang Aceh tersadai di benteng pasir atau muara sungai. Laksamana berkenaan kemudian meminta damai dari Portugis di Melaka, tetapi ditolak.¹⁴⁴ Alasan orang Portugis ialah pihak Aceh mestilah terlebih dahulu memulangkan tahanan Portugis dan dutanya yang ditawan oleh Aceh kira-kira empat tahun terdahulu. Laksamana yang kecewa dengan usahanya telah bertindak membakar kelengkapan perang Aceh sebelum berlepas meninggalkan Melaka. Menurut sumber yang sama, pihak Johor telah bertindak menyerahkan Laksamana itu kepada Portugis di Melaka. Ketewasan serangan Aceh bukan sahaja menyelamatkan Melaka, malah pihak Portugis telah berjaya merampas tidak kurang daripada 20 pucuk meriam yang kemudiannya digunakan untuk menguatkan pertahanan Melaka di Ilha da Nau dan di Kota Melaka.¹⁴⁵ Serangan Aceh terhadap Melaka nampaknya kemudian turut mempengaruhi Perak, untuk memusuhi pihak Portugis di Melaka, dua tahun kemudiannya.¹⁴⁶

Pengamatan dan penelitian terhadap sumber Portugis antara tahun 1630 dan 1637 memberikan kita beberapa gambaran tentang perbalahan dan diplomasi yang berlegar di persekitaran Selat Melaka. Sebagaimana yang diungkapkan terdahulu, serangan Aceh terhadap Melaka di tahun 1630 berkesudahan dengan kekalahan teruk di pihak Aceh. Menurut Boxer, ketewasan itu benar-benar telah melumpuhkan kekuatan dan peranan Aceh di Selat Melaka. Laksamana dan kapal induk Aceh yang bergelar "Kebencanaan Dunia" (The Terror Of The World) telah ditawan dan dijadikan sebagai bingkisan ke Goa.¹⁴⁷ Negeri-negeri lain di Tanah Melayu nampaknya sudah tidak berminat untuk melakukan sesuatu yang boleh mengkucar-kacirkan keamanan Melaka. Tindakan

mereka ini di suatu sudut bermakna kerjasama dan perdamaian telah wujud antara penguasa pribumi di Tanah Melayu dan Portugis di Melaka. Di suatu sudut yang lain pula, kekalahan yang dialami oleh penguasa di Tanah Melayu beberapa kali sebelumnya telah menyeret mereka untuk terus bermusuhan dengan pihak Portugis di Melaka. Sementara itu, pihak Belanda yang masih tidak berputus asa untuk menguasai perdagangan di Selat Melaka masih mendampingi kawasan ini walaupun tidak melancarkan serangan yang membahayakan Melaka dalam tempoh itu. Malah menurut sumber-sumber Portugis, kedua-dua pihak iaitu Melaka dan VOC (Syarikat Perdagangan Belanda di Timur), masing-masing telah mengambil ingatan terhadap terdapatnya tawanan perang Belanda dan Portugis, di tangan masing-masing. Menurut satu dokumen Portugis,¹⁴⁸ VOC dan pihak berkuasa tempatan Melaka, mencapai kata sepakat untuk memulangkan tawanan perang kedua pihak.

Kelumpuhan peranan Aceh di Selat Melaka, adalah akibat kegagalannya menghadapi pihak Portugis di Melaka, dan juga berikutan kematian rajanya iaitu Sultan Iskandar Muda yang memerintah di antara tahun 1607 hingga 1636 Masehi.¹⁴⁹ Kemangkatan itu, begitu disambut baik oleh pihak Portugis di Melaka. Menurut laporan oleh Paderi Luis Xavier, kegembiraan Melaka itu lebih-lebih lagi memandangkan Sultan Iskandar Muda (Mahkota Alam) sehingga akhir hayatnya masih berniat untuk menyerang Melaka. Menurut sumber yang sama, takhta kerajaan Aceh seterusnya dipegang oleh Raja Pahang yang kemudiannya berbaik-baik dengan pihak Portugis di Melaka.¹⁵⁰ Dalam satu laporan yang lain kita difahamkan bahawa Sultan Iskandar Muda rupanya telah berpakat dengan pihak Belanda untuk menumpaskan orang Portugis di Melaka. Ada kemungkinan maklumat ini juga didapati oleh pihak Portugis melalui pengganti Sultan Iskandar yang nampaknya sedang berbaik-baik dengan pihak Portugis.

Walau apa dan sejauh mana gencatan senjata dan perdamaian yang wujud antara pihak Portugis di Melaka dan Aceh, kelihatan jelas bahawa perhubungan itu adalah sementara sifatnya. Keadaan ini dapat diterangkan apabila Aceh kembali menyerang Melaka di penghujung tahun 1639 Masehi. Serangan dan kepungan Aceh ini dilakukan dengan kerjasama oleh pihak VOC. Pihak Portugis yang bertindakbalas telah berjaya mematahkan pakatan dua penjurong itu. Aceh mengalami kekalahan yang teruk, dengan kemusnahan kelengkapan perang dan banyak nyawa yang terkorban. Orang Portugis yang mendapat bantuan pertahanan dari pihak Sepanyol di Manila telah berjaya menenggelamkan empat buah kapal Belanda, manakala yang selebihnya bergegas pulang ke Jakarta.¹⁵¹ Namun demikian Selat Melaka kembali menyaksikan kemunculan banyak kapal Aceh mahupun Belanda hanya selang sebulan kemudian. Seterusnya pihak Portugis di Melaka mendapat maklumat

dari pemerintahnya di Portugal melalui kerajaan Denmark bahawa VOC sedang mengumpulkan kekuatan yang lebih besar untuk menyerang Goa, Ceylon dan Melaka. Maklumat Raja Portugal itu juga menyentuh tentang pakatan antara Portugal, Denmark dan Inggeris untuk menentang pencerobohan kuasa Belanda di timur.¹⁵²

Di sebalik peringatan yang bertalu-talu dari perintah Portugal dan Wizurai di India, mengenai pertahanan Melaka dan bahaya ancaman musuh-musuhnya terutama Belanda, VOC telah melancarkan serangan yang akhirnya menamatkan kuasa Portugis di Melaka dalam tahun 1641. Daripada salah satu sumber Portugis, ternyata bahawa serangan Belanda kali ini menggunakan tidak kurang daripada 1,000 orang pejuang dengan jumlah kapal yang banyak, orang Portugis yang terhimpit di darat mahupun di lautan telah melawan habis-habisan di mana 700 orang Belanda tertewas. Pihak Belanda mengadakan kepungan terhadap Melaka selama lebih lima bulan, menyebabkan pelabuhan Melaka menghadapi kekurangan makanan yang serius. Ahli-ahli gereja dan beberapa panglima perang Portugis cuba mendapatkan makanan di sekitar kawasan luar Melaka tetapi tidak berhasil. Bekalan makanan mahupun persenjataan dari India juga nampaknya tidak kunjung tiba di Melaka menyebabkan orang Portugis telah patah semangat untuk berjuang.¹⁵³ Sungguhpun orang Johor juga terlibat dengan penawan Melaka, melalui tidak kurang daripada 1,000 askar dan lebih daripada 40 kapal kecil akan tetapi pihak Belandalah yang nampaknya beruntung dari kekalahan Melaka.¹⁵⁴

1360
1-80
T.M.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dapatlah dikatakan bahawa sumber Portugis dapat membantu usaha kita memahami aktiviti-aktiviti mereka di Melaka dalam tempoh masa yang dikaji. Selain daripada itu, sumber Portugis juga dapat memberikan keterangan yang penting mengenai perkembangan sejarah dan kedudukan perimbangan kuasa di Selat Melaka dalam abad ke-16 dan ke-17 Masehi. Adalah nyata dari sumber Portugis bahawa pentadbiran Portugis di Melaka sentiasa dilanda oleh pelbagai masalah dari kekurangan kakitangan yang terlatih sehinggalah soal-soal yang melibatkan penyalahgunaan kuasa, curang, kejam, rasuah dan sebagainya. Ternyata dengan jelas pula, bahawa orang Portugis di Tanah Melayu hanyalah merupakan salah satu kuasa daripada pelbagai unit pentadbiran di Tanah Melayu dewasa itu. Dalam lain perkataan, kuasa Portugis di Melaka bukanlah pewaris mutlak kepada keagungan Melaka, Sultan Melaka yang tumpas dalam tahun 1511 mahupun pengganti-penggantinya tidak henti-henti mencuba kembali untuk

merampas Melaka, walaupun gagal.

Kehadiran kuasa Aceh sebagaimana yang telah ditunjukkan dengan jelas menunjukkan bahawa Portugis tidak dapat mempertahankan kedudukan yang eksklusif di Selat Melaka; sesuatu keadaan yang dapat dipertahan dan dikekalkan dalam zaman Kesultanan Melaka dahulu. Berikutan dengan kehadiran dan kesungguhan pihak Belanda untuk melibatkan diri dalam perebutan kekuasaan di rantau ini, untuk mengujudkan monopoli perdagangan, kuasa Portugis di Melaka kelihatan terancam. Kekalahan Melaka di bawah pemerintahan orang Portugis di tangan Belanda telah memulakan satu lembaran baru dalam sejarah Kepulauan Melayu.

Nota Kaki

1. Fr. M.J. Pintado, "Some Portuguese Historical Sources On Malacca History", dalam *Heritaga*, National Museum of Singapore, No. 3, 1978, pp. 20-62.
2. Untuk meninjau kesan kehadiran Portugis di Asia Tenggara khususnya dalam bidang politik mahu pun perdagangan lihat umpamanya, J.C. Van Leur, *Indonesian Trade And Society*, The Hague Bandung 1955. Juga, Ricklefs, *A History Of Modern Indonesia*, Mac Millan, Hong Kong, 1981.
3. Lihat, Regimento de Lopes de Sequeira enviado a descobrir a cidade de Malacca. Bertarikh 12hb. Februari 1508. Archivo Nacinal Da Torre Dea Tombo. (ANTT) Corpo Chronologia (CC) 1-6-82.
4. Lihat, Porvisao (Tegisto da) de D. Felipe II, Archive Historico Ultramarino, Cedice no. 282, do Conselho Ultramarino, fl. 154. Warkah ini bertarikh 19hb. Februari, 1603.
5. Lihat, ANTT, Chancelaria de Jaao III, Liv 16 fl. 30 Ve.
6. Warkah lantikan ini bertarikh 21hb. Mac, 1532, ditulis di Setuuel. Lihat, Registo da Casa da India. Arquivo da Casa dos Marqueses de Fronteira, fl. 301, Vo.
7. Lihat, Arquivo da Casa dos Marqueses de Fronteira, folha, 83 Vo. Warkah Raja D. Felipe ini bertarikh 18hb. Januari, 1619.
8. Lihat, ANTT; CC Parts 1^a, Maco 16, Doc 52. Warkah ini ditulis di Goa bertarikh 20hb. Oktober, 1614.

9. Lihat ANTT: CC Parts 1^a, Maco 30, n^o78.
Ditulis di Melaka bertarikh 1hb. Januari 1524.
10. Warkah ini bertarikh 1hb Januari 1524 dan ditulis dari Melaka.
Lihat, ANTT: CC, Parte 1^a, Maco 30, n^o78.
11. Lihat Epistolae S. Francisci Xaverii I, halaman, 436–438.
12. *Ibid*, pp 23–27.
13. *Ibid*.
14. Tidak dibincangkan di sini. Walau bagaimana pun untuk keterangan lanjut mengenai aspek ini lihat misalnya, Meilink-Roelofs, *Asian Trade And European Influences, etc.* The Hague, 1962, bab 7.
15. Juga tidak dibincangkan. Keterangan lanjut mengenai aspek ini boleh didapati misalnya dalam, M. Teixeira, *The Portugese Missions In Malacca And Singapore (1511–1958)*, Agencia Geral Do Ultramar, Lisbon, 1961.
16. Untuk keterangan lanjut, lihat, Yahaya Abu Bakar, "Catatan Mengenai Hubungan Awal Portugal – Melaka", *JEBAT*, Bil. 10 1980/81 nal., 230.
17. *Ibid*.
18. *Ibid*.
19. Warkah bertarikh 19hb. Julai 1509 ini ditulis di Lisbon. Lihat, ANTT: CC, Parte 2^a, Maco 8, Dec 23.
20. Lihat M.J. Pintado, *A Stroll Through Ancient Malacca And A Gimpse At Her Historical Sites*, Loh Printing, Malacca, 1980, hal. 11–13.
21. Lihat, A. Bausani, *Letters Di Giovanni De Empoli*, Instituto Italiano Per Il Medio Ed Estreno Orienie, Roma, 1970.
22. Lihat umpamanya, Yahya Abu Bakar, "Portugal Dan Usaha Ke Timur, Dengan Tumpuan Kepada Melaka Serta Persoalan Di Sekitar Flor De La Mar", dalam *Kapal dan Harta Karam*, Persatuan Musium Malaysia, 1986, hal., 27–39.
23. Lihat, ANTT: Gaveta 14, Maco 8, no 12.
24. *Ibid*.

25. Warkah ini bertarikh 25hb. April 1510, ditulis di Cochin. Lihat ANTT: CC, Parte 2^a, Maco 21, Doa 100.
26. *Ibid.*
27. Untuk keterangan lanjut, lihat W.D.G. Birch (tr.), *The Commentaries Of The Greet Alfonse De Albuquerque*, Vol III Hakluyt Society, London, 1980, hal., 18.
28. *Ibid.*
29. Lihat, A Cortesao, *The Suma Oriental Of Tome Pires*, pp. 286–287.
30. Lihat, ANTT: CC, Parte 1^a, Maco 23, Dec. 64.
31. Lihat, ANTT: CC, Gaveta 15, Maco 14.
32. *Ibid.*
33. Lihat ANTT: CC, Parte 1^a, Maco 12, Doc. 32.
34. Jordao (Levy Maria), *Bullarium Patronatus Portugaliae Regum*, Tomo I, p., 321.
35. *Ibid.*
36. Lihat umpamanya, F.R.R. Temaz, "Os Portugueses Em Malacca 1511–1580", tesis tidak dicetak, Universidad de Lisboa, 1964, Bab I.
37. Lihat ANTT: CC, Parte 1^a, Maco, 14, Dec., 51;
38. *Ibid.*
39. Lihat, Koleksi Ian Macgregor, National University of Singapore.
40. Lihat, F.R.R. Temaz, "Os Portugueses", bab II.
41. Lihat, Yahaya Abu Bakar, "Portugal Dan Usaha Ke Timur,", hal., 37.
42. F.R.R. Temaz, "Os Portugueses" bab II.
43. Untuk keterangan lanjut, lihat; Fr. Manuel Teixeira, *The Portuguese Missions*, etc.
44. Dalam warkah yang ditulis oleh Tome Pires dari Melaka kita dimaklumkan mengenai lantikkan itu. Lihat, ANTT: CC Parte 1^a, Maco 28, Dec., 47.

45. Lihat, Yahaya Abu Bakar, "Portugal Dan Usaha ke Timur . . ." hal., 41.
46. A. Cortesao, *The Suma Oriental*, hal., 281—282.
47. Lihat, ANTT: Cancellaria de D. Mauel, Liuro das Ilhas, fl. 138 V^a.
48. Warkah/arahan bertarikh, 24hb. Ogos, 1513 dan ditulis di Cochim, India. Lihat, ANTT: CC, Parte 2^a, Maco 40, Documenta III.
49. Lihat, ANTT: CC, Parte 2^a, Maco 52 Documenta 12.
50. *Ibid.*
51. Warkah yang ditulis oleh Albuquerque ini bertarikh 9hb. Februari, 1515 dari Goa. Lihat ANTT: CC, Parte 2^a, Maco 54, Documenta 130.
52. Di dalam Registo Da Cosa India tercatat mengenai perkara ini. Lihat, Arquivo Da Cosa das Marqueses Fronteira, Registo Da Cosa India Folha 305.
53. Warkah ini dikeluarkan di Almeirim, bertarikh 20hb. Mac, 1516. Lihat ANTT: CC, Parte 1^a, Maco 19, Documenta 153.
54. Lihat, Arquivo Historico Ultramarino, Codice no. 281, da Conselho da Fazenda fl. 232 V^a — 233.
55. Warkah bertarikh 15hb. Januari 1601. Lihat, Arquivo Historico Ultramarino, Codice no. 282 da Conselho Ultramarino, folha 17.
56. Lihat warkah bertarikh 12hb. Januari 1591. Arquivo Historico Ultramarino, Codice no. 281, da Conselho da Fazenda Real, fl 123 V^a—131.
57. Warkah ini pun bertarikh 12hb. Januari, 1591. Lihat, Arquivo Historico Ultramarino, Codice no. 281., da Conselho da Fazenda, fl. 104—123.
58. Bertarikh 26hb. Februari, 1595. Lihat Arquivo Historico Ultramarino, Codice no. 281, da Conselho da Fazenda, fl. 317 V^o—319.
59. Bertarikh 5hb. Februari, 1600. Arquivo Historico Ultramarino, Codice no. 282, da Conselho da Fazenda, folha 3.
60. Arquivo Historico Ultramarino, Codice no. 282 da Conselho Ultramarino, folha 32.
61. Arahan ini dikeluarkan oleh Raja D. Felipe II kepada Aires de Saidanha. Lihat, Arquivo Historico Ultra marino, Codice no. 282, da Conselho Ultra-marino fl. 119 V^a.

52. *Ibid.*
53. Juga warkah/perintah Raja D. Felipe II, kepada Aires da Saldanha, bertarikh 19hb. Februari, 1603. Lihat Archiro Historico Ultramarino, Codice.
54. Lihat M.J. Pintado, *A Stroll Through* p. 23.
55. *Ibid.*
56. *Ibid.*
57. Warkah ini bertarikh 18hb. Januari, 1607. Lihat Antonio di Bulhao Pato, *Documentos Remittidos da India cu Lirro Das Moncoes, Academis Real Das Sciencias, Lisbon, 1880, Tomo I. pp., 90-100.*
58. Arahan bertarikh 19hb. Februari, 1610 ini dikeluarkan oleh Raja Felipe II kepada Wizurai Rui Lourenco de Tavora, R.A.B. Pato, *Lirros Das Moncoes, Tomo I, pp. 338-340.*
59. A. Cortessao, *Suma Oriental*, p. 282.
60. *Ibid.*
1. Lihat Warkah Alfonso kepada rajanya bertarikh 20 Oktober, 1514 yang dikeluarkan di Goa. ANTT: CC, Parre I^o, Maco 16, Documenta 52. Juga R.A.B. Pato, *Carees*, Tomo I, pp. 272-274.
2. Bertarikh 3 Januari, 1514, ditulis dari Melaka. ANTT: CC, Parte I^o, Maco 15, Documenta 42.
3. Warkah ini bertarikh 1hb. Januari, 1524 ditulis di Melaka, oleh Captain Melaka iaitu Jorge di Albuquerque kepada Raja D. Joao II. Lihat, ANTT: CC, Parte 1^a, Maco 30, no 78.
4. Warkah bertarikh 15hb. Januari, 1601 dikeluarkan oleh Raja Felipe II, dari Lisbon. Lihat, *Arquivo Historico Ultramarino, Codice n° 282, fl. 22V.*
5. Lihat, *Arquivo Historico Ultramarino, Codice n° 282, fl. 32.*
6. *Ibid.*
7. Bertarikh 25 Februari, 1603. Lihat, *Arquivo Historico Ultramarino, Codice n° 282 fl. 152 V-153.*
8. Lihat, R.A.B. Pato, *Livro Das Moncoes, Timo I, pp. 70-73.* Juga, dalam sumber yang sama, pp. 145-146.

79. *Ibid.*, p. 340.
80. *Ibid.*, pp. 377-381.
81. Warkah Raja Felipe II kepada Wizurai de Tarora, 8 Februari, 1610. Lihat, R.A.B. Pato, **Livros Das Moncoes**, pp. 332-336.
82. *Ibid.*, pp., 22-23. Warkah ini bertarikh 7 Jan 1614, dari Raja Felipe II kepada Wizurai D. Jeronima Azevedo.
83. *Ibid.*, pp., 130-132.
84. Lihat, ANTT: CC Parte I, Maco 50, n^o 44. Juga, **Alguns Documentos do Archivo Nacional Da Tarre Du Tombo**, Lisboa, 1892, p., 382, 388, 408, 409 dan 412.
85. Lihat, R.A.B. Pato, **Livros Das Moncoes**, pp., 178-182.
86. *Ibid.* Warkah ini dari Raja Felipe II kepada Wizurai Azevedo bertarikh 27hb. Februari, 1612.
87. *Ibid.*, pp., 417-421.
88. Lihat, Arquivo Historico Ultramarino, Codice n^o 31 do Conselho da Fazenda, fl. 101-102. Arahan Majlis Raja untuk dijafankan siasatan dibuat pada 7 Disember 1617.
89. Perintah raja ini bertarikh 1 Feb. 1618 dan dikeluarkan oleh Raja Felipe II, kepada Wizurai de Cautinho. Lihat, R.A.B. Pato, **Livros Das Moncoes**, pp. 300-301.
90. Lihat, M.J. Pintado, *A Stroll Through*, p., 46.
91. Lihat, R.A.B. Pato, **Livros Das Moncoes**, pp., 417-418.
92. Lihat, Arquivo Historico Ultramarine, *Papeis avolsos, (India) Corixa I^o*, 1627. Warkah ini bertarikh 14 Februari 1626.
93. Lihat, Warkah Felipe III pada Wizurai Dom Miguel de Neronha, bertarikh 8 April, 1634. Arquivo Historico Ultramarine, *Papeis avulsos (India) Caixa II*, 1614.
94. Lihat, P.S.S. Pissurlencar, **Assentos de Conselho De Estado, 1634-1643**, Vol. II, Goa, 1953, *Documanta* 35, pp., 102-103.

95. Lihat Koleksi Macgregor, National University of Singapura. Juga, artikelnya dengan tajuk "Europe And The East", dalam G.R. Elton(ed), *The New Cambridge Modern History*, Vol. II, Cambridge At The Univ. Press, 1965, p., 613.
96. Lihat umpamanya, C.R. Boxer, *Four Centuries Of Portuguese Expansion 1415-1825*, Witwaterstrand University Press, J'Burg., 1981, pp. 53-54.
97. *Ibid.*
98. Warkah ini bertarikh 9 Disember, 1639. Lihat, Biblioteca Nacional, *Manuscrito do Fundo Geral*, n° 7640, fl. 166-167, *Dowmenta*, n° 57.
99. Untuk keterangan lanjut lihat, Fr. M. Teixeira, *The Portuguese Missions*, passim.
100. Lihat nota bawah no: 20 dan 39.
101. Lihat, F.R.R. Tomax, "Os Portugueses Em Malacca", bab II.
102. *Ibid.*
103. A. Cortesao, *Suma Oriental*, pp. 282-283.
104. Lihat warkah dari Ruy Brito Patalim kepada Raja Mannel, 6 Januari 1514 ditulis di Melaka. ANTT: CC, Parte I°, Maco 14, n° 49.
105. *Ibid.*
106. Warkah Simao Andrade kepada Raja D. Mannel. ANTT: Gaveta 15, Maco 17, n° 27.
107. Warkah Jorge de Carvalho kepada Raja Portugal. ANTT: CC, Parte I°, Maco 22, n° 80.
108. Dokumen ini mencatatkan perintah dari Kapten Melaka untuk menghadiahkan barang-barang pada duta dari Bentan. Lihat ANTT: CC, Parte I°, Maco 24, n° 75.
109. Perjanjian ini dibuat di sekitar tempoh sebelum 1522 Masehi. Lihat, *Alguns Documentos do Archivo Nacional da Torre do Tambi*, (ANTT), Lisboa, 1892, 460-461.
110. Lihat, FRR Tomax, "Os Portugueses Em Malacca", bab II.
111. Lihat, R.O. Winstedt, *A History Of Malaya*, Marican & Sons Ltd, KL-S'pore, 1962, p., 76.

112. Lihat, Maru Ann-Chelvam, "The Defence Of Malacca 1511-1641", Tesis Tidak Dicitak U of S'pore, 1961, p., 33.
113. Lihat, R.O. Winstedt, *A History Of Malaya*, p., 78.
114. Lihat, Ann Chelvam, "The Defence Of Malacca," p., 35.
115. Lihat, J.F. Cady, *South East Asia, Its Historical Development*, Tata Mc Graw Hill Publishing Ltd, N. Delhi, 1976, p., 182.
116. Epistolae S. Francisci Xavierii, I, pp 411-417. Juga Antonio O.S. Rego, Vol. 4 p. 23-27.
117. Lihat, J.F. Cady, *South East Asia*, p., 182.
118. Lihat, ANTT: CC, Parte I^a, Maco 30, n^o 49.
119. Epistolae S. Francisci Xavieirii, I, 411-417.
120. Mary Ann. Chelvam, "The Defence Of Malacca," p., 35.
121. R.O. Winstedt, *A History Of Malaya*, p., 80, Disini didapati bukan saja pertempuran dan kepungan dibuat ke atas Melaka, malah pernah kawasan Bandar Hilir dan Tengkarah ditawan oleh pasukan yang menyerang.
122. Koleksi Macgregor, National Universiti Of Singapore.
123. Lihat, Mac Gregor, "A Sea Fight near Singapore in the 1570's", *JMBRAS*, Vol. 39, pt 3, 1956, p., 6.
124. *Ibid.*
125. Lihat warkah Raja D. Felipe I pada Wizurai M. Sousa Coutinho, bertarikh 6 Feb., 1589. Arquivo Historico Ultramarino, Codice n^o 281, do Conselho da Fazenda, fl. 17-26 V.
126. Lihat, Arquivo Historico Ultramarino, Codice n^o 281, fl. 86.
127. Lihat warkah Raja D. Felipe I kepada Wizurai India Mannel de Sousa Coutinho bertarikh 12 Jan, 1591. Archivo Historico Ultramarino, Codice n^o 281, do Conselho da Fazenda, folha, 123 V-131.
128. Warkah ini ditulis di Lisbon dan bertarikh 12hb. Januari, 1592. Archiro Historico Ultramarino, Codice n^o 281, do Conselho da Fazenda, folha, 165.

29. Warkah Raja D. Felipe I kepada Wizurainya di India Mottias de Albuquerque bertarikh 28hb. Februari, 1595. Arquivo Historico Ultramarino, Codice n^o 281, do Conselho da Fazenda, folha, 317V-319.
30. Raja *Ibid.*, dilaporkan mengalu-alukan kehadiran duta Pegu ke Melaka. Pegu, menurut raja adalah pembekal utamanya keperluan makanan (beras ke Melaka).
31. Warkah bertarikh 28 Februari, 1595, dari Raja Portugal kepada Kapten Melaka, Lopes de Sousa. Lihat, Archivo Historico Ultramarino Codice n^o 281, do Conselho da Fazenda, fl. 330.
32. Pegu dilaporkan berperang dengan Arakan. Archiro Historico Ultramarino Codice n^o 282, do Conselho Ultramarino, fl. 26.
33. Lihat warkah Raja Portugal yang ditulis di Valladolid, bertarikh 31hb. Januari, 1602. Archivo Historico Ultramarino, Codice n^o 282, do Conselho Ultramarino, fl. 72V-73.
34. Warkah Raja bertarikh 3 April, 1604. Lihat, Arquivo da Casa dos Marqueses de Fronteira, Registo da Casa India, fl. 165.
35. R.A.B. Pato, Livro Das Moncoes, p., 471-430, Tomo I.
36. *Ibid.*, Tomo III, pp., 385-386.
37. *Ibid.*, pp., 63-64.
38. *Ibid.*, p., 312-313.
39. R.A.B. Pato, Livro Das Moncoes, p., 313-314.
40. S.S. Pissurlencar, Assentos Do Conselho Do Estado, Documenta, 14 p. 40-44.
41. Nano Alvares menulis kepada Wizurai di India, warkah dari Melaka. Bertarikh 8 Disember, 1629. *Ibid.* Documenta 4, p., 501.
42. Manuskrip no: 779, Biblioteca Publica e Arquivo Distrital de Braga.
43. S.S.Pissulencar, Assentos Do Conselho do Estado, Documenta p., 14, p., 519.
44. Arquivo da Casa dos Marqueses de Fronteira, Registo Da Cosa da India, folha 329.
45. *Ibid.*

146. S.S. Pissulencar, *Assentos Do Conselho do Estado*, Documenta, 135, pp, 417-423.
147. Lihat C.R. Boxer, "The Archinese Attack On Malacca In 1629, As Described in Contemporary Portuguese Sources", abes J. Bastiri & R. Rooluin (eds.) *Malayan And Indonesian Studies*, p., 114.
148. S.S. Pissurlencar, *Assentos Do Conselho do Estado*, Documenta 5, pp., 510-511.
149. C.R. Boxer, "The Achinese Attack", p., 109.
150. Warkah ini dari Luis Xavier kepada Chantre of Se' di Evora (Mannel S. de Faria) bertarikh November, 28, 1637 ditulis Di Bacaim. Lihat Biblioteca Nacional, *Manuscrito Do Fundo Geral*, n° 7640, fl. 143-144, Documenta n° 48.
151. Lihat warkah Paderi M. Barrads, yang ditulis di Goa, bertarikh November 10, 1639. Lihat Biblioteca Nacional, *Funda Geral*, n° 7640 fl. 170-170V° Documenta 59.
152. Lihat S.S. Pissurlencar, *Assentos do Conselho do Estado*, *Appendiece*, Doce. 38 p., 562-563.
153. Lihat, ANTT, *Livro I das Portarias do Reino*, folha 5 V°.
154. M.S. Pintado, *A Stroll Trough*, p., 24.



5

MELAKA: MODEL EVOLUSI BUDAYA MALAYSIA

ZAINAL KLING

Dalam makalah ini minat saya tertarik kepada persoalan pembentukan suatu model kebudayaan yang wajar dijadikan landasan dan lingkungan bagi kebudayaan nasional. Beberapa persoalan kebudayaan dan politik terakhir menjelaskan betapa sesatnya kita dalam menentukan arah perkembangan kebudayaan. Meskipun telah ada dasar-dasar kebudayaan namun tindakan penterjemahan dasar-dasar itu belum tercapai dan belum dapat merangkumi semua lapisan dan semua golongan masyarakat. Yang nyata ialah ada golongan yang mengenyahkan langsung prinsip-prinsip yang dianggap wajar dan patut. Malah dari kalangan kerajaan sendiri ternyata dalam keadaan yang amat keliru. Pada satu pihak lain diputuskan dasar-dasar yang tertentu tetapi pada pihak yang lain dibentuk pula strategi yang amat bertentangan dengan dasar sehingga melahirkan kontradiksi yang amat mendalam. Kita lihat misalnya kontradiksi antara 'kebudayaan bumiputera sebagai asas pembentukan kebudayaan nasional' dengan strategi *multiracialism* seperti yang amat ditegaskan sekarang. Segala ini memaparkan suatu *confusion* yang amat mendalam mengenai konsep-konsep dasar dalam pembentukan kebudayaan. Terdapat suatu kekeliruan yang tebal pada konsep-konsep 'kebudayaan kebangsaan,' perpaduan kebangsaan dan pembentukan suatu bangsa.

Justeru itu, adalah menjadi tujuan makalah ini untuk meneliti beberapa konsep ini dengan mengambil sejarah perkembangan kebudayaan di Negeri Melaka sebagai model dan melihat sejauh mana model itu mempunyai realiti serta viabiliti dalam konteks sejarah dan masa kini. Melaka telah membekalkan kita dengan suatu perkembangan sejarah yang amat agung dan berkesan untuk menjadi suatu asas penelitian terhadap pembangunan bangsa dan budaya. Ia telah mewariskan beberapa bentuk teladan yang telah menjadi model masa dulu, masa kini dan sudah pasti masa depan. Bahawa Melaka telah menunjukkan kenyataan itu dalam sejarah adalah menambah keyakinan kita bahawa

teladan Melaka itu memang wajar dan mungkin. Ia bukan semata-mata bersifat andaian, teoretis mahupun khayalan. Justeru itu, penelitian yang lebih dekat mengenai bentuk ini dapat memberi kita suatu persepsi arah perkembangan yang mungkin dapat dijadikan panduan.

Kaedah

Makalah ini mendekati persoalan kebudayaan dan pembangunan bangsa dari segi penyesuaian ekologi atau alam sekitar. Ini bermakna alam sekitar menjadi asas utama dalam pembangunan kebudayaan dan bangsa. Apa yang perlu dilihat ialah betapa alam sekitar itu memberi suatu asas penghidupan bagi kelompok manusia sama ada secara perseorangan ataupun secara bermasyarakat. Melalui interaksi dengan alam dan sudah pasti sumber-sumber aslinya maka manusia dan masyarakatnya membentuk suatu kehidupan ekonomi dan sosio-budaya serta politik bagi meneruskan kewujudan diri dan masyarakatnya. Dengan demikian bukan sahaja penggunaan sumber menjadi asas kewujudan masyarakat dan kelompok bahkan membina pula segala ciri budaya sehingga dapat beridentifikasi dengan alam sekitar atau ekologiinya. Dengan lain perkataan identiti masyarakat hanya wajar apakala sudah beridentifikasi dengan alam setempat sehingga melahirkan segala sejarah, tradisi dan segala ciri kebudayaan yang hidup bersamanya. Identiti setempat dan sejarah ini menjadi petanda bahawa masyarakat itu sudah mantap dan berakar umbi dengan alam sekitarnya. Tanpa sifat yang demikian apa yang dinamakan integrasi alam masih belum tercapai dan kelompok manusia masih lagi bersifat sementara (transient).

Barangkali jarang sekali sebuah tempat atau wilayah itu sesuatu yang kosong tanpa penghuni asal yang lebih awal terutama di zaman moden ini. Meskipun masih ada apa yang dinamakan sebagai hutan rimba di mana belum terdapat perkampungan namun tidak ada lagi di dunia moden ini suatu wilayah yang belum mempunyai batas geopolitik. Setiap suatu kawasan sudah dituntut oleh suatu kuasa pemerintah atau kerajaan meskipun kawasan itu belum dibuka atau didiami. Dengan cara lain, apa yang dikatakan sebagai *frontier theory* adalah suatu konsepsi helah untuk memberi justifikasi atau kesahihan terhadap suatu tuntutan penerokaan yang tidak sah oleh satu golongan yang berkuasa terhadap si pemilik asli yang lemah.

Teori ini timbul di Amerika dalam memberikan kesahihan terhadap perebutan tanah oleh golongan 'peneroka' kulit putih terhadap tanah-tanah orang India dan kuasa Sepanyol di California serta Mexico. Teori yang sama telah juga digunakan oleh beberapa orang pengkaji di

Malaysia untuk memberi justifikasi terhadap kegiatan ekonomi tani oleh golongan pendatang pada awal kurun ke 20 seolah-olah pada saat itu Tanah Melayu belum mempunyai suatu identiti geo-politik. Bahawa sebahagian besar dari Tanah Melayu masih belum dihuni dijadikan alasan untuk mengatakan bahawa penerokaan itu adalah bersifat gerakan *frontier*.

Sikap dan andaian yang salah serta mengeneipkan kewujudan kerajaan seperti inilah yang banyak melahirkan konsepsi serong terhadap sejarah dan tradisi negara ini kerana akhir-akhirnya setiap kelompok yang datang meneroka akan melupakan bahawa sebahagian dari alam sekitar mereka bukan sahaja alam tabii bahkan alam sosial yang terdiri dari sistem sosio-politik yang sedia ada melingkungi seluruh negara sebagai suatu unit politik. Jadi penyesuaian manusia bukan sahaja kelompok-kelompok manusia serta sistem-sistem sosial yang telah terbina akibat dari kehadiran yang lebih awal dalam sejarah dan menentukan pula identiti politik wilayah itu. Ini amat penting kerana kehadiran pendatang baru dalam suatu alam sekitar adalah di atas ehsan golongan yang sudah menentukan sifat dan identiti wilayah itu sebagai negara. Konsepsi ini amat penting dalam meneliti penyesuaian ekologi manusia di Melaka dan Malaysia.

Kajian Semasa

Kajian semasa mengenai masyarakat Malaysia ternyata berlaku dalam beberapa rangka konsepsi dan teori yang amat cetek jaluran sejarahnya malah dapat dianggap sebagai tanpa sejarah (ahistorical). Ini memang merupakan kelemahan terbesar sosiologi dalam meneliti masyarakat. Meskipun sosiologi menamakan dirinya ilmu masyarakat namun ternyata ia amat daif malah terlalu lemah untuk dapat menguasai setiap ciri masyarakat. Dalam kaedahnya tidak terdapat suatu konsepsi sejarah untuk melihat proses perubahan masyarakat yang amat perlahan dan evolutionary. Perubahan *revolutionary* juga tidak dapat ditelaah apalagi dijelaskan berdasarkan konsepsi yang ada. Cubaan ke arah itu oleh pemikir seperti Mark yang cuba memasukkan ciri 'kesejarahan' lalu semua pengikutnya menganggap diri mereka sebagai progresif hanya jatuh ke dalam lubang kepentingan diri serta falsafah sosial yang tidak mempunyai realiti masyarakat semasa. Lebih banyak kenyataan normatif yang disumbatkan ke dalam rangka teori yang ketat disediakan sehingga data-data tempatan hanyalah ciri-ciri sampingan yang tidak berfungsi dan bermakna bagi masyarakat yang diperkatakan.

Secara umum kita belum mempunyai suatu penelitian lengkap dan menyeluruh mengenai 'masyarakat Malaysia'. Justeru itu, agak

sukar untuk mendefinisikan dengan tegas tentang bentuk dan penyifatan masyarakat itu secara keseluruhannya. Dalam pada itu kebanyakan kajian yang ada pada masa ini kerap kali membuat suatu andaian yang menyeluruh terhadap masyarakat yang lebih besar bagi Malaysia apakala mereka mengkaji satu kelompok atau satu tempatan tertentu dengan menyifatkannya sebagai *plural* ataupun *stratified*. Dengan demikian secara cetek sahaja kita menganggap adanya suatu tanggapan menyeluruh mengenai masyarakat Malaysia itu. Berdasarkan tanggapan demikian kita dapat melihat tiga aliran pemikiran penting dalam kajian masyarakat Malaysia masakini:

- i. *plural*
- ii. *historico-structural*
- iii. *historico-ecological*

Plural

Tanggapan *plural* merupakan suatu aliran yang amat meluas dipergunakan meskipun tidak ada suatu kajian serta analisa apakah penyifatan ini benar atau wajar ataupun tidak. Semenjak J.S. Furnivall menggambarkan masyarakat kolonial Indonesia dan Burma sebagai *plural* maka konsep ini digunakan sebagai sifat terunggul (*par excellence*) masyarakat Malaysia. Kajian ini mengandaikan adanya bentuk *plural* itu lalu mengasingkan kajian satu-satu kelompok masyarakat seperti Cina atau India sebagai satu kelompok lain yang lebih besar. Jika ada pun pemerhatian dalam konteks terbatas malah ada yang tinggal andaian serta saranan kajian untuk orang lain pula pada masa depan. Dengan demikian penelitian terbatas kepada satu kelompok yang seolah-olah boleh wujud sendiri tanpa hubungan dengan sistem yang lebih berpengaruh terhadap nasib dan kewujudan kelompok itu.

Tujuan politik Malaysia yang lebih menyeluruh penelitiannya daripada kajian sosiologi amat terpicik dengan pemerian *plural* ini sehingga gagal untuk membayangkan betapa masyarakat yang bernama *plural* itu adalah bentuk yang dinaungi oleh sistem pemerintahan kolonial dan apakah sistem naungan ini hilang maka semakin hilang pula kemungkinan mengekalkan sifat *plural* itu. Jadi *plural* adalah fungsi kolonialisme maka penghapusan sistem kolonial yang menggendong sifat *plural* itu telah mendedahkan pula semua sistem etnik kepada pengaruh dan impak sistem nasional. Dengan demikian kewujudan sifat tersendiri satu kelompok dalam rangka *plural* sudah dinilai kembali kerana keadaan masakini telah banyak berubah. Meskipun masih berlaku berbagai-bagai ciri etnik dari segi pengekaln bahasa, seni dan ber-

bagai kegiatan keagamaan namun penerapan sistem nasional seperti politik, pendidikan, kelas dan beberapa hal lain telah pula meruntuhkan tembok etnik lalu membuka kemasukan anasir lain ke dalam lingkungan kelompok etnik itu. Sifat eksklusif yang amat meluas di zaman kolonial apakala bentuk *plural* itu sedang berjalan sudah tidak berlaku lagi. Ada kecenderungan yang amat kuat ke arah sifat yang saling mempengaruhi dan bukan *mutually exclusive* (saling mengeneptikan).

Historico-structural

Kesedaran terhadap sifat susunapis masyarakat tradisional Melayu dan perlanjutan kedudukan golongan atasan-bangsawan hingga masa kini sehingga menjadi golongan askriptif atasan Malaysia kini menjuruskan perhatian ramai pengkaji kemasyarakatan terhadap struktur dan juga transformasi sosial suatu rangka kesejarahan (*historicity*). Ternyata banyak perhatian diberikan kepada kewujudan bentuk kelas tradisi sehingga penelitian itu bertukar menjadi normatif daripada objektif. Kemudiannya terbit suatu pemaparan falsafah sosial yang mahu membentuk masyarakat baru melalui peruntuhan sistem kelas tradisional kepada sistem kelas egalitarian, jika mungkin!

Kajian seperti ini mencapai beberapa bentuk seperti kajian 'per-lapisan masyarakat,' kajian 'kelas' dan kajian *global* di mana tumpuan khas diberikan kepada impak kapitalisma ke atas ekonomi tempatan yang disifatkan, sama ada benar atau tidak, sebagai 'ekonomi semula jadi' (*natural economies*). Kajian perlapisan ternyata lebih banyak mengandaikan adanya lapisan secara objektif berdasarkan kriteria yang objektif seperti pendapatan, pendidikan serta beberapa nilai subjektif yang agak berbeza dari kriteria objektif itu. Tidak ada suatu penilaian terhadap sifat subjektif kelas atau lapisan itu. Lebih kerap kedapatan pengandaian bahawa orang yang tergolong secara objektif ke dalam satu lapisan atau kelas adalah juga menganggap diri mereka sebagai anggota kelas itu. Namun tidak ada suatu penegasan bahawa secara realiti adanya sifat masyarakat yang sedar bahawa mereka memang berada pada kelas tertentu yang dikategorikan dalam kajian itu. Ternyata bahawa realiti adalah definisi peneliti dan bukan konstuksi sosial subjeknya.

Lebih dari itu dicuba gabungan pula realiti dan proses sejarah untuk menjelaskan pembentukan masyarakat atau kelompok yang berlapisan itu dan bukan suatu penilaian sosiologi terhadap peng-kalan bentuk dan lapisan. Dengan demikian sejarah hanyalah suatu andaian terhadap perlanjutan atau *continuity* masyarakat dan bentuknya dan bukan suatu proses perubahan yang mentransformasi bentuk tradisional dalam konteks mas kini.

Kajian tentang kelas serta kesedaran kelas lebih banyak mengandaikan realiti dari penegasan objektif terhadap fakta subjektif. Bahawa ada orang yang menganggap dirinya lebih rendah status dari orang lain ataupun mereka menamakan diri mereka sebagai miskin kerana itulah realiti hidup mereka secara perbandingan dengan orang lain maka penegasan subjektif ini diterima sebagai pernyataan satu kelas manusia meskipun dalam tanggapan orang itu tidak suatu batasan ataupun petanda yang khusus terhadap kewujudan satu kelas. Dengan demikian kajian kelas lebih banyak adalah penegasan tentang rangka konsep falsafah sosial yang memerlukan data yang lebih konkrit daripada pemerian realiti sosial semasa.

Historical-environmental

Kajian sejarah masyarakat Malaysia memberikan suatu *depth* yang amat menekankan kelanjutan atau kesinambungan institusi dan kelompok dalam perjalanannya melalui masa dan tempat. Masyarakat dianggap mempunyai kelanjutan dari masa dulu hingga kini sehingga telah menentukan identiti ruang dan wilayah. Dalam hal ini andaiannya adalah bahawa terdapat kelompok Melayu yang telah menentukan identiti kenegaraan dan wilayah sehingga kehadiran kelompok lain adalah juga ditentukan oleh kelompok definitif itu. Ini bermakna kehadiran berbagai kelompok dalam negara adalah sebagai kesan definisi terhadap fungsi kelompok yang terlibat. Yang menjadi kriteria kewujudan kelompok ialah ianya berintegrasi dengan alam sekitar dan melahirkan identiti tempatan meskipun ciri-ciri asing dan luaran menjadi asas penentuan ciri baru itu. Dengan demikian alam sekitar serta sekitaran sosio-politik menjadi faktor utama terhadap kewujudan kelompok dan masyarakat. Setiap kelompok kecil dan besar mesti dapat menyesuaikan serta berinteraksi dengan tuntutan ekologi dan sekitaran sosial di mana kelompok itu berada.

Namun kajian ini mengeneppikan ciri tersendiri kelompok-kelompok kecil yang berkaitan dengan kelompok besar atau kelompok teras itu. Di sini itu tidak terdapat penilaian terhadap kesan interaksi ataupun penentangan kelompok kecil terhadap resapan pengaruh kelompok besar. Ada kemungkinan integrasi yang berlaku hanya merupakan suatu proses akulturasi yang palsu untuk melindungi penentangan terhadap tekanan asimilasi oleh kelompok besar. Dengan demikian identiti kelompok diperteguh sebagai penentangan terhadap ancaman penyerapan oleh kelompok besar.

Pendekatan Pembangunan Bangsa Masa Kini

Dari segi tindakan amali dan pentadbiran berbagai dasar negara diwujudkan sebagai rangka tindakan untuk membentuk satu bangsa Malaysia yang berpadu. Malah rancangan pembangunan negara adalah secara tegas dibentuk di atas keperluan membentuk sebuah bangsa (nation) yang padu melalui strategi persamaan pembahagian sumber ekonomi menurut pembahagian kaum atau kelompok etnik. Jelas sekali bahawa andaian kemasyarakatan dalam rancangan pembangunan ekonomi ialah konsep masyarakat majmuk atau *plural society* seperti yang disebutkan tadi. Penegasan bentuk masyarakat sebagai majmuk dalam rancangan pengagihan sumber ekonomi secara langsung menggalakkan konsep *plural* untuk menjadi asas ideologi perjuangan kelompok kerana identifikasi faktor ekonomi dengan identiti kelompok etnik mengasingkan semua kelompok yang terlibat dalam kancah perjuangan untuk menguasai sumber ekonomi itu. Ini bermakna pula persaingan antara kelompok etnik dalam masyarakat plural terhadap sumber negara yang terbatas meruncingkan perhubungan kerana akhirnya yang menjadi tanggapan ialah keterancaman kewujudan kelompok masing-masing. Justeru itu, masing-masing akan cuba mengumpul sebanyak sumber bagi memastikan kelompok itu kekal dan *survive* menghadapi sebarang cabaran dari kelompok lain. Dengan demikian, andaian *plural society* tidak dapat membawa perpaduan melalui proses pembangunan ekonomi dan sosial. Malah proses itu akan membawa pula kesan yang bertentangan objektif rancangan pembangunan itu iaitu mempertajam persaingan antara kelompok terhadap sumber negara.

Di samping dasar-dasar ekonomi, telah tergubal dan termeteri juga dasar kebudayaan, dasar pelajaran dan ideologi negara bernama 'ruku-negara' yang kesemuanya bertujuan untuk melahirkan perpaduan kaum dalam negara. Dasar kebudayaan ternyata mendapat ulasan malah tentangan bukan sahaja oleh golongan yang membangkang dalam sistem pemerintahan bahkan juga oleh puak yang menyokong pemerintah. Dasar yang dibentuk dengan tujuan untuk memberi suatu mekanisme terhadap proses pembentukan kebudayaan kebangsaan dan akhirnya menjadi rangka untuk perpaduan seluruh masyarakat kini menjadi tanda penentangan terhadap proses yang ditanggap sebagai usaha asimilasi kelompok kecil oleh kelompok besar.

Dasar pendidikan pula semakin dipandang dengan kaca mata yang sama meskipun tidak berlaku suatu ulasan yang sehebat dasar kebudayaan. Dalam pada itu sudah ada tanda-tanda yang nyata dan jelas betapa dasar pelajaran itu semakin dipergunakan untuk memperluaskan perlaksanaannya supaya merangkumi ciri-ciri etnik yang dapat menjadikannya suatu ciri nasional dalam rangka sistem pendidikan nasional.

keadaan ini lebih jelas dalam desakan terhadap perluasan pengajaran bahasa sukuan dalam jadual waktu pelajaran bahasa itu secara formal di samping desakan menambah berbagai kemudahan pendidikan kaum. Dengan itu, jelas bahawa dasar kebangsaan ini semakin terdesak untuk mengiktiraf ciri etnik sebagai wajar dalam rangka sistem nasional.

Ideologi negara dalam bentuk 'rukunegara' itu masih belum menepati suatu pentafsiran yang luas dan mendalam untuk dijadikan angka bertindak dalam semua bidang kehidupan dalam negara. Dalam bentuknya yang bersifat sifir, ideologi ini masih merupakan suatu permainan dan hafalan anak-anak sekolah tanpa suatu penghayatan yang nyata serta berkesan apalagi suatu panduan yang tegas terhadap keakuan antara anggota masyarakat. Dengan demikian ideologi ini tinggal sebagai suatu gubalan yang tidak membawa makna dan kesan mendalam dalam pemikiran atau pun pada kelekuan warganegara masa kini.

Di samping adanya beberapa dasar yang digubal dengan tujuan untuk membentuk satu bangsa yang berpadu terdapat pula berbagai pendekatan lain yang disarankan oleh kelompok lain atau parti politik lain sebagai satu alternatif kepada dasar-dasar pemerintah. Saranan-saranan ini lebih menekankan apa yang dikemukakan sebagai nilai demokratis dan sejagat serta hak kemanusiaan terhadap amalan ciri budaya dan hak kelompok lain sebagai warganegara Malaysia yang sah. Bahawa setiap orang adalah warganegara, maka wajarlah setiap orang memilih cara hidup yang mahu diikutinya. Justeru itu sebagai haknya yang asasi untuk berorganisasi dan berkelompok maka adalah sah baginya menyusun sebarang rancangan dan tindakan bagi menonjolkan ciri hidup yang telah dipilihnya, apa lagi ciri-ciri yang telah diwarisinya dari jajak lama sebagai warganegara. Namun apa yang tidak disebut dalam wajah seperti ini ialah sifat sejagat dan demokratis itu hanya untuk kepentingan golongan yang memperjuangkannya sahaja. Apakala hak itu melibatkan hak golongan lain maka ia bukan lagi menjadi tanggungjawab si pejuang untuk terus memperjuangkannya. Hal ini terpuang kepada kelompok yang terlibat sahaja. Jadi berselindung di sebalik nilai sejagat dan demokratis perjuangan adalah bersifat *particularistic* serta sempit. Demikianlah kita mendengar desakan mengiktiraf ciri budaya etnik sebagai ciri nasional meskipun ciri itu hanya amat terbatas dan *particularistic*.

Satu saranan yang menggunakan nilai sejagat yang luas tanpa perlu mengikat warganegara kepada kenegaraan. Dalam bentuk ini terdapat dua laras yang berbeza. Pertama laras keagamaan Islam. Kedua laras nilai kemanusiaan. Dengan rangka pemikiran yang begitu universal tanpa ikatan khusus kepada kenegaraan maka matlamatnya ialah membentuk manusia yang sejagat. Namun nyata juga bahawa yang sejagat itu sebenarnya ialah tanggapan suatu sistem pemikiran yang khusus

itu semuanya wajar terikat tanpa suatu alternatif lain. Alternatif lain adalah tidak wajar dan salah. Maka kelihatanlah konsep kesejagatannya adalah juga *particular* daripada hanya bersifat kemanusiaan atau ketuhanan.

Sejarah Kemasyarakatan Melaka

Perkembangan budaya di Melaka melalui sejarahnya yang panjang dapat dibahagi kepada tiga tahap yang besar seperti berikut:

- i. integratif-asimilatif
- ii. kolonial-plural
- iii. plural-retribalisasi

Integratif-asimilatif

Pada zaman kerajaan Melayu Melaka suatu rangka kehidupan yang tegas dan tentu telah wujud. Setiap unsur lain masuk secara integratif dan akhirnya juga diasimilasikan sebagai suatu kebudayaan negara. Kewujudan kebudayaan Melayu sebagai asas dan rangka menyeluruh yang berkuasa serta besar memudahkan kehadiran kebudayaan lain sebagai sistem lain yang berfungsi hanya sebagai *niche* untuk mengandungi kehidupan kelompok kecil yang terbatas dan sementara. Bagi golongan lain yang menetap maka sistem Melayu yang besar dan berkuasa itu menentukannya supaya berintegrasi secara menyeluruh ke dalam sistem besar itu. Sekaligus setiap anggota asing akan menyesuaikan diri seperti kehendak sistem besar sehingga akhirnya 'masuk Melayu'. Barangkali konsep 'masuk Melayu' yang kini diwarisi sebagai 'masuk Islam' tidak merupakan integrasi yang lengkap tetapi hanya integrasi separa, yakni belum mencapai tahap asimilasi. Apakala seseorang itu telah 'menjadi Melayu' maka integrasi itu bersifat asimilasi. Bagi yang tidak 'masuk Melayu' pula mereka kekal di luar lingkungan Melayu tetapi menyesuaikan diri terhadap ciri-ciri Melayu sehingga lahir budaya kacukan *hybrid*. Barangkali inilah punca kebudayaan 'Baba' dan 'Ceti' di Melaka. Ciri-ciri sekular telah diintegrasikan oleh golongan China dan India mereka ini tidak masuk ke dalam lingkungan Islam. Dalam konteks ini budaya baba dan cheti itu merupakan suatu penyesuaian yang perlu terhadap sistem nasional Melaka untuk dapat berhubung dan wujud dalam rangka sistem tersebut. Kewujudan yang totok Cina atau totok India akan menjauh serta mengasingkan golongan etnik ini dari aliran kemasyarakatan kekuasaan dalam negara. Apalagi golongan etnik yang

kecil-kecil tidak mempunyai alternatif bagi kewujudan sendiri yang terasing dari sistem nasional yang menjadi rangka keseluruhan dalam negara.

Namun demikian tidak pula dinafikan kemungkinan adanya kewujudan sistem minoriti di samping sistem nasional itu. Hanya sistem minoriti itu akan terpencil di dalam lingkungannya sendiri dan terasing jauh dari pusat pemerintahan. Ia menjadi fenomena yang sekarang ini terdapat dalam banyak negara sebagai *ghetto* atau 'kampung dagang.'

Data daripada kehidupan dan kebudayaan masyarakat Baba dan Ceti di Melaka menunjukkan betapa mendalamnya kesan pendedahan ciri kebudayaan Melayu terhadap sistem kehidupan golongan pendatang Cina dan India pada zaman itu. Dari sistem kekeluargaan kepada sistem kekeluargaan hinggalah kepada bahasa dan sastera terdapat penyesuaian yang amat tinggi dan akrab dengan sistem nasional Melaka. Sistem baru ini cukup mantap dan lengkap untuk terus wujud serta kekal dengan sendirinya bagi keperluan kehidupan masyarakat baba. Dalam sistem itu setiap kegiatan kehidupan dapat berlaku tanpa perlu menghapuskan identiti 'Cina' ataupun tanpa perlu 'menjadi Melayu.' Cuma yang penting ialah anggota masyarakat itu dapat terus wujud dan hidup sebagai diri mereka dan bukan sebagai Melayu. Penerimaan yang menyeluruh terhadap ciri bukan-agama dari kebudayaan Melayu tidak menghapus atau memupuskan keturunan Cina itu sebagai Cina dari kacamata orang Melayu dan dari identiti orang baba itu sendiri. Mereka tetap dapat mencari rezeki, mengumpulkan harta dan mengembangkan zuriat turun-temurun. Mereka dapat mencari suatu tempat atau *niche* yang selamat dan teguh untuk terus wujud hingga berkurun-kurun.

Kolonial-plural

Kedatangan kuasa penjajahan yang bertubi-tubi dan amat mendesak telah melahirkan sifat kebudayaan yang *plural* dan tidak lagi integratif. Kuasa Portugis hanya mengintegrasikan golongan yang beragama nasrani ke dalam lingkungan mereka. Sistem Melayu dan baba terus kekal sebagai sifatnya yang asli yang telah mantap dan lengkap. Orang Melayu meminggirkan kediaman ke arah luar kota terutama di pedalaman dan hulu. Orang Cina dan India kekal di pinggir kota tetapi di dalam pekan. Kehadiran budaya Eropah ternyata tidak menghapuskan kebudayaan lain malah memperbanyakkan apa yang telah ada. Barangkali inilah permulaan keadaan plural dalam kebudayaan. Keadaan ini terus menerus berlaku hingga ke zaman Belanda dan Inggeris. Apa yang menarik ialah betapa kemantapan budaya kacukan Baba dan Ceti itu terus kekal mengharungi zaman-zaman yang panjang kira-kira 400 tahun ini.

Suatu jawapan yang mungkin diketengahkan terhadap kekekalan budaya baba ia telah mendapat suatu tempat yang berfungsi dalam

seluruh sistem pemerintahan negeri walau apa saja punca kuasanya, samada oleh Melayu mahupun Eropah. Keadaan kelihatan di zaman pemerintahan Inggeris, budaya baba bukan sahaja kekal bahkan menjadi golongan terdekat dengan pemerintah. Anggota masyarakat baba berinteraksi dengan akrab dan mendapat pengiktirafan dari kerajaan Inggeris apa lagi banyak dari ciri kebudayaan Inggeris yang diterima masuk serta berfungsi di dalam sistem kebudayaan mereka. Hingga ke awal abad ke-20 ternyata golongan baba masih kekal dengan ciri kacukan Melayu tetapi sudah agak mendalam menerima ciri Inggeris. Sehingga kini ramai yang berbahasa Inggeris dan mendapat pendidikan tinggi Inggeris termasuk yang mendapat *Queen's Scholar* dan sebagai anggota majlis pentadbiran tempatan. Akibat dari itu juga ramai dari golongan muda menerima agama Nasrani di samping mengekalkan ciri baba yang asal.

Plural-retribalisasi

Kehadiran budaya Eropah dan kebebasan yang digalakkan untuk kemasukan yang tidak terbatas orang asing dan bergiat pula dalam bidang ekonomi telah melahirkan kepelbagaian yang amat jauh berbeza dari zaman awal. Bukan sahaja telah muncul budaya Portugis, Belanda, Inggeris, Baba, Ceti, Melayu bahkan juga Cina yang totok dari kedatangan pendatang baru (singkhek). Kini bukan sahaja budaya baba itu mendapat sokongan kuat dalam rangka sistem Eropah yang bergantung kepadanya untuk bekalan bahan makanan, khidmat, kewangan dan buruh bahkan mendapat pula suntikan darah dan tenaga baru dari pendatang baru itu. Dari bukti yang ada ternyata golongan baba itu sudah merupakan golongan berada, bertaraf tinggi dan amat dihormati oleh golongan yang baru mendatang apa lagi mereka dapat berunding dengan golongan pemerintah yang berkuasa dalam segala bidang. Oleh kerana itu perhubungan dengan golongan baba ini amat dihargai oleh pendatang baru. Sebaliknya pula golongan baba juga memerlukan kehadiran pendatang-pendatang baru itu untuk memperkuatkan dan memperkayakan kehidupan mereka apa lagi mereka itu membawa budaya Cina yang telah lama pupus dari kehidupan baba.

Perkembangan politik moden dalam zaman kolonial terutama dalam tahun 1930-an telah mendesak golongan baba untuk mendekatkan diri dengan golongan Cina yang lebih ramai dan luas. Sekadar bilangan yang agak terbatas dalam negeri Selat, walaupun berkuasa dan erat dengan sistem kolonial tetapi tidak menjamin kedudukan yang terus tinggi dan kuat jika berlaku perubahan sistem politik 'mereka.' Justeru itu perjuangan politik Baba terutama dalam majlis tempatan ialah untuk mempertahankan kewujudan kolonial dan juga mendesak

pengiktirafan kedudukan mereka sebagai *legitimate* seperti mana ahlinya masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Perjuangan kedudukan *legitimate* ini menjadi intisari perjuangan para pemimpin terutamanya An Cheng Lock. Perjuangan inilah kemudiannya diperluaskan oleh golongan DAP dan kemudian PAP untuk merangkumi semua orang Cina meskipun ramai di antara mereka masih bukan warganegara atau pun masih totok Cina.

Perkembangan politik seterusnya selepas 'merdeka' ditambah pula dengan berbagai perkembangan lain terutama ekonomi dan agama telah mengasingkan orang baba ini sebagai orang pinggir di antara masyarakat Melayu dan masyarakat Cina. Pada saat tertentu mereka beridentifikasi sebagai golongan yang rapat dengan Melayu terutama di zaman 'darurat' dan berusaha keras untuk mengasingkan diri dari golongan komunis yang kebanyakannya adalah dari golongan pendatang baru dan yang mempunyai ikatan totok dengan China. Pada saat lain pula mereka beridentifikasi dengan golongan yang totok kerana kesempatan sebagai Melayu atau bumiputera tidak mereka perolehi. Maka alternatif yang terbuka ialah untuk kembali menjadi Cina, belajar bahasa Cina dan mengamalkan kebudayaan ataupun mengekalkan identiti sendiri sebagai Baba. Keperluan untuk mendapat sokongan yang lebih besar mendesak mereka beridentifikasi dengan golongan Cina yang lebih besar dan sekaligus menjadi pemimpin awal kepada parti politik Cina. Pertemuan yang lebih akrab ini menolak mereka ke dalam lingkungan golongan totok dan terpaksa pula belajar kembali ciri-ciri totok yang kini menjadi petanda 'kecinaan yang tulen.' Perkembangan agama pula menolak mereka untuk lari dari Islam dan menerima lebih banyak Nasrani kerana ia tidak menuntut perubahan yang terlalu radikal dari segi etnik. Dengan demikian berlakulah apa yang dikatakan *retribalisation* atau kembali kepada *tribe* asal dan dalam kes baba menjadi Cina atau *resinification*. Sudah pasti keadaan ini merupakan suatu regresi yang amat radikasi bagi golongan Baba dalam konteks alam 'Melayu.' Namun proses itu sedang berlaku dan kini bentuk masyarakat bukan sahaja mengikuti trend am yang *plural* bahkan pula regresif.

Perkembangan terakhir masyarakat Malaysia seluruhnya pada masa ini jelas menunjukkan suatu arah yang lebih erat berhubungan melalui medium bahasa kebangsaan. Perkembangan ini sekaligus mencabar pula kedudukan tradisi golongan yang telah menyesuaikan diri dengan alam sekitar Melayu seperti Baba. Tidak lagi Baba itu mempunyai monopoli terhadap kebolehan menggunakan bahasa Melayu lebih daripada golongan yang datang kemudian atau baru saja mendatang. Setiap anak sekolah yang lahir dan dewasa di sini sudah menggunakan bahasa kebangsaan dengan begitu baik dan fasih sehingga pembahagian antara

golongan Melayu, Baba dan totok mungkin tidak berlaku lagi. Namun golongan baba masih dapat mengakui keunggulan mereka daripada golongan yang totok kerana mereka secara lengkap menggunakan bahasa Baba atau Melayu Baba sebagai medium perhubungan dalam keluarga. Ini tidak berlaku dalam golongan yang totok yang masih mempunyai halangan psikologi yang amat tebal untuk menggunakan bahasa kebangsaan sepenuhnya dalam lingkungan sekelompok, apa lagi dalam lingkungan keluarga. Dengan demikian model Baba yang diberikan oleh Melaka sebagai tahap tertinggi dan terhalus dalam penyesuaian unsur asing dalam rangka Melayu masih merupakan suatu model terbaik dari segala segi.

Secara grafik kita dapat bayang proses perkembangan itu dari sejak dulu sebagai berikut:

Masa: Kurun	Teras Melayu	Baba	Totok	Barat
k=20 1/2+	Nasional	Jurang generasi		
k=20 1/2-	Melayu	B1 B2 B3	Totok	Inggeris
k=19	Melayu	Baba	Totok	Inggeris
k=18	Melayu	Baba	Totok	Inggeris
k=17	Melayu	Baba		Belanda
k=16	Melayu	Baba		Portugis
k=15	MELAYU/ISLAM		China	
k=0	EKOLOGI ALAM MELAYU			

Apa yang dapat diertikan dalam carta ini ialah terdapat suatu perkembangan melalui masa atau sejarah dalam sistem sosio-budaya Melayu yang sambung-bersambung sehingga ke hari ini dan terus menjadi sistem nasional untuk merangkumi semua unsur yang ada di Malaysia. Perkembangan awal antara sistem Melayu dengan sistem Cina dalam lingkungan ekologi Alam Melayu telah melahirkan bentuk baba pada kira-kira kurun ke-15 ataupun 16 kemudiannya.

Pada kurun ke-16 telah hadir pula sistem Eropah melalui kedatangan Portugis dan berlaku pertembungan dengan masyarakat Melayu, Baba dan Eropah. Namun sistem Melayu dan Baba telah mantap dan terus kekal. Demikian juga pada kurun ke-17 ketika hadirnya Belanda di Melaka. Namun pada akhir kurun yang ke-18 telah datang pula Inggeris dan bersamanya golongan baru dari China dan India yang totok atau singkhek. Dalam lingkungan kuasa Inggeris di Pulau Pinang meskipun terdapat golongan Baba (Straits Chinese) tetapi penyesuaian

mereka agak kurang daripada baba Melaka. Baba Pulau Pinang mengekalkan bahasa Hokkien mereka tetapi ada penyesuaian pada zahirnya terutama dalam bentuk pakaian. Jadi terdapat sistem Melayu, Baba Melaka (B1) dan Baba Pulau Pinang (B2) serta Inggeris. Seterusnya ada kurun yang ke-19 berlaku kedatangan ramai pendatang baru dengan pembukaan Singapura oleh Inggeris. Kehadiran Baba Melaka yang berpindah ke Singapura memberi suatu asas tempatan di kalangan pendatang baru tetapi Baba Singapura (B3) lebih banyak menerima bahasa Inggeris sebagai bahasa pergaulan serta menerima agama Nasrani.

Pertambahan pendatang menenggelamkan golongan baba sehingga golongan totok lebih dominan. Maka golongan Baba perlu berhubung dengan kedua-dua golongan, golongan totok yang baru sampai dan juga Inggeris yang lebih berkuasa. Keadaan ini berterusan hingga ke setengah abad pertama abad ke-20. Pada kira-kira tahun 1930-an golongan Baba menjadi pelopor dan pemimpin bagi golongan Cina seluruhnya dan baba khususnya untuk menyatakan *legitimate right* Cina di Malaysia. Kepimpinan baka bagi orang Cina ini berterusan hingga ke zaman mereka' yakni setengah abad kedua abad ke-20. Tuntutan itu dilanjutkan pula oleh parti politik Cina masa kini di mana konsep *plural, sinification* dan *ethnic nationalism* menjadi objektif mereka.

Namun pada masa kini juga telah berlaku suatu jurang perpisahan di antara generasi muda warganegara Malaysia dengan generasi tua yang masih teringatkan negeri China sebagai satu nostalgia. Generasi muda sudah menanam ciri tempatan sehingga menjadikan generasi tua terpenyal dan terasing. Untuk menghadapi keadaan itu generasi tua membebaskan anak-anak sekolah dengan tindakan mempelajari bahasa asing seperti Mandarin yang tidak lagi relevan bagi kehidupan dan identiti mereka sebagai rakyat dan warganegara Malaysia, dengan alasan itu mereka mengekalkan identiti khusus etnik mereka.

Sikap memperteguhkan ikatan kelompok dan identiti kelompok ini merupakan suatu regresi yang amat besar terhadap proses sejarah yang pernah berlaku dan yang akan berlaku. Ia akan hanya memperlembatkan penyesuaian di samping membebaskan anak-anak dengan beban psikologi dan juga keterasingan dari masyarakat umum Malaysia. Mereka akan terus dianggap sebagai orang asing dalam negara sendiri kerana identiti mereka dipesongkan kepada negara asing.

kesimpulan

Tahap penyesuaian ekologi orang Cina yang datang ke Melaka dan beberapa daerah luar bandar Tanah Melayu telah menjadi cukup tinggi dan berjaya sebagai suatu sistem yang lengkap dan mantap. Ia dapat kekal sehingga beberapa abad dan masih berlaku hingga kini.

Namun kedatangan yang terkemudian belum sempat menerima penyesuaian ekologi yang tinggi dan masih berjuang untuk membuat keputusan apakah mereka akan kekal "Cina" ataukah mereka akan menjadi Malaysia dengan erti ciri asing yang dibawa mesti disesuaikan dengan alam tempatan. 'Malaysian Malaysia' tidak bererti mengekalkan *status quo* zaman kolonial yang mengasingkan antara warganegara tetapi membentuk suatu identiti tempatan dari identiti asing yang dibawa dan diwarisi.

Tidak mungkin ciri asing yang tulen dapat kekal dalam konteks ekologi yang baru kecuali alam baru itu merupakan suatu kekosongan dari sistem sosio-politik yang menentukannya. Bahawa penyesuaian yang pernah berlaku dan yang akan berlaku adalah sebaik-baik bentuk masyarakat bagi kekekalan identiti "Cina" dalam konteks tempatan kerana bukan sahaja ternyata orang Melayu sendiri tidak pernah menganggap orang Cina menjadi Melayu bahkan pada dasarnya relativisma budaya adalah menjadi pegangan sistem budaya Melayu. Pengkalan identiti asli yang asing akan hanya membentuk *ghetto* dan *china town* yang tidak relevan bagi pembangunan negara dan manusia.

Tahap penyesuaian yang tinggi yang telah dicapai oleh golongan baba dan penghuni luar bandar memberi mereka suatu peluang yang lebih terbuka untuk terus hidup sebagai manusia dan membebaskan mereka dari cengkaman tradisi yang sudah asing dan tidak berakar umbi di tanahair sendiri. Beban tradisi asing ini hanya mengasingkan mereka dari tradisi tempatan dan mendedahkan mereka kepada proses keterasingan dan kedatangan yang amat jelas di mata warganegara seluruhnya. Tidak mungkin berlaku 'kelompok dalam kelompok' di mana kelompok besar tidak mempengaruhi kelompok kecil. Tidak mungkin berlaku tempurung budaya Cina bagi kaum Cina berlindung tanpa pengaruh luar untuk membuka tempurung itu dalam konteks Malaysia. Dan tidak mungkin juga kelompok etnik kecil memohon supaya 'tinggalkan kami sendiri' dalam konteks kewarganegaraan yang lebih luas, menyeluruh dan serba merangkum. Setiap orang akan mempunyai tugas dan tanggungjawab sebagai warganegara terutama dalam mendukung sistem nasional yang lebih besar dari sistem etnik.

Demikian juga tidak mungkin sistem etnik dapat kekal bebas dan tersendiri tanpa asas negara yang lebih nyata dan tegas. Sekuat mana sekalipun identiti etnik, tanpa negara dan kewarganegaraan identiti etnik itu tidak bermakna seperti juga orang pelarian di dunia sekarang. Justeru adalah patut jika saat ini diputuskan supaya suatu bentuk penyesuaian yang wajar didapatkan untuk memastikan kewujudan masa depan yang lebih gemilang seperti mana gemilangnya model baba yang berlaku sepanjang beberapa abad hingga ke masa kini. Bukan saja ia telah dapat menghubungkan tradisi tempatan dengan tradisi asing dari

luar bahkan menjadi pemimpin pula dalam bidang-bidang penting seperti ekonomi, politik dan pendidikan. Kegemilangan sejarah masa depan adalah keputusan untuk tidak mempertahankan ciri asing masa kini.

LATARBELAKANG PENULIS

DATO' KHOO KAY KIM adalah Profesor Sejarah Malaysia di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau pernah bertugas sebagai Ketua, Jabatan Sejarah dan juga Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau telah mendapat ijazah B.A., M.A. dan Ph.Dnya, kesemuanya dari Universiti Malaya. Profesor Dato' Khoo Kay Kim adalah seorang sarjana yang cukup prolific. Beliau juga adalah seorang pengulas sukan yang popular di suratkhbar tempatan. Ketokohan beliau sebagai seorang sejarawan amat disegani di dalam dan di luar negeri.

S. SINGARAVELU adalah Profesor Pengajian India di Jabatan Pengajian India, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau telah mendapat ijazah B.A., M.A. dan Ph.Dnya daripada Universiti Malaya. Beliau pernah menyandang jawatan Ketua, Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya. Beliau telah banyak menghasilkan karya ilmiah dan tesis Kedoktorannya telah diterbitkan oleh University of Malaya Press.

TOORU NOMURA adalah seorang Pensyarah di Kansai University of Foreign Studies, Osaka, Jepun. Encik Tooru Nomura mempunyai ijazah B.A. dan M.A.nya dari Aoyama Gakuin University, Tokyo, Jepun. Beliau adalah satu-satunya sarjana Jepun yang amat berminat tentang sejarah Asia Tenggara. Beliau menguasai banyak bahasa termasuk Bahasa Cina, Thai, Perancis dan Melayu di samping Bahasa Inggeris dan Jepun. Beliau kini sedang menyiapkan tesis Ph.Dnya berhubung dengan peranan masyarakat Cina awal di Malaysia. Encik Tooru Nomura pernah berada di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, selama dua tahun untuk menjalankan penyelidikannya disini.

ZAINAL KLING adalah seorang Profesor Madya di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau telah mendapat ijazah B.A. dan M.A.nya dari Universiti Malaya dan Ph.D dari University of Hull, United Kingdom. Beliau adalah juga seorang pemikir budaya yang berwibawa di tanahair dan telah banyak menulis berhubung dengan tema ini. Beliau pernah menyandang jawatan Ketua, Jabatan Antropologi dan Sosiologi dan Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya.

YAHAYA ABU BAKAR adalah seorang Pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Beliau telah mendapat ijazah B.A.nya dari Universiti Malaya dan M.A.nya dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Kini beliau sedang menyiapkan tesis Ph.Dnya di Universiti Malaya. Beliau merupakan salah seorang sarjana tempatan yang menguasai Bahasa Portugis dengan baik. Beliau pernah menjalankan penyelidikan berhubung dengan sumber-sumber Portugis mengenai sejarah Malaysia di Britain dan Portugal.